

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2004	(Halaman 14)
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud B.21	(Halaman 14)
Maksud B.22	(Halaman 61)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2004	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.21	(Halaman 14)
Maksud P.22	(Halaman 61)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 41)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat- Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Menteri Pengangkutan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B. (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	kosong (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)

Yang Berhormat	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)

Yang Berhormat	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A. (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman**Penolong Setiausaha**Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng**PETUGAS-PETUGAS****UNIT CETAK**Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor**JURUBAHASA SERENTAK**Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed**BENTARA MESYUARAT**Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PERUNDANGAN**Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 8 Oktober 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)]

mempengerusikan Mesyuarat**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mengenai kerosakan sistem pemeriksaan masuk dan tempahan tiket yang menyebabkan beberapa penerbangan dalam negeri dan antarabangsa di KLIA terpaksa berlepas lewat berikutan gangguan pada sistem kawalan pelepasan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, beberapa kejadian kelewatan penerbangan berlepas oleh Penerbangan Malaysia yang telah berlaku di KLIA baru-baru ini telah disebabkan oleh gangguan bekalan elektrik. Gangguan tersebut telah menyebabkan kegagalan sistem tempahan komputer MAS. Akibat daripada ini, proses pemeriksaan masuk dan berlepas ataupun *Departure Control System* (DCS) penumpang MAS terpaksa dilakukan secara manual dan ini telah menyebabkan keadaan kelewatan berlepas berlaku di penerbangan MAS. Untuk mengelakkan kejadian seumpama itu berulang lagi, MAS telah mengambil langkah-langkah termasuk meningkatkan keupayaan dengan izin *Information Technology Operation Recovery Management* dan menjalankan satu audit yang lengkap ke atas sistem elektrikal MAS di samping meningkatkan khidmat sokongan operasinya.

MAS sekarang telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah yang dicadangkan oleh pasukan audit tersebut. Antara langkah-langkah adalah:

- (i) memperbaiki sistem elektrik;
- (ii) meningkatkan keupayaan UPS iaitu *Uninterrupted Power System* dengan izin dan generator.

Selain daripada itu, pihak yang bertanggungjawab di KLIA Malaysia Airport Holding Berhad juga telah mengambil langkah meneliti serta meningkatkan sistem sokongan yang digunakan.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya di pejabat *ticketing* dan *check in* di Kuching International Airport, saya difahamkan bahawa mereka hanya ingin melayan penumpang-penumpang yang *immediate passenger*, penumpang yang dengan segera hendak berangkat dari Kuching International Airport. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengarahkan pejabat *Ticketing Counter* di Kuching supaya mereka juga menerima tempahan untuk penerbangan-penerbangan yang lain, bukan sahaja yang *immediate departing passenger* dan seterusnya apabila *system failure*, bolehkah kita menentukan pegawai-pegawai yang bertugas di sana pandai menjalankan tugas mereka secara manual. Kerana pada minggu lepas apabila giliran saya datang membeli tiket di KLIA, mereka mengatakan sistem *down*.

Jadi saya bertanya jika ada cara lain, mereka kata tidak ada. Jadi macam mana? Saya tidak pandai bekerja secara manual, kata mereka. Bolehkah Timbalan Menteri memberi penjelasan sedikit?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, di Airport Kuching memang ada tempat untuk dua bahagian; satu bahagian ialah tempat untuk menempah tiket yang mana kita tidak berlepas dengan waktu yang singkat, *the other* tempat ialah *checking counter*. Jadi saya tidak faham mengapa Yang Berhormat menghadapi masalah untuk menempah tiket di KLIA. Mungkin kerana kaunter untuk membeli tiket MAS tidak dibuka 24 jam, mungkin itulah masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat.

Yang kedua, MAS sedar bahawa apabila sesuatu krisis berlaku, kita menghadapi pelbagai masalah dan sebab itulah masa gangguan itu panjang sedikit. Oleh yang demikian, MAS baru-baru ini telah melantik seorang pengurus khusus untuk mengendalikan keadaan *critical problem* dengan izin supaya beliau dapat menyatukan segala langkah dan tenaga serta usaha untuk menentukan segala masalah dan gangguan yang berlaku dapat dipendekkan dan ketidakselesaian kepada penumpang-penumpang dapat dikurangkan.

MAS sedar bahawa mereka beroperasi dalam keadaan yang begitu kompetitif. Jadi adalah matlamat MAS sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan keupayaannya memberi *the best service in the world*. *Thank you*.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah MAS akan melaksanakan potongan bagi penerbangan domestik bagi pelajar-pelajar dan pesara yang kita ketahui pada masa sekarang sudah ada pengurangannya dan juga bagi Ahli-ahli Parlimen. Saya ingin bertanya apakah hubung kait insiden yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi di Singapura mengenai ancaman pengeboman bagi pesawat SIA dan Pesawat MAS yang terbabas daripada landasan pada 6 Oktober yang lalu. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai potongan tambang. Kita ambil maklum cadangan Yang Berhormat. Mengenai perkara yang kedua adalah perkara-perkara tertentu jadi saya minta notis kepada Yang Berhormat.

2. Tuan Nasharudin bin Mat. Isa [Yan] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah yang sama akan diambil ke atas premis-premis maksiat yang telah dikenal pasti seperti mana tindakan ke atas penjualan VCD haram dan lucah yang telah dilaksanakan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan, melalui Pihak Berkuasa Tempatan, adalah bertanggungjawab bagi mengeluarkan lesen untuk premis perniagaan dan aktiviti hiburan.

Justeru itu, sekiranya didapati premis berkenaan menyalahi syarat-syarat lesen dengan mengadakan aktiviti maksiat, maka PBT akan mengambil tindakan seperti mana yang diambil ke atas premis yang menjual VCD haram dan lucah, seperti menyita, mengenakan kompaun, menarik balik lesen dan sebagainya. Pada kebiasaannya, bagi membanteras aktiviti-aktiviti maksiat, PBT akan bertindak secara bersepadu bersama agensi-agensi penguat kuasa yang lain seperti polis, Jabatan Imigresen, Jabatan Agama Islam Negeri dan lain-lain lagi. Sekian.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian tentang satu artikel yang keluar dalam *AFP*, yang mana telah menyebut tentang Persidangan OIC dan tarikan-tarikan terbaru di Kuala Lumpur. Contohnya artikel tersebut antara lain menyebut tentang wujudnya sebuah *Eye-Club* di Jalan P. Ramlee dengan mengumumkan iklan di hadapan kelab ini "*Sexy Bar-maid on Tuesday*". Kemudian, *The Bar Fly*, sebuah lagi bar di Jalan Sultan Ismail, yang disebut di sini, "*...has introduced a bar-top dancing by scantily-clad girls*". Yang ketiganya ialah tarikan-tarikan lain termasuk artikel yang ditulis dalam majalah *The Expect*.

Kalau kita membandingkan apa yang berlaku di Kuala Lumpur ketika hendak menyambut pemimpin-pemimpin OIC dengan Bangkok sempena dengan Persidangan APEC, Perdana Menteri Thailand telah mengumumkan dan mengarahkan supaya semua premis maksiat ini ditutup tetapi di Kuala Lumpur bersempena dengan Persidangan OIC, semakin banyak premis ini wujud khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian yang tadi telah menyebut bahawa lesen untuk premis ini boleh ditarik balik sedangkan kewujudan benda-benda ini jelas terbukti dan boleh dilihat secara terbuka - boleh kita lihat di Jalan P. Ramlee, di Jalan Bukit Bintang dan sebagainya. Minta penjelasan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat itu adalah spesifik iaitu perkara mengenai sesuatu *establishment*. Kita perlu ada maklumat yang lebih lanjut supaya pihak DBKL boleh menyiasat dan kalau perlu, mengambil tindakan yang sewajarnya sejajar dengan undang-undang yang sedia ada. Saya nasihatkan kepada Yang Berhormat untuk membolehkan perkara ini disiasat dan kalau itulah yang dipentingkan oleh Yang Berhormat, saya rasa maklumat itu boleh disampaikan kepada pihak DBKL untuk siasatan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sama ada kerajaan bercadang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat, umpamanya merotan, sebagaimana hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang terbabit dengan dadah, sedangkan ibu bapa ataupun penjaga yang tidak mahu menghantar anak mereka ke sekolah pun, hukuman berat diambil. Jadi, sama ada pihak kementerian akan mengkaji tentang hukuman yang lebih berat akan diambil ke atas mereka yang terbabit, tidak kira sama ada yang pergi menengok iklan-iklan itu sendiri, itu terpulanglah tetapi sama ada hukuman berat akan diambil ke atas mereka yang melakukan kesalahan ini kerana saya tidak tahulah orang lain, di depan mata saya pun budak di bawah umur sanggup mengedar VCD haram sedangkan pula banyak premis yang telah dengan berani melakukan kegiatan seperti ini.

Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah setakat kompaun ataupun penguatkuasaan yang diambil oleh kerana sudah cukup untuk mengingatkan mereka tentang kesalahan yang dilakukan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi pihak PBT, PBT mengambil tindakan seperti ini terutamanya dengan menyita barangan yang dikenal pasti sebagai menyalahi undang-undang. Mereka boleh menutup kedai atau premis itu dengan menarik balik lesennya apabila perkara ini dibawa ke mahkamah dan dinasihati oleh pihak mahkamah supaya *establishment* ini ditutup. Selain daripada itu, mereka boleh dikenakan kompaun seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Kompaun ialah tidak melebihi RM500 bagi sesuatu kompaun. Ini telah ditetapkan dalam undang-undang dan kita kenalah mematuhi apa yang telah ditetapkan dalam undang-undang.

Untuk makluman Yang Berhormat, enakmen-enakmen di peringkat negeri kalau dibandingkan dengan Akta Hiburan yang diguna pakai oleh DBKL, amaun kompaun yang dikenakan adalah lebih kecil lagi, seperti di Kota Bharu umpamanya, kompaun hanyalah antara RM100 hingga RM250 – sangat rendah kalau dibandingkan dengan kuasa untuk mengenakan kompaun.

3. Puan Lim Bee Kau [Padang Serai] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah kadar pengangguran dan jumlah pekerja yang diberhentikan akibat penutupan kilang di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2002, kadar pengangguran berada pada tahap 3.5 peratus manakala pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia menganggarkan kadar pengangguran berada pada tahap lebih baik iaitu menurun 0.1 peratus kepada tahap 3.4 peratus. Sejumlah 5,722 pekerja diberhentikan akibat penggulungan syarikat pada tahun 2002 manakala bagi tempoh Januari sehingga September tahun ini, sejumlah 1,860 orang pekerja diberhentikan atas sebab yang sama.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Soalan tambahan saya ialah di dalam konteks mengurangkan masalah pengangguran ini, apakah usaha kementerian di dalam menempatkan semula pekerja-pekerja yang diberhentikan di sektor-sektor perkilangan yang lain ataupun di dalam sektor-sektor yang lain seperti perkhidmatan dan sebagainya. Setakat ini sejauh manakah keberkesanannya? Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Padang Serai, kementerian melalui beberapa jabatan dan agensi Kementerian Sumber Manusia seperti Jabatan Tenaga Kerja serta Jabatan Sumber Manusia telah membuat beberapa pendekatan bagi memastikan yang pencari-pencari kerja didedahkan dengan maklumat-maklumat yang terkini. Umpamanya, baru-baru ini mengadakan *Job Fair* di Kelantan.

Kita tidak pernah mengadakan *Job Fair* di Kelantan, Tuan Yang di-Pertua tetapi kita buat pada tahun ini kerana kita mendapat sambutan yang begitu baik walaupun daripada jumlah pekerjaan yang ditawarkan berjumlah 6,000, hanya 10 peratus sahaja yang ditawarkan di negeri Kelantan manakala 90 peratus ditawarkan di luar negeri Kelantan. Itu sebagai suatu *approach* supaya mengadakan seberapa banyak *Job Fair*.

Kedua, kita juga sudah mula memperkenalkan *website* kita iaitu ELX atau *electronic labour exchange*. Antara *software* yang ada dalam ELX ini ialah JCS - Job Clearing System di mana pencari kerja boleh mendaftar. Kita juga galakan majikan mendaftar supaya kerja-kerja kosong dapat diketahui oleh pencari kerja, bukan sahaja di tempat mereka bermastautin tetapi di tempat lain juga. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Bajet 2004, kerajaan telah mengumumkan untuk menumpukan perhatian kepada Domestic Direct Investment (DDI) memandangkan Foreign Direct Investment (FDI) berkurangan. Jadi, saya ingin tahu dari Yang Berhormat, apakah impak tumpuan baru DDI ini terhadap peluang pekerjaan dan kadar pengangguran di Malaysia ini dan adakah kementerian sudah buat kajian mengenai fokus baru ini terhadap peluang pekerjaan di Malaysia ini?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Tanjong. Dasar ini adalah dasar baru yang menekankan, dengan izin, Domestic Direct Investment iaitu menggalakkan pelabur-pelabur tempatan untuk melabur kerana rangsangan daripada FDI berkurang, bukan sahaja di Malaysia tetapi di mana-mana juga di rantau ASEAN.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat tanya pasal kajian, jadi kita belum lagi membuat kajian serta impaknya. Walau bagaimanapun, antara salah satu *core*, dengan izin, untuk memastikan dengan adanya DDI ini, peluang pekerjaan adalah bertambah dengan lebih baik, khususnya kepada rakyat tempatan, kementerian mengaturnya beberapa strategi, terutamanya memastikan yang pekerja mahir sentiasa dilatih semula dan peranan ini diambil oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di mana kita mengadakan *road show*.

Semalam saya berada di Johor Bahru untuk mengadakan *road show* untuk memastikan bahawa mereka yang berada dalam SMI ini terlibat secara horizontal dan juga vertikal untuk mereka mendalami kemahiran-kemahiran baru supaya mereka mengeluarkan produk-produk baru yang boleh bersaing di peringkat global. Terima kasih.

4. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah program kerajaan dalam menyediakan tabung terokaan (*venture capital*) bagi membantu usahawan muda dalam bidang ICT.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, di samping beberapa usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membangun dan mengembangkan modal teroka negara ini, pada 5 Jun 2003 yang lalu, Kementerian Kewangan telah mengumumkan program Cradle Investment Program (CIP)

yang dilaksanakan oleh MAVCAP sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi.

Program ini bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada individu dan syarikat yang berada dalam tahap *pre-seed* bagi membangunkan konsep dan idea mereka kepada model perniagaan di tahap *seed*. Kumpulan sasar utama program ini adalah para siswazah yang masih menuntut di universiti sama ada di dalam ataupun di luar negara serta graduan teknologi maklumat yang masih belum mempunyai pekerjaan tetap.

Sehubungan dengan ini, MAVCAP telah diberi peruntukan sebanyak RM100 juta bagi melaksanakan program ini. Mereka yang berjaya terpilih mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan akan menerima geran daripada MAVCAP dengan jumlah maksimum yang ditetapkan sebanyak RM50 ribu bagi setiap idea yang terpilih.

Kerajaan mengadakan program seumpama ini kerana ia bukan sekadar dapat merealisasikan idea pemuda-pemudi kepada peluang komersial, malah dapat merangsang pembangunan usahawan muda yang baru dan mewujudkan masyarakat inovatif di Malaysia.

Mereka yang berjaya akan menambahkan lagi *deal flows*, dengan izin, dalam industri modal teroka di tahap *seed* dan usahawan muda ini dapat ditingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi seperti *expansion*, *mezzanine*, *pre-IPO* dan sebagainya. Kerajaan yakin usaha-usaha ini akan mewujudkan satu persekitaran yang sihat yang akan mempercepatkan proses transformasi rakyat Malaysia ke arah ataupun ke era ekonomi berasaskan pengetahuan. Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen. Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, inovasi dan pembangunan idea di dalam bidang ICT ini, kita sepatutnya sudah berkembang dengan begitu maju sekali. Tetapi saya difahamkan modal teroka ini tidak banyak yang melanggan ataupun *takers*nya tidak ramai, sedangkan kita mempunyai infrastruktur yang cukup, penyediaan modal yang cukup tetapi masih tidak digunakan sepenuhnya.

Saya ingin tahu adakah kerajaan telah meneliti dan mengkaji di mana masalahnya ataupun kerajaan ada mengkaji *progress* setakat ini, apa yang perlu dilakukan, insentif dan sebagainya yang perlu diberikan supaya lebih ramai *takers* dan boleh memanfaatkan *fund* yang disediakan oleh kerajaan ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Sebenarnya masalah yang dihadapi sekarang ialah kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar untuk membangunkan dan mengembangkan *venture capital* ataupun modal teroka tetapi masalahnya kita kekurangan, dengan izin, *deal flows*. Ertinya tidak ramai orang yang mempunyai idea untuk menyambut segala kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan ini.

Dengan sebab itulah, maka di bawah Cradle Investment Program (CIP) yang saya sebutkan tadi, maka kita menyediakan satu dana bagi membolehkan golongan muda kita, siswazah ataupun mereka yang sedang menganggur dan yang telah meninggalkan universiti untuk muncul dengan idea, inovasi dan kreativiti mereka dan kerajaan akan menyambut kedatangan mereka ini dengan dana sebanyak RM100 juta supaya dapat mereka merealisasikan idea, inovasi dan kreativiti mereka di peringkat *pre-seed*. Ertinya di peringkat idea sahaja.

Mereka yang mempunyai idea yang baru dan canggih, mereka boleh memanfaatkan program ini sehingga mereka dimajukan atau di "*develop*" sampai ke peringkat *seed* dan seterusnya ke peringkat-peringkat yang lebih tinggi daripada itu. Jadi, program CIP ini adalah untuk menyediakan *deal flows*, dengan izin, atau menyediakan mereka yang mempunyai idea untuk menyambut dana yang begini besar yang disediakan oleh kerajaan dalam bidang modal teroka supaya dengan ini dapat kita realisasikan kreativiti, inovasi dan idea mereka yang baik ke arah kita memajukan *venture capital* ataupun modal teroka di negara ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengatakan syabas kepada kerajaan atas pembentukan CIP ini untuk membolehkan para

peneroka di peringkat *pre-seed* ini terus melibatkan diri dalam perkembangan ICT, khususnya di peringkat komersial. Namun demikian, kita difahamkan bahawa maklumat terus kepada mereka yang layak untuk memohon ini masih lagi tidak begitu jelas.

Maka dengan itu, saya ingin bertanya, setakat manakah sambutan para graduan atau para siswazah kepada tabung teroka ini setakat ini dan apakah halangan-halangan yang telah dikenal pasti yang mempengaruhi sambutan yang memuaskan ataupun yang tidak memuaskan? Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk program CIP tadi, saya hendak beritahu bahawa baru-baru ini semenjak Jun 2003 ia dilancarkan, ia telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan di kalangan golongan muda kita para siswazah dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat tarikh tutup ialah 17 September 2003, kita mula pada Jun 2003 dan ditutup pada peringkat awal, peringkat pertama – bukan ditutup terus.

Kita mendapat sambutan daripada pemohon seramai 783 orang, di antara 783 ini, 42 orang telah kita terima dengan permohonan yang lengkap dan 20 orang daripada mereka telah pun menerima geran ini daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 29 September yang lalu pada Hari Kualiti Kementerian Kewangan. Baru dapat geran seramai 20 orang dan yang lain-lain itu sedang diproses dan akan kita buat secara berterusan pemilihan ini, dan tarikh tutup adalah pada 15hb tiap-tiap bulan. Selepas itu bulan akan datang *batch* yang seterusnya dan kita akan terus-menerus menilai, menganalisa dan memilih mereka yang mempunyai idea ini untuk kita berikan bantuan, kita realisasikan idea mereka supaya dengan ini kita dapat banyak *deal flows* daripada mereka dan memajukan industri *venture capital* negara kita.

Setakat ini belum ada halangan yang kita perolehi Yang Berhormat, kerana kita mempunyai kelebihan yang tersendiri, program ini mempunyai kelebihan yang baik, pertama ianya bersifat geran, ertinya kita beri sahaja geran dengan modal RM50,000 maksimum, selepas itu tidak ada *interest*, ada *access* yang mudah, kita ada *website* 24 jam, ada mentor yang mengasuh dan menjaga dan membimbing mereka. Ini merupakan lanjutan daripada Mikro Kredit Skim, iaitu skim pinjaman mudah, yang disediakan kepada peniaga, petani yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini.

Jadi, setakat ini kita tidak ada halangan dan sambutan cukup baik dan jikalau ada sebarang halangan nanti kita akan kaji dan kita akan atasi dengan sempurna. Terima kasih.

5. **Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Penerangan menyatakan rasional pengkorporatan RTM dan bila ia akan bermula.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat keputusan untuk mengkorporatkan RTM pada 18 September 2002. Melalui keputusan kajian tersebut proses pelaksanaan pengkorporatan RTM telah bermula dan kini Kementerian Penerangan bersama Unit Perancangan Ekonomi dan Kementerian Kewangan sedang dalam proses menyiapkan perjanjian pengkorporatan RTM. Pengkorporatan RTM dijangka akan dapat dilaksanakan pada awal tahun depan. Rasional kerajaan mengkorporatkan RTM ialah seperti berikut:

- (i) memantapkan pengurusan RTM sebagai sebuah organisasi media kerajaan yang terunggul;
- (ii) mengurangkan pergantungan kepada kerajaan;
- (iii) meningkatkan mutu penerbitan siaran;
- (iv) meningkatkan kualiti kandungan siaran;
- (v) meningkatkan kecekapan tenaga kerja;
- (vi) menjadikan RTM berdaya saing;
- (vii) meningkatkan imej negara di peringkat antarabangsa;

- (viii) menyokong pembangunan industri filem tempatan; dan
- (ix) meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selamat pagi Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. RTM satu-satunya saluran yang menyalurkan maklumat rasmi kerajaan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: UMNO.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oleh sebab kerajaan itu UMNO..

Seorang Ahli: Itu kena guna satu saluran lagi.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau dia memerintah lebih dahsyat lagi. *[Ketawa]* Jangan cakaplah, PAS kalau ada kuasa lebih banyak penyalahgunaan kuasa. UMNO lebih rasional. Soalan. Saya bimbang tujuan asal untuk menjadi saluran maklumat antara kerajaan dan rakyat akan terjejas, kerana ditakuti dalam masa korporat ini dia lebih mementingkan kewangan. Sedangkan hari ini siaran berita pun ada iklan. Maknanya bukan maklumat hendak disampaikan, itu tujuan asalnya tetapi ialah kewangan. Jadi, saya bimbang ini nanti penuh dengan iklan sahaja. Kerana hendak mencari keuntungan kepentingan rakyat dan hubungan baik antara kerajaan dengan rakyat itu akan terjejas. Jadi, apa jaminan?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ucapan Perdana Menteri itu penting diketahui oleh rakyat, maka itu patutlah disiarkan. Ucapan menteri-menteri pun patut diketahui oleh rakyat, lebih-lebih lagi Menteri-menteri Barisan Nasional daripada UMNO, patut disiarkan oleh RTM untuk rakyat. Sama ada orang PAS, orang KeADILan, orang DAP tidak suka itu soal dia. Jadi, apa jaminan? Supaya tujuan asal ini tidak terjejas, *you* jawab politik sikit, henyak lebih dia. *[Ketawa]*

Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading yang memberi pandangan di atas pengkorporatan RTM. Untuk makluman Yang Berhormat janganlah bimbang kerajaan hanya ingin mengkorporatkan RTM dan bukan sampai penswastaan. Itu adalah tanggungjawab kerajaan supaya kita melalui Rancangan Televisyen Malaysia, kita akan memberi maklumat yang tepat dari pihak kerajaan. Buat masa ini 56% masa adalah untuk memberi maklumat dari pihak kerajaan kepada rakyat. Mengenai isu iklan, adalah satu *international standard*, hanya 15% masa yang di dalam satu program untuk masa iklan sahaja. Oleh itu Yang Berhormat jangan bimbang, kita tahu apa yang mesti dibuat, tetapi kalau Yang Berhormat ada cadangan yang baik memang kita akan terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batang Sadong, sila.

Puan Hajah Sukinam Domo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Biasanya pengkorporatan ini memang kita tidak dapat lari daripada unsur kewangan dan kita ada juga jabatan-jabatan kerajaan yang telah dikorporatkan, tetapi kita dapati dia tidak begitu berkesan, misalnya Jabatan Pos dikorporatkan. Saya rasa Jabatan Pos adalah satu jabatan yang tidak begitu efektif, pada pandangan saya. Dalam hal ini saya ingin bertanya, kita hendak mengkorporatkan satu badan ataupun satu jabatan, tetapi adakah kita membuat persiapan dan persediaan yang rapi untuk mengkorporatkan kakitangannya. Maksudnya minda dan sikap kakitangan. Kadang-kadang organisasi dikorporatkan tetapi kakitangan itu tidak dikorporatkan sehinggakan cara bekerjanya masih sama. Apakah persiapan dan persediaan yang telah dibuat? Sekian terima kasih.

Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Selalunya apabila kita membuat pengkorporatan kita akan membuat pemantauan, melihat sesuai ataupun tidak. Kita nampak apabila pengkorporatan dan seterusnya penswastaan, kita nampak ada yang memberi kejayaan seperti Tenaga Nasional, Telekom, ini memang telah meningkatkan mutu

perkhidmatan dan juga kemudahan kepada rakyat. Kita haraplah dengan *modern management* yang tidak dapat dari pengkorporatan ini kita akan menaikkan kecekapan tenaga kerja kita.

6. **Tuan Mah Siew Keong [Telok Intan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa peratus murid yang layak menerima pinjaman buku teks di Sekolah Kebangsaan SJK (C) dan SJK (T) dan adakah ia lebih menjimatkan dari segi kos pentadbiran jika semua pelajar diberi kemudahan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) adalah untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga yang kurang mampu dan memastikan murid dari keluarga yang kurang mampu tidak tercicir dalam persekolahan mereka. Sehingga kini peratus murid di sekolah kebangsaan yang mendapat buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks ialah 90% - sekolah jenis kebangsaan Cina, SJK(C) – 61%, dan sekolah jenis kebangsaan Tamil, SJK(T) ialah 98%. Untuk makluman, kementerian belum bercadang untuk memberikan buku pinjaman SPBT kepada semua murid kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SPBT memanglah untuk meringankan beban kewangan ibu bapa yang miskin, tetapi untuk memberikan *advantage* kepada sekolah kebangsaan, kerajaan telah menetapkan kriteria-kriteria yang berbeza. Mengikut Tenth Year Education Master Plan, bagi Sekolah Kebangsaan semua pelajar yang ibu bapa atau penjaga berpendapatan kurang daripada RM1,500 semua anaknya akan dapat pinjaman. Tetapi bagi SJK(C) dan SJK(T), sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah teknik dan sekolah menengah vokasional kriteria itu berlainan.

Umpamanya di sini, kalau semua anak layak dapat pinjaman buku teks pendapatan mereka haruslah di paras sebanyak RM700 sebulan ke bawah. Ini memang satu diskriminasi. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kemiskinan tidak mengenali warna kulit seseorang atau jenis sekolah. Adalah tanggungjawab kerajaan untuk melaksanakan polisi yang adil membangunkan semua sekolah dan memberikan peruntukan yang adil dan terpulanglah kepada ibu bapa untuk memilih sekolah bagi pihak anak-anak mereka. Ini terang-terang adalah satu polisi diskriminasi. Lagi pun usaha untuk memberikan *advantage* ini supaya ibu bapa akan memilih sekolah kebangsaan telah gagal. Jadi, bilakah kerajaan akan menghentikan polisi yang tidak adil dan berbau diskriminasi ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Bolehkah saya hendak dapat - saya memang pernah tulis kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambahan satu sahaja.

Tuan Kerk Kim Hock: Satu sahaja. Saya tidak dapat jawapan selama setahun bahawa saya nampak ada masalah di Education Master Plan. Bagi tahun 2000 jumlah bilangan murid bagi SJK(T) ada 88,805 orang, tetapi jumlah penerima adalah 92,392 orang, lebih daripada jumlah *enrolment*. Saya pernah tulis surat kepada kementerian, melalui email juga tetapi tidak ada jawapan. Mengapa ada *phantom discipline*kah?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat ketinggalan zaman. Sebenarnya apa disebutkan oleh Yang Berhormat ini memang tidak benar, ketinggalan zaman (*out-dated*). Walau bagaimanapun, kita telah ubah. Sebenarnya pada tahun 2001 Kementerian Pendidikan telah ubah tentang kelayakan. Sebenarnya apa jua kelayakan yang kita tetapkan sudah tentu Yang Berhormat akan pertikaikan. Itu sudah tentu, tetapi saya rasa rakyat Malaysia patut bersyukur dan juga rasa terima kasih kepada kerajaan kerana kalau kita lihat banyak negara masih tidak ada buku, tidak ada sekolah, tidak ada kemudahan-kemudahan seperti yang kita lengkapkan, apatah lagi untuk memberikan pinjaman buku teks kepada murid-murid.

Jadi, ini satu hakikat rakyat Malaysia atau parti-parti pembangkang mesti menerima. Ini satu usaha yang baik oleh kerajaan. Jadi, ini memang benar, tidak dapat kita pertikaikan. Cuma siapa dapat kurang, siapa dapat banyak ini tidak harus dijadi satu pertikaian supaya merosakkan keharmonian rakyat terdapat di Malaysia ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Duduklah! Dengar jawapan saya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila dengar jawapan.

Dato' Hon Choon Kim: Belum habis lagi, belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila dengar. Suka tak suka itu jawapan, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Sabar! Saya cakap kalau tidak mahu dengar, saya boleh duduk, tidak ada hal. Ini tanggungjawab, bila Yang Berhormat tanya saya jawab. Itu sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Jadi, sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini murid-murid sekolah kebangsaan dan sekolah menengah agama rakyat yang ibu bapa atau penjaga mereka berpendapatan RM2,000 ke bawah adalah layak menerima pinjaman buku teks tanpa mengira bilangan anak atau tanggungan. Ini telah ditetapkan. Bagi murid-murid SJK(C) atau SJK(T) yang ibu bapa atau penjaga mereka berpendapatan RM1,000 ke bawah adalah layak menerima pinjaman buku teks tanpa mengira bilangan anak atau tanggungan. Jadi, ini sudah dipinda.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat, inilah kaedah yang kita pakai lama. Kaedah-kaedah ini masih kita pakai untuk sekolah menengah kebangsaan, untuk sekolah menengah kebangsaan agama, untuk sekolah menengah teknik dan sekolah menengah vokasional. Jadi, ini jelas, kita tidak ada melakukan ketidakadilan dan sebagainya. Kita cuma pilih sekolah sahaja. Kita rasa sekolah kebangsaan ini untuk semua rakyat, jadi tidak ada diskriminasi yang kita lakukan. Kalau Yang Berhormat hantar anak ke sekolah kebangsaan, dia layak dapat pinjaman ikut kelayakan yang telah ditetapkan. Jadi, soal diskriminasi ini tidak berlaku kerana kita lihat jumlah wang yang kita gunakan untuk melaksanakan Skim Pinjaman Buku Teks ini memang meningkat.

Pada tahun 2002 jumlah wang yang telah digunakan sebanyak RM139.2 juta telah kita gunakan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks. Untuk tahun ini ia telah meningkat kepada RM299.9 juta, kosnya lebih tinggi kerana pada tahun ini kita perlu gantikan buku-buku yang sudah lama dan kita sudah pinda beberapa mata pelajaran di mana kurikulumnya telah kita pindakan. Jadi, saya harap Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat dari pembangkang, khususnya DAP janganlah sentiasa hendak memainkan isu ini. Saya minta Yang Berhormat boleh memberikan kerjasama.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalahnya sekarang perbezaan iaitu antara sekolah kebangsaan, SJK(C) dan SJK(T) telah disalah anggap oleh setengah pihak sebagai bukan diskriminasi antara sekolah tetapi diskriminasi antara golongan berpendapatan rendah. Itulah masalahnya. Sebab motif kementerian mengadakan skim pinjaman ini adalah untuk menolong pelajar miskin, bukan untuk menggalak mana-mana pihak pergi ke mana-mana sekolah. So, ini dieksploitasi oleh setengah pihak dan juga disalah anggap oleh setengah pihak. Sekarang saya ada banyak yang datang kerana hak maksimum untuk mendapat pinjaman buku teks untuk SJK adalah RM1,000. So, jika kakitangan kerajaan atau swasta, pay slip adalah RM1,100 dia tidak layak.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah maklum dia boleh tengok bahawa 67% yang dapat buku pinjaman tetapi dia sebab dia ada RM1,100 dalam *pay slip* dan dia hendak menanggung lima orang anak, dia tidak boleh. Jadi, *cost of living* sudah naik, jadi saya hendak bertanya adakah kementerian bercadang meningkatkan amaun ini untuk mengurangkan beban kewangan kepada golongan berpendapatan sederhana rendah ini. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang cukup prihatin orang miskin ini. Yang Berhormat, sepatutnya kita lihat untuk keseluruhannya apa jenis bantuan yang telah diberikan kepada orang miskin atau kumpulan orang miskin ini. Kalau kita lihat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, cuma dalam bidang pendidikan sahaja, tetapi kalau kita lihat keseluruhannya, banyak cara kerajaan bantu orang miskin. Saya rasa negara Malaysia ini sebuah negara yang terbaik untuk menjaga kepentingan orang miskin. Jadi, saya berharap Yang Berhormat bolehlah menjelaskan kepada rakyat, jangan biarkan orang berniat yang jahat itu sentiasa membangkitkan perkara-perkara yang tidak manis, yang tidak baik, yang tidak patut.

Jadi, itulah, sebenarnya kalau kita lihat sejarah ini, memang pada masa lampau itu sekolah-sekolah bukan semua ibu bapa dapat pinjaman buku teks, tetapi sekarang ini kita juga melihat dari segi kemampuan kerajaan, yang saya sebutkan tadi kita pun telah menggunakan begitu banyak wang. Jadi, kita lihat kalau keadaan baik, ekonomi baik, semua rakyat menyokong kerajaan maka ekonomi lebih bertambah baik mungkin pada masa itu kita merasa timbang untuk memberikan lebih banyak bantuan kepada murid-murid yang terdapat di sekolah kita ini. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Mohd. Nasir bin Che Daud [Kuala Krai] minta Menteri Kerja Raya menyatakan kaedah dan tatacara yang akan diguna pakai dalam usaha untuk mengambil alih pengurusan bekalan air daripada kerajaan negeri serta nyatakan sebab-sebab sebenar langkah tersebut perlu dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Sumber Air Negara pada 29 Julai 2003 yang lalu, telah bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih pengurusan bekalan air dan pembangunan sumber air dari semua kerajaan negeri melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Mekanisme atau tatacara pengambilalihan ini akan hanya diputuskan setelah Jawatankuasa Pemandu menerima maklum balas dan pandangan dari pelbagai pihak khususnya dari Jabatan Peguam Negara.

Keputusan pengambilalihan pengurusan bekalan air negeri tersebut adalah bagi memastikan sektor bekalan air di negara ini dapat diuruskan dengan lebih berkesan dan negara mempunyai bekalan air bersih yang selamat dan mencukupi untuk tempoh jangka masa panjang.

Pada masa kini kebanyakan dari kerajaan negeri menghadapi masalah kewangan untuk membangunkan prasarana baru bekalan air di negeri masing-masing. Untuk melaksanakan program baru pembangunan bekalan air bagi tempoh 50 tahun iaitu dari tahun 2000 hingga 2050 dianggarkan kos pelaburan sebanyak RM52 bilion diperlukan bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

Hakikatnya kemampuan kewangan kerajaan negeri untuk membangunkan infrastruktur bekalan air masing-masing adalah amat terhad dan amat memerlukan bantuan kewangan dari Kerajaan Persekutuan.

Di samping itu, di negara ini sumber air mentah khususnya di Semenanjung Malaysia tidak dapat diagihkan secara sama rata disebabkan oleh kedudukan sungai-sungai utama yang lebih banyak tertumpu di sebelah Pantai Timur berbanding Pantai Barat.

Terdapat negeri-negeri yang mempunyai sumber air mentah yang berlebihan dan ada pula negeri yang tidak mempunyai bekalan air mentah yang mencukupi. Walaupun begitu, komposisi taburan penduduk lebih tertumpu di sebelah Pantai Barat.

Sehubungan itu, menerusi penubuhan satu suruhanjaya atau badan kawal selia air di peringkat nasional, sumber air di negara ini khususnya di Semenanjung Malaysia akan dapat diagihkan secara sama rata.

Tuan Mohd. Nasir bin Che Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri, sehubungan dengan pengambilalihan pengurusan bekalan air dari kerajaan negeri, ada dua isu iaitu pertamanya ialah soal kewangan yang tidak mantap bagi kerajaan negeri dan juga ialah sumber bekalan air.

Yang sebenarnya apakah yang dihadapi oleh negeri-negeri yang bekalan airnya tidak cukup, seperti di Selangor dan sebagainya ataupun mungkin oleh sebab kita masih lagi perlu membekalkan air ke Singapura, tetapi bekalan air di negeri Johor tidak mencukupi, apakah ini merupakan sebab yang tersirat daripada usaha untuk mengambil alih bekalan air dari seluruh negeri.

Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebab yang tersirat dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan air di Johor adalah banyak, isunya bukan soal tidak cukup, isunya hanyalah dari segi harga antara soal bekalan air dari Johor ke Singapura, jadi tidaklah timbul soal sama ada bekalan itu cukup atau tidak cukup dan ada sebab-sebab tersirat.

(i) Seperti yang telah saya sebutkan tadi, secara umumnya bolehlah diringkaskan bahawa tujuan Kerajaan Pusat mengambil alih soal air ini bolehlah diringkaskan seperti berikut, manfaat-manfaat yang dapat dinikmati oleh rakyat, yang pertama, sumber bekalan air mentah akan dapat diagihkan secara seimbang di antara negeri-negeri di Semenanjung. Kedua, kerajaan negeri tidak lagi perlu menanggung beban kewangan dan liabiliti untuk membangunkan infrastruktur bekalan air di negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk negeri Kelantan kos anggaran pembangunan perkhidmatan bekalan air dari tahun 2000 hingga tahun 2050 sahaja Kelantan memerlukan RM2,425 juta, kita percaya kerajaan negeri tidak mampu untuk menyediakan peruntukan itu.

Dan bagi negeri Terengganu RM2 bilion diperlukan untuk membangunkan perkhidmatan bekalan air daripada tahun 2000 hingga tahun 2050. Jadi, itu sebabnya.

Yang ketiga, kita mahu wujudkan keseragaman tarif dan mutu perkhidmatan di semua negeri. Kita tahu bahawa pada hari ini soal-soal seperti keperluan asas elektrik dan alat komunikasi semuanya diseragamkan oleh Pusat, jadi apa salahnya air juga diseragamkan oleh Pusat. Kerana biasanya apabila ada masalah, berbanding soal bekalan elektrik dan telekomunikasi jika terputus dan sebagainya, ia tidak mendatangkan masalah dan marah orang ramai berbanding jika terputusnya bekalan air.

Jadi, itu antara perkara-perkara yang menjadi sebab mengapa Kerajaan Pusat mengambil alih, tidak ada perkara-perkara yang tersirat untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, sehingga setakat ini berapa banyakkah negeri yang mempunyai *positive respond*, terhadap cadangan Kerajaan Persekutuan mengambil alih pembekalan air ini dan berapa negerikah di seluruh negara ini yang *negative respond* ataupun tidak belum *compromise* untuk memberi kebenaran kepada Kerajaan Persekutuan dan sekiranya Kerajaan Persekutuan mengambil alih bekalan air ini, apakah ia juga mencukupi pembekalan di seluruh kawasan termasuk kawasan luar bandar? Sebab sehingga hari ini majoriti kawasan luar bandar lebih kurang 45% tidak ada bekalan air bersih.

Jadi, kita juga mahu jaminan, sebab sekurang-kurangnya kita boleh maklumkan kepada masyarakat luar bandar dengan pengambilalihan bekalan air oleh Kerajaan Persekutuan ia dapat membekal air bersih ke kampung-kampung. Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab yang kedua dahulu. Air cukup tetapi paip tidak ada. Jadi soalnya, kalau kita ada peruntukan, kita boleh pasang paip, maka air akan sampai. Itu soalan yang kedua. Jadi itu sebabnya Kerajaan Pusat perlu mengambil alih soal ini kerana ia memerlukan peruntukan kewangan yang besar.

Mengenai soalan yang pertama, semasa Mesyuarat Sumber Air Negara yang lalu, semua negeri telah menyatakan persetujuan termasuklah negeri Kelantan dan Terengganu tetapi dalam mesyuarat pada ketika itu, negeri-negeri tersebut diwakili oleh wakil-wakil kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar masing-masing. Jadi pada masa itu, dalam mesyuarat itu dipersetujui. Hanya sekarang ditimbulkan bahawa negeri-negeri tersebut mempunyai pendirian dan keputusan yang berbeza. Jadi soalnya, kita tidak tahu pada ketika itu semasa negeri tersebut hantar wakil, sebenarnya wakil mereka tidak mempunyai hak untuk menyatakan apa-apa. Jadi itulah cara mereka berkerajaan pada hari ini.

8. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengawal kegunaan kamera litar demi melindungi hak peribadi terutamanya kaum wanita dan apakah hukuman terhadap mereka yang menyalahgunakan kamera litar.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, memasang kamera litar di tempat-tempat seperti pusat membeli belah dan kedai-kedai bagi tujuan keselamatan bukanlah menjadi satu kesalahan. Ini adalah kerana pemasangan kamera tersebut bukan sahaja dapat mengurangkan masalah kecurian, malah ia akan membantu pihak polis melakukan siasatan bagi kes-kes jenayah.

Walau bagaimanapun, sekiranya pihak polis menerima laporan penyalahgunaan pemasangan kamera litar bagi tujuan yang tidak bermoral, maka tindakan sewajarnya akan diambil. Sekiranya disabitkan kesalahan, boleh didakwa di bawah Seksyen 509 dan Seksyen 354 Kanun Keseksaan. Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Persoalannya ialah kamera litar ini mempunyai pelbagai fungsi yang boleh membawa akibat yang baik dan buruk. Kita boleh tengok kes yang berlaku terhadap pelakon dan model Nasha Aziz di mana apartmennya telah dipasang dengan kamera litar. Kita juga boleh tengok di tempat awam seperti tandas juga dipasang kamera litar. Dan saya bersetuju bahawa kamera litar ini ada membawa fungsi yang baik dengan membantu polis menyiasat kes seperti klon 100 cek di Pulau Pinang di mana melalui rakaman kamera litar ini membantu siasatan polis.

Akan tetapi yang merisaukan wanita sekarang adalah hak-hak keperibadian mereka terdedah apabila ia jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab terhadap kamera litar ini. Saya hendak tanya sama ada kementerian mempunyai cadangan untuk mengawal pemilikan kamera litar ini seperti pemilikan senjata api, jadi ia tidak begitu senang dimiliki oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, masalah moral ini bukan wanita sahaja yang risau, lelaki pun risau juga. Barang yang kita sorok, orang tengok tetapi orang tengok ketika kita tidak tahu. Dia lebih malu lagi ketika kita tahu orang tengok kita...[*Beberapa Ahli ketawa*] Dalam masalah ini Tuan Yang di-Pertua, kamera litar tidak menjadi barang kawalan. Walau bagaimanapun, tuan-tuan empunya kamera litar ini sekiranya menyalahgunakan dan ianya dikesan, akan ditangkap dan ianya akan diambil tindakan seperti Kanun Keseksaan yang telah saya sebut. Cuma kita minta kerjasama semua pihak, mestilah telus dan tulus bagi yang memiliki dan membeli kamera litar ini tidak bertujuan untuk menjalankan kerja-kerja yang tidak baik ini tetapi menjadi kefahaman lama dan baru – "*Rambut sama hitam, hati lain-lain*". "*Keinginan sama, selera berlebihan*". Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati kamera litar ini biasanya digunakan di tempat-tempat awam seperti hotel, *shopping complexes*, *public swimming pool* dan sebagainya. Setakat ini pengurusan di *premises* tersebut itu tidak diwajibkan di bawah undang-undang membuat apa-apa untuk menghalang penyalahgunaan kamera litar di premis mereka. Jika seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kamera litar ini tidak boleh menjadi alat kawalan, jadi bagaimana undang-undang yang ada sekarang cukup memberi perlindungan kepada kita?

Bolehkah kementerian mencadangkan membuat undang-undang yang baru supaya pengurusan di tempat-tempat awam itu *behave responsible* untuk penyalahgunaan kamera litar di premis mereka supaya mereka mengambil perhatian yang cukup terhadap salah guna kamera litar di premis mereka dan menjalankan pemeriksaan mungkin setiap hari atau dalam jangka masa yang pendek. Itu sahaja. Sekian.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, saya telah memaklumkan bahawa tidak ada undang-undang bahawa kamera litar ini menjadi satu barang kawalan. Tindakan yang boleh diambil bukan terhadap pembelian kamera litar ini tetapi tindakan yang diambil ke atas penyalahgunaan kamera litar ini. Dan sekiranya kamera litar ini diletakkan di tempat awam, sudah tentulah orang awam akan mengetahuinya tetapi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah ialah pemasangan kamera litar ini di tempat-tempat tersembunyi.

Subjek yang difokuskan untuk diambil ini pun kita tidak tahu, maka sudah tentu kerajaan juga tidak tahu tetapi mana-mana laporan yang disampaikan, yang dimaklumkan kepada pihak polis dengan bukti-bukti yang tertentu, tindakan boleh diambil dan kita ambil tindakan ini kepada mana-mana mereka yang menyalahgunakan kamera litar ini. Akan tetapi bagi mereka yang menggunakannya untuk kepentingan kebaikan keselamatan dan sebagainya, kita tidak melarang, bahkan kita menggalakkan.

Sebagai contoh, kamera litar ini digunakan di tempat-tempat seperti kita sedang menggalakkan pihak *security company*, tempat *parking* umpamanya di mana kawasan-kawasan yang agak sunyi berlaku kes-kes penculikan. Ini yang kita rasa boleh memberi kebaikan yang banyak kepada kita dan ini kita galakan tetapi pemasangan secara sunyi dan senyap atau secara sulit, kita tidak dapat tahu dan kalau kita tahu, kerajaan sendiri pun akan ambil tindakan terhadap subjek yang memasang kamera litar ini, bahkan premis tuan rumah sendiri yang kalau dia membenarkannya, dia juga akan dilibatkan sama dalam kerja yang tidak baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk kita Pertanyaan Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: 23(q) - ini untuk ingatan kita tentang soalan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 23....?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: (q) – “*Sesuai pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berhubung dengan apa-apa perkara yang terkandung dalam senarai negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan*”. Ini tujuan sayalah untuk mengingatkan bahawa di masa-masa yang akan datang, soalan-soalan tentang hak-hak negeri seperti ke atas sumber airnya tidak boleh dibenarkan soalan itu dikemukakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Masa depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2004
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2004
Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2004 dan Anggaran Pembangunan 2004 dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis." **[Hari Keempat]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B. 21 [Jadual] –

Maksud P. 21 [Anggaran Pembangunan 2004] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih di peringkat Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian. Maka dengan ini, saya meminta Yang Berhormat bagi Bachok menyambung ucapan.

11.05 pagi.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyambung kepada hujah-hujah yang mengatakan KADA masih gagal untuk menyelesaikan banyak tugas dan tanggungjawabnya dalam memajukan pertanian di kawasan Kemubu dan juga untuk mempertingkatkan pendapatan petani itu sendiri. Di antaranya ialah kegagalan untuk membangunkan petani mematuhi semua perancangan yang telah diatur oleh KADA dari sudut penjadualan penanaman, di samping itu juga KADA tidak mampu lagi setakat yang ada pada hari ini untuk mempertingkatkan pengeluaran padi kepada *targetnya* ialah 10 tan bagi satu hektar tetapi purata yang dicapai sekarang ialah kira-kira 4 tan bagi satu hektar sahaja.

Demikian juga saya melihat KADA telah mendapat peruntukan daripada kerajaan untuk memajukan latihan-latihan kepada petani-petani, maka saya mencadangkan supaya latihan yang diberikan setakat seribu orang lebih petani itu tidak memadai, perlu diperlebar dan perlu mendapat peruntukan lebih lagi bagi memastikan peluang latihan diperlebar luas kepada petani, khususnya kepada petani di ladang merdeka dan juga ladang berkelompok, dan juga perbanyakkan lawatan untuk belajar ke luar daripada kawasan KADA sendiri, khususnya di luar negara bagi mendapat pengalaman daripada kejayaan petani-petani di luar.

Berikutnya, saya ingin mempersoalkan kepada pihak kementerian dalam isu-isu berkaitan dengan KADA ini ialah dari sudut prestasinya, kerana kita melihat lebih kurang 50,000 petani padi yang ada hari ini. Purata pendapatan tahunannya setakat RM6,900 setahun, bermakna bulanannya sekitar RM575 sahaja.

Ini membuktikan dan mengesahkan petani padi berada di dalam kemiskinan dan sudah pasti kita yakin tekanan kepada kehidupan semakin meningkat. Pendapatan yang mereka miliki untuk *average* ataupun purata bulanan RM575 ini sebenarnya belum lagi melepasi kos sara hidup keluarga, lebih-lebih lagi keluarga petani yang mempunyai isi

rumahnya lebih daripada 5 orang. Maka, dengan pendapatan sedemikian, tidak mampu untuk menyara hidup dengan selesa.

Kemudian berhubung dengan Pusat Latihan KADA di Lojing ataupun di Sigar, Lojing. Apakah rasionalnya KADA memilih pusat latihan di kawasan tanah tinggi ini sedangkan kawasan operasi KADA adalah di Lembah Sungai Kelantan? Sudah pasti pengurusan pertanian ataupun penanaman di kawasan tanah tinggi tidak sama dengan kawasan tanah rendah.

Kemudian yang berikutnya ialah kedudukan Pertubuhan Peladang Kawasan, yang kita yakin ramai petani KADA menganggotai ataupun menjadi ahli kepada PPK ini. Kebelakangan ini, kita nampak, tambah-tambah dekat dengan pilihan raya ini, PPK telah dipolitik sebegitu rupa, mesyuarat agung tahunannya diundang khusus ahli-ahli politik ataupun tokoh politik UMNO untuk berbicara isu-isu politik depan petani yang sudah pasti menggagalkan misi, membangunkan tanpa bias politik yang menjadi agenda kepada kementerian ini sendiri.

Jadi, mempolitikkan PPK itu adalah satu tindakan yang tidak wajar, sedangkan keupayaan PPK untuk mengubah nasib petani yang berada dalam keadaan dilema. Kita lihat pembiayaan ataupun penyeliaan KADA kepada PPK ini sendiri tidak seberapa, manakala ladang berkelompok yang diamanahkan kepada PPK perlu diberi pembaikan dan sebagainya. Sementara itu, ramai ahli PPK sendiri tidak mampu untuk membayar hutang yang dipinjamkan dari PPK. Jadi, dengan ini kita nampak keupayaan KADA dalam menyelia PPK itu sendiri tidak bertenaga.

Berhubung dengan Program PPRT - Program PPRT adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tetapi KADA telah menjadi pemaju ataupun pengendali kepada Program PPRT ini. Kita dapati jumlah petani itu tidaklah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Okey. Tidaklah melebar dan sudah pasti ianya duduk pada tahap yang tidak berjaya. Akhirnya, saya hendak menyebutkan bahawa daripada hujah-hujah yang saya sambung daripada semalam sampai hari ini, KADA perlu dibuat satu rekayasa semula dari sudut dalaman Lembaga Pengarahnya kerana kita tahu Pengerusi Lembaganya sibuk dengan *business* siaran radionya, dengan Kem Desa Mahmudnya, maka sudah pasti ia perlu kepada rekayasa semula.

Oleh kerana itu, KADA merupakan suatu agensi penting untuk menjana kekuatan ekonomi petani luar bandar, khususnya petani padi, perlu diberi perhatian serius oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Petaling Jaya Utara.

11.15 pagi.

Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas. Saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan 21, Butiran 14800 mengenai Hakisan Pantai dan Butiran 15000 – Memperbaiki Sungai-sungai.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan JPS Selangor kerana kerja menaiktaraf Sungai Kayu Ara dan projek membina jambatan baru di kawasan saya telah dijalankan dengan lancarnya. Tetapi malangnya mungkin kerana peruntukan yang disalurkan oleh kementerian kepada JPS Selangor adalah terhad dan tidak mencukupi maka masih ada 200 meter tebing sungai di belakang Jalan SS 23/12, iaitu di tengah sepanjang Sungai Kayu Ara tertinggal dan belum dibina dengan *concrete lining*, dengan izin, atas sebab semasa menjalankan projek di tempat berkenaan, masih ada masalah setingan belum diselesaikan.

Baru-baru ini saya dapati bajet berkenaan telah digunakan ke tempat yang lain kerana peruntukan yang boleh digunakan oleh JPS adalah tidak mencukupi tetapi tempat yang perlu peruntukan untuk mengatasi masalah adalah banyak.

Tuan Pengerusi, oleh kerana hanya 200 meter yang tidak dibina dengan *concrete lining*, maka air sungai yang deras semasa hujan telah tertumpu ke tebing sungai yang tidak didirikan dengan *concrete lining*, dan kini telah menghadapi hakisan tanah yang teruk, di mana bahagian belakang 10 kilang yang berlokasi di tebing sungai itu telah mengalami keretakan dan kerosakan yang serius sehingga perlu berpindah.

Untuk keselamatan pekerja-pekerja kilang dan untuk mengelakkan hakisan tanah menjadi lebih serius dan tebing *concrete* berdekatan juga terjejas, saya harap kementerian ambil berat dalam perkara ini dan memastikan *concrete lining* 200 meter ini akan dibina dengan segera.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 15200 – Rancangan Pengurusan Sungai, Menurut jawapan secara bertulis yang diberi oleh kementerian pada sesi Parlimen yang lepas, sebanyak 42 batang sungai di negeri Selangor dan 6 batang sungai di daerah Petaling telah dikenal pasti sebagai tempat pembuangan sampah. Melainkan bagi Sungai Klang tiada peruntukan tahunan khusus disediakan untuk membersihkan sampah di dalam sungai.

Dalam perkara ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan lebih kurang RM0.5 juta ke-RM1 juta tiap-tiap tahun untuk kerja-kerja pembersihan sampah di dalam Sungai Klang dan yang kebanyakannya adalah di daerah Petaling. Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor menyediakan RM1 juta setiap tahun untuk membersihkan sampah dan sungai di mana RM0.15 juta adalah diagih untuk Petaling Jaya.

Tuan Pengerusi, sungai adalah khazanah kita, kalau kita dapat menguruskannya dengan berkesan, ia akan menjadikan kawasan kediaman kita lebih cantik dan boleh dijadikan sebagai tempat rekreasi yang ideal. Tetapi, malangnya pendidikan mencintai dan menghargai sungai kita nampaknya tidak berkesan.

Saya sendiri nampak seorang penduduk yang memandu kereta BMW berhenti di tepi jambatan dan seterusnya buang satu beg sampah ke dalam sungai. Seolah-olah sungai ini adalah tempat buang sampah untuk mereka dan persepsi kita yang mengangap hanya penduduk setinggan akan buang sampah ke dalam sungai adalah salah. Ini telah membuktikan pendidikan kita dalam mencintai alam sekitar dan sungai telah gagal.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi, daripada 6 batang sungai di daerah Petaling yang dikenal pasti sebagai tempat pembuangan sampah iaitu Sungai Kayu Ara dan Sungai Penchala adalah di kawasan saya. Kalau kita membahagikan peruntukan RM0.15 juta dengan 6 batang sungai, sebatang sungai dapat RM25 ribu setahun. RM25 ribu ini adalah tidak cukup untuk membersihkan sungai buat masa kini. Tetapi, pada masa yang sama, kalau rakyat kita tidak menjalankan aktiviti mencemari sungai, RM25 ribu ini mungkin tidak diperlukan..

Tuan Pengerusi, mencemari sungai adalah senang tetapi untuk membersihkan sungai kita perlu belanja beribu-ribu ringgit. Maka, mendidik rakyat adalah langkah yang positif dan membersihkan sungai adalah langkah yang negatif. Justeru itu, saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya memberi peruntukan tahunan yang tetap untuk menggiatkan lagi kempen pendidikan 'Cintai Sungai' dan menggiatkan lagi penguatkuasaan. Kita harap peruntukan yang telah disediakan akan digunakan untuk mencantikkan sungai dan bukannya untuk membersihkan sungai di masa hadapan.

Dengan pandangan dan cadangan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Tumpat.

11.21 pagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja tentang Kementerian Pertanian. Pertamanya saya merujuk kepada butiran 060000 dan 070000 berkenaan dengan subsidi padi dan baja padi.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita maklum, beberapa minggu yang lalu, persidangan Peringkat Menteri WTO di Cancun, Mexico berhenti dengan kegagalan. Ia berhenti sebelum tempoh tamatnya persidangan itu. Lain dengan mesyuarat kita yang

Tuan Pengerusi kadang-kadang terpaksa hanya tangguh 15 minit Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pandai mengendalikan Kementerian dia.

Tetapi, dalam kes persidangan WTO di Cancun ini terpaksa tamat sebelum jadual tamatnya. Ini disebabkan oleh kerana negara-negara membangun khususnya di Latin Amerika (Amerika Selatan) dan juga di negara Afrika memberontak di atas sikap negara-negara maju yang memberi subsidi kepada pertanian di negara-negara maju di Amerika Syarikat dan di Eropah kerana subsidi ini untuk gandum dan sebagainya maka harga gandum dan barangan pertanian yang lain jadi begitu murah sehinggakan negara Afrika dan Latin Amerika ini rugi dan tidak dapat mengeluarkan bahan pertanian dia.

Yang kita di Malaysia ini, memberikan subsidi padi, baja, beras RM440 juta lebih, RM170 juta lebih tiap-tiap tahun tetapi harga beras kita masih lebih mahal daripada beras Thailand, beras Vietnam dan sebagainya.

Kalau kita maju sebagaimana yang kita rasa kita maju, maka ianya akan jadi seperti ibarat hubungan Amerika dan Eropah dengan negara Afrika dan Latin Amerika tadi. Maknanya barangan beras negara kita akan menjadi begitu murah sehinggakan Thailand protes terhadap kita kerana beras kita murah, mereka tidak dapat lagi mengeluarkan beras dengan ekonominya, Vietnam akan protes kerana kita mengeluarkan beras dengan begitu murah. Tetapi, sebaliknya berlaku. Sudahlah harga beras kita masih mahal, sudahlah mutu beras kita masih rendah, kemudian ada penyeludupan yang begitu jelas daripada Vietnam, daripada Thailand dan mana-mana ke dalam negara kita.

Jadi, pokoknya Tuan Pengerusi, ada sesuatu yang sudah tentu tidak kena dengan sistem pertanian kita khususnya kawan-kawan lain sebut hal lain, hal burung hantu, hal cacing dan sebagainya, tetapi saya sekadar dapat melihat dalam konteks perbandingan dengan tanaman pertanian di Eropah dan di Amerika Syarikat bagaimana subsidi memberi kesan yang jelas.

Kalau kita kata, oh, Malaysia negara maju, Malaysia kos dia tinggi, kalau kita bagi subsidi pun kos tinggi, mesti tidak boleh lawan dengan Vietnam yang kos rendah dengan Thailand yang kosnya rendah maka banding balik dengan Amerika dan Eropah tadi. Kos mereka pun tinggi berbanding dengan Afrika, berbanding dengan Amerika Selatan (Latin Amerika) tetapi masih lagi keluaran pertanian Amerika Utara dan keluaran pertanian Eropah begitu rendah selepas menerima subsidi yang akan dan telah pun menjadikan hasil pertanian Amerika Latin dan Afrika gagal menandingi yang dikeluarkan oleh Eropah dan Amerika Utara.

Jadi, ini satu pengajaran yang saya harap pihak Kementerian Pertanian memberikan tumpuan agar perkara yang pelik yang berlaku begitu lama ini dapat kita pulihkan dan biarlah beras kita menjadi yang bermutu tinggi dan berharga rendah supaya pulangan kepada petani-petani, pulangan kepada negara akan meningkat selepas ini dan tidak lagi negara terpaksa menanggung kerugian dari segi pemberian subsidi kepada harga padi dan baja padi ini begitu tinggi tetapi masih lagi merugikan masyarakat kita.

Yang untung kita sebut beberapa kali Tuan Pengerusi ialah syarikat BERNAS dan syarikat BERNAS mengaut keuntungan yang tinggi dan kita ada banyak syak terhadap bagaimana pentadbiran dan perjalanan syarikat BERNAS itu. Yang rugi ialah masyarakat di kawasan saya, kawasan Rantau Panjang yang ditangkap kerana dituduh menyeludup beras satu, dua, tiga kilogram satu orang yang bebas ialah berita dalam *Berita Harian* bertarikh 18 September 2003, 46 kontena beras bernilai RM1.2 juta ditahan di pelabuhan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ini yang sebenarnya yang terlibat dalam penyeludupan beras tetapi yang ditahan tiap-tiap hari ialah orang-orang raya kampung di Tumpat, orang-orang kampung di Rantau Panjang, di Perlis dan sebagainya. Jadi saya haraplah Kementerian mengambil sikap yang positif yang dapat membantu petani-petani sebenarnya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Tumpat tadi ada menyebut tentang penangkapan dan penyeludupan beras secara besar-besaran di perairan Sabah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya hendak tanya sedikit, apakah itu sahaja yang cuba diseludupkan ataupun sebelum ini sudah banyak beberapa kontena telah diseludup sebelum pada ini. Ataupun sudah lama peranan ini dimainkan, cuma baru sekali ini dapat ditangkap.

Tuan Pengerusi: Ya. Mana dia hendak tahu itu... [Ketawa] [Dewan riuh]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Maklumat dalam berita ini Tuan Pengerusi sekadar mengatakan.....

Tuan Pengerusi: Ya, yalah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: jumlah kontena 46 bermakna sekali operasi itu nampaknya di beberapa pelabuhan di negara ini. Jadi saya kira sudah banyak dan berleluasa amalan penyeludupan secara bersindiket ini dilakukan dan saya berterima kasih dan suka membaca maklumat ini kerana sekurang-kurangnya satu dua tindakan sudah pun mula dilaksanakan dan saya harap ini akan bererti akhirnya masyarakat kampung yang dituduh menyeludup, dituduh, dihukum dan sebagainya kerana dua tiga kilogram beras itu akan dibebaskan daripada keadaan yang sedang mereka alami sudah selama beberapa tahun ini kononnya untuk membanteras penyeludupan yang kononnya merugikan negara walhal yang rugi dan itu pun kita banyak soalan ialah hanya sebuah syarikat bernama BERNAS yang dipunyai oleh orang-orang tertentu yang mewakili pihak parti kerajaan dalam negara kita ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih kepada 120000 – Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM). Saya menyokong aktiviti-aktiviti LKIM khususnya saya merujuk kepada Pusat Pemprosesan Ikan yang ada di Getting di kawasan Parlimen Tumpat yang telah lama menerima bantuan daripada LKIM. Saya sekadar ingin merayu kepada pihak kementerian supaya memberi tumpuan lagi sebab saya dimaklumkan bahawa Pusat Pemprosesan Ikan di Getting, Tumpat ini adalah di antara yang terbesar khususnya yang dikendalikan oleh nelayan-nelayan dan usahawan-usahawan bumiputera di seluruh negara.

Oleh itu, saya difahamkan juga bahawa ada usaha-usaha untuk meningkatkan lagi pusat pemprosesan ikan itu maka saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap usaha itu dan saya harap bahawa LKIM dapat menyegerakan usaha-usaha itu supaya masyarakat di Tumpat sebagaimana masyarakat di Kelantan yang terkenal sebagai usahawan-usahawan bukan dalam negeri tetapi seluruh negara ini dapat menerima bantuan daripada pihak kerajaan khususnya LKIM seperti yang saya harap akan dilakukan seterusnya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada 15100 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Sekali lagi di Tumpat ada dua kuala sungai, Sungai Golok yang kita kongsi dengan Rantau Panjang dan Pasir Mas dan juga Sungai Kelantan sendiri. Sungai Kelantan mengalami masalah dan di pantai itu dari sudut air menjadi tersekat kerana kuala-kualanya tertutup.

Jadi, saya ingin menyarankan bahawa peruntukan untuk membersihkan saluran kuala sungai supaya ianya tidak tertutup dan apabila ianya tertutup, ianya akan menjejaskan satu lagi peruntukan iaitu 25600 – Pembangunan Industri Ternakan Ikan Dalam Sangkar. Sekali lagi di Tumpat, saya dimaklumkan bahawa industri ikan dalam sangkar, ikan air payau adalah di antara industri perikanan seperti itu yang diusahakan oleh bumiputera yang terbesar dalam negara kita. Maka oleh kerana kebanyakan masanya sekarang kuala tertutup, maka gabungan, gandingan campuran air itu akan terjejas. Dengan sebab itu, sama ikan akan mati ataupun jumlah ikan yang dapat hidup dengan subur dan membesar akan menjadi rendah.

Jadi, kalau kuala ini dijaga dan ianya sentiasa dijadikan tidak tertutup maka pembangunan industri ternakan ikan dalam sangkar seperti dalam butiran yang saya sebutkan tadi itu akan mendapat jaminan daripada pihak kementerian dengan lebih baik.

Jadi saya ingin menyeru atas dua butiran itu, kuala sungai dan industri ikan ternakan dalam sangkar ini diberikan perhatian khususnya dalam kawasan yang saya tahu iaitu di Tumpat sendiri. Akhirnya Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup Yang Berhormat. Ada lagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Satu sahaja *point* lagi. Sekali lagi di Tumpat di bawah Butiran 23200, Pembangunan Pelabuhan. Selain daripada pelabuhan, industri yang berkaitan dengan perikanan di Tumpat ini ialah pembinaan kapal-kapal nelayan laut dalam, yang mana sekali lagi saya fikir tidak banyak tempat dalam negara kita ada industri pembinaan kapal kayu yang dibuat oleh orang-orang tempatan dan saya difahamkan kapal-kapal laut dalam kayu ini yang dipunyai atau dikehendaki oleh pelanggan-pelanggan daripada Thailand pun ditempah di Tumpat ini. Tetapi yang ada sekarang ini ialah limbungan-limbungan peribadi atau swasta yang tidak dikelompokkan di satu tempat yang tertentu.

Jadi saya ingin merayu kepada Kementerian Pertanian untuk memberi perhatian terhadap pewujudan suatu limbungan, satu pembinaan kapal, *shipyard* untuk masyarakat tempatan yang sudah teruji kemampuan mereka untuk diberi galakan dan tempat yang sesuai oleh pihak kementerian supaya ada terwujud di Tumpat dan di tempat-tempat lain yang sesuai bagi limbungan ini, supaya usahawan-usahawan tempatan yang telah pun membuktikan kejayaan mereka membina kapal-kapal kayu untuk perikanan laut dalam ini dapat diberi bantuan seterusnya melalui pembinaan limbungan yang sesuai untuk mereka. Inilah yang saya ingin sebut Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Gelang Patah.

11.31 pagi.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, saya sangat menghargai peluang keemasan ini untuk membahas Maksud B 21 kerana saya telah tunggu peluang ini dari semalam.

Tuan Pengerusi: Ramai daripada semalam pun ada yang tunggu. Bukan Yang Berhormat seorang sahaja.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi saya ingin membahas Butiran 04000, Perkhidmatan Haiwan. Masalah yang saya ingin utarakan ialah tentang kes penyalahgunaan dadah *beta-agonist* di dalam khinzir. Tuan Pengerusi, baru-baru ini pada 24hb April 2003, pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan memberitahu Persatuan Penternak Khinzir Malaysia di peringkat negeri bahawa masalah penyalahgunaan dadah *beta-agonist* di dalam penternakan babi masih serius dan sudah sampai satu tahap yang membimbangkan kerana *beta-agonist* adalah *cancer causing*.

Tuan Pengerusi, tindakan penguatkuasaan undang-undang serta pemantauan di ladang ternakan khinzir dan di rumah pemotongan khinzir perlu dipertingkatkan untuk membanteras gejala penyalahgunaan dadah *beta-agonist* di dalam penternakan babi demi menjaga kesihatan para pengguna daging khinzir.

Tuan Pengerusi, Ordinan Haiwan 1953 perlu dipinda secepat mungkin sejajar dengan kehendak semasa. Ia perlu dikemaskinikan supaya dapat mewujudkan keselamatan makanan haiwan dengan kaedah-kaedah kawalan yang ketat untuk menjaga kesihatan para pengguna.

Akta Makanan Haiwan pun perlu diwujudkan secepat mungkin untuk mendatangkan kesempurnaan dalam usaha membanteras gejala penyalahgunaan dadah seperti *beta-agonist*, *nitrofurans* ke dalam ternakan khinzir dan ayam.

Tuan Pengerusi, pada 9 Januari 2001 Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan pernah menulis surat kepada *Federation of Livestock Farmers Association of Malaysia*, dengan izin menyatakan kerana surat itu ditulis dalam bahasa Inggeris saya harap Tuan Pengerusi izinkan saya petik sebahagian daripada kandungan surat itu dalam bahasa Inggeris:

"The DVS is handicapped on the issue of misuse of beta-agonist as the present Animals Ordinance 1953 does not provide us the necessary power to arrest the misuse. The government through the Ministry of Health is continuing its effort to prosecute offenders pertaining to the above matter under their Food Act 1983 as well as their Food Regulations 1985."

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian saya harap pihak Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan perlu ambil tindakan secepat mungkin supaya kita dapat mendatangkan *food security*, dengan izin yang mana akan dapat menjaga kesihatan para pengguna daging khinzir. Tuan Pengerusi....

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, Bagan bangun.

Tuan Chang See Ten: Saya tidak ada masa, banyak hal, maaf. Saya dapati bahawa yang lebih berkesan adalah kawalan di tempat penternakan. Jika kita hendak bergantung kepada pegawai-pegawai kesihatan untuk ambil contoh makanan daging khinzir di tempat jualan atau di *abattoir*, ia tidak akan dapat mendatangkan keberkesanan dalam usaha kita untuk membanteras gejala penyalahgunaan dadah *beta-agonist* ini. Adalah lebih baik kita mengadakan kaedah seperti mengadakan kaedah akreditasi kepada ladang-ladang ternakan babi supaya puncanya kita buat kawalan lebih berkesan daripada kita ambil contoh makanan di tempat jualan dan di *abattoir*.

Dan perkara yang kedua saya ingin sebut tentang ternakan khinzir di negeri Johor. Tuan Pengerusi, populasi khinzir di negeri Johor telah dikurangkan daripada 370,821 ekor pada tahun 1988 kepada 282,810 ekor pada tahun 2002. Kekurangan sebanyak 88,000 ekor atau 24% akibat kawalan ketat oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan negeri Johor. Bilangan ladang ternakan khinzir telah dikurangkan daripada 82 buah kepada 54 buah. Pada jangka masa yang sama, 11 buah ladang telah ditutup pada masa wabak penyakit Nipah berlaku tidak dibenarkan membuka balik.

Tuan Pengerusi, sistem pelesenan mengenai bilangan babi, *Standing Pig Population* (SPP) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan negeri Johor perlu dikaji semula memandangkan yang pertama, komoditi yang terlibat adalah ternakan yang hidup di mana pembiakan dan pemasaran tidak dapat dikawal. Catatan bilangan ternakan hanya boleh diambil kira sebagai panduan, bukan untuk tindakan mahkamah. Setakat ini lima buah ladang ternakan khinzir telah disaman dan dituduh di mahkamah kerana melebihi SPP. Tiada kelonggaran sebanyak 10% pun dan tindakan ini boleh diibaratkan bercanggah dengan prinsip perdagangan bebas.

Tuan Pengerusi sepatutnya, ini alasan yang kedua. Sepatutnya bilangan ternakan perlu berpandu kepada kapasiti dan kemudahan untuk membela sekian banyak ternakan. Penternak mesti diberi peluang untuk memenuhi tempat-tempat ternakan yang kosong kerana ia telah diluluskan apabila ladang-ladang didirikan dahulu. Saya sebut dua misalan. Nama ladang yang pertama Fong Guan Farm (JPN 21). Bilangan babi asal 22,000 sejak tahun 1988. Kapasiti sekarang yang diluluskan pada masa dahulu 22,000. Bilangan babi dilesenkan pada 2003 cuma 15,000 ekor sahaja.

Yang kedua, Kulai Farm JPN 05, bilangan babi asal 24,000 sejak tahun 1987, kapasiti ladang 24,000, bilangan babi dilesenkan pada tahun ini 2003, 15,000 sahaja.

Tuan Pengerusi, yang ketiga, pemetongan bilangan babi disesuatu ladang mesti mempunyai alasan-alasan yang munasabah, jika tidak ia boleh dianggap salah guna kuasa. Pada 19 November 2002, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor keluaran arahan kepada Persatuan Penternak Khinzir Johor bahawa bagi tahun 2003 jumlah SPP bagi semua ladang babi dikekalkan seperti mana jumlah SPP pada tahun 2002.

Tuan Pengerusi, bagaimana kepentingan pengguna diambil kira kerana pengguna daging khinzir meningkat tetapi penternakan khinzir dikurangkan dengan penguatkuasaan kaedah SPP? Tindakan saman diambil kerana melebihi SPP dengan menggunakan enakmen memelihara babi tahun 1975 untuk negeri Johor. Adakah tindakan ini adil dan munasabah? Saya harap pihak Kementerian Pertanian dapat memberikan penjelasan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Chang See Ten: Yang akhir sekali...

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Chang See Ten: Sedikit sahaja tentang banjir. Saya pernah menyebut dalam Dewan ini untuk meminta JPS supaya memberikan peruntukan sebanyak RM13,800,000 untuk menangani masalah banjir kilat di kawasan Kampung Baru Skudai dan Kampung Poh Chee Lang dan baru-baru ini kampung-kampung ini pun dilanda dengan banjir kilat dan saya harap peruntukan untuk mendalamkan dan melebarkan Sungai Melada yang mana menyebabkan selalunya kawasan Taman Damai Jaya, Bandar Selesa Jaya dan Taman Sutera Utama dihadapi dengan masalah banjir kilat. Walaupun pihak kerajaan negeri telah berbelanja amaun RM1 juta untuk melebarkan dan mendalamkan sepanjang 1.9 kilometer di Sungai Melanda itu tetapi tidak mencukupi.

Saya harap pihak JPS Pusat dan JPS Negeri Johor dapat bekerjasama untuk berusaha menangani masalah yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bagan.

11.43 pagi.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membangkitkan berkenaan dengan pembangunan industri babi di mana satu jumlah peruntukan hanya RM50,000 diperuntukkan untuk mempergiatkan industri babi ini.

Tadi saya ada mendengar ucapan dari Yang Berhormat bagi Gelang Patah di mana beliau ada mengatakan bilangan babi di negeri Johor telah turun dengan mendadak dan ini menyebabkan harga daging melambung tinggi. Tetapi di sebelah utara di negeri Pulau Pinang dan Sebarang Perai, ini adalah sebaliknya.

Baru-baru ini harga babi dijual dengan harga hanya satu pikul RM230 dan kos atau modal untuk menternak satu pikul babi adalah RM280. Jadi masalah ini telah menimbulkan kerugian besar kepada penternak-penternak babi. Demi untuk mempertahankan kehidupan mereka, mereka terpaksa menyembelih babi dengan sendiri dan dijual secara lelong pada tiga kilo RM10 sahaja. Ini sedikit sebanyak boleh menampung kerugian kepada penternak-penternak. Pada seminggu yang lepas, harga babi telah naik sedikit iaitu naik sebanyak RM50 satu pikul. Saya telah bertanya di Dewan yang mulia ini di mana harga babi menurun adalah kerana keluarannya terlebih dan Singapura sehingga hari ini masih melarang pengimportan babi dari negara kita kononnya penyakit Virus Nipah belum dibebaskan dari haiwan ini.

Saya ambil peluang ini untuk bertanya kepada kementerian adakah sebarang penyelidikan atau kajian diambil untuk mengesan sama ada haiwan ini telah dibebaskan dari Nipah Virus dan sekiranya kerajaan berpuas hati dan berkeyakinan bahawa haiwan ini telah dibebaskan dari Nipah Virus maka boleh meminta atau menjelaskan kepada pihak Kerajaan Singapura bahawa haiwan kita ini sudah bebas dari penyakit dan boleh dieksport ke Singapura tanpa ragu-ragu. Ini boleh mendorong penternak-penternak kita ini supaya mereka dapat satu harga yang lebih berpatutan dan untuk mengekalkan industri babi ini.

Tuan Pengerusi, juga satu masalah berkenaan dengan *pig-farming areas*, iaitu kerajaan negeri di mana-mana pun mereka ada niat untuk mengawal penternak-penternak babi ini supaya mereka dipusatkan ke satu tempat sahaja tetapi pada masa sekarang, *central sewage system* atau pembuangan najis dari ladang-ladang ini perlu disenggarakan oleh penternak-penternak sendiri. Dalam satu ladang penternak babi, jikalau mereka hendak membuat satu sewage system ini memerlukan lebih kurang RM60,000 hingga RM70,000. Ini kepada mereka yang menternak dengan jumlah yang kecil tidak mampu berbuat demikian. Sebab itulah kebanyakan mereka telah *diphased out*. Demi untuk menolong mereka, saya telah berkali-kali menyeru supaya kementerian boleh mengambil langkah untuk mewujudkan satu *central sewage system* seperti IWK di mana pembuangan najis manusia boleh disalurkan kepada satu *central system*, tetapi pastilah penternak-

penternak ini perlu membayar pencaruman ataupun membayar satu bayaran untuk sesiapa yang bertanggungjawab untuk mewujudkan *central sewage system* ini.

Tuan Pengerusi, perparitan dan tebatan banjir – 17100. Baru-baru ini, di utara banyak tempat telah dibanjiri dengan air bah. Saya pasti bahawa punca air bah ataupun banjir ini adalah kerana perparitan yang sedia ada ini tidak mampu untuk menampung air yang begitu luar biasa banyaknya. Saya menyeru supaya kalau kerajaan mampu membuat perparitan dan projek-projek tebatan banjir, mereka juga perlulah menyelenggarakannya secara rutin kerana kebanyakan perparitan dan projek-projek tebatan banjir mereka ini telah rosak seperti *gate* dicuri, *metal gate* atau *rubber flap* dan juga perparitan yang tumbuh dengan tumbuhan-tumbuhan yang tanpa dijaga dan ini adalah punca-punca menyebabkan banjir.

Saya harap kementerian boleh mengkoordinasi dengan pihak Kerajaan Tempatan untuk menjalankan penyelenggaraan kepada perparitan dan projek-projek tebatan banjir ini, Tuan Pengerusi. Saya juga minta supaya kementerian boleh memberi sebab mengapa air boleh melimpah dengan begitu luar biasa di negeri-negeri utara Semenanjung dalam dua tiga hari ini dan Jabatan Kaji Cuaca langsung tidak memberi amaran kepada rakyat bahawa kita akan mengalami hujan yang berterusan untuk beberapa hari, siang dan malam – tidak diberi amaran langsung.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai Butiran 25400 – Kemudahan Pendaratan Ikan dan Infrastruktur. Tuan Pengerusi, oleh sebab kawasan saya terlibat dengan projek *Butterworth Outer Ring Road* kerana ia dibina di sekeliling pantai Bagan maka nelayan di sepanjang pantai di Bagan perlu dipindahkan kerana terlibat dengan pembinaannya. Mereka berasal dari Kampung Gajah dan kini telah dipaksa berpindah ke kawasan Bagan Ajam, iaitu kawasan pantai bersih dan pihak berkuasa memberi tahu perpindahan ke kawasan ini juga adalah sebagai satu langkah sementara sahaja dan satu tempat yang telah dikenal pasti sebagai satu tempat kekal untuk nelayan-nelayan ini ialah Bakau Tua, iaitu dekat Kuala Muda, Seberang Perai. Kuala Muda ada di Seberang Perai dan ada juga di Kedah, tetapi yang ini terletak di Seberang Perai.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bilakah kemudahan pendaratan ikan dan infrastruktur seperti yang disebutkan itu akan dibina dan sama ada tempat ini sesuai untuk pendaratan perahu-perahu kerana saya mendapat maklumat bahawa Bakau Tua, iaitu tempat yang disebutkan itu, adalah satu tempat terhimpun lumpur-lumpur yang dibawa oleh arus, dan mungkin tempat ini bukan satu tempat yang sesuai untuk pendaratan perahu-perahu atau dijadikan sebagai satu pangkalan perahu-perahu nelayan. Sekian sahaja. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, ramai sangat. Sudah 22 Ahli Yang Berhormat yang bercakap, nanti jawapan oleh Yang Berhormat Menteri akan menjadi terlampau panjang. Saya hendak bagi seorang sahaja lagi. Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [Menyampuk] [Ketawa]

11.53 pagi.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 22502 – Perikanan – Kemudahan Penyelidikan Perikanan. Saya ingin tahu apakah rancangan yang telah dibuat oleh kementerian untuk mengembangkan beberapa spesis ikan yang sangat bermutu dan berharga. Sebahagian ikan ini hidup di sungai-sungai di Sarawak atau Sabah tetapi tidak wujud di Semenanjung dan sebahagian ikan ini pula wujud di Semenanjung tetapi di sungai-sungai yang tertentu sahaja. Umpamanya, ikan kelah hanya wujud secara besar-besaran ataupun membiak di Sungai Kelantan. Kerajaan Kelantan difahamkan telah menubuhkan satu *sanctuary* ikan kelah di Sungai Nenggiri bagi membolehkan ikan ini dapat dibiakkan dan menjadi tarikan pelancong sama seperti ikan 'basyir' di India yang telah menghasilkan, saya kira, lebih daripada RM500 juta pulangan setahun bagi Kerajaan India kerana pemancing-pemancing akan berkunjung ke sana.

Di bawah Projek *Sanctuary* ikan kelah di Kelantan, mana-mana ikan kelah yang beratnya lebih daripada 10 kilogram akan dibebaskan dan yang kurang daripada 10 kilogram akan dibenarkan untuk dimakan oleh penduduk ataupun pemancing. Usaha untuk mengembangkan ikan ini juga telah dilakukan dengan kerjasama beberapa universiti tempatan, dan saya difahamkan bahawa para saintis ikan ini dapat mengenal mana ikan jantan dan mana ikan betina dengan hanya memegang pipinya, Tuan Pengerusi. Pipi ikan kelah yang betina adalah licin tetapi ikan kelah yang jantan badannya berbintik-bintik sedikit. Tetapi bila saya merujuk semula kepada buku belanjawan kita, saya lihat tidak ada peruntukan untuk mewujudkan mana-mana *sanctuary* ikan di seluruh Malaysia. Bahkan lebih daripada itu, kalau kita buka semula buku belanjawan ini, kita akan jumpa lebih daripada 42 *item* di mana peruntukannya hanya "Kosong", Tuan Pengerusi – tidak ada langsung peruntukan, bukan sahaja setakat peruntukan *token* RM10 tetapi "Kosong" terus.

Umpamanya, di muka surat 251, lebih daripada 18 Kepala di mana peruntukannya hanya "kosong". Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian mengapa sedemikian banyak *item* yang dahulunya mempunyai peruntukan yang sangat besar tetapi sekarang ini "kosong" – tidak ada langsung, sama ada peruntukan secara langsung ataupun peruntukan dalam bentuk pinjaman bagi tahun 2004. Bahkan setengah daripada *item* ini menunjukkan penurunan yang sangat ketara. Mengapakah ini berlaku?

Sehubungan dengan isu ikan ini, saya tertarik dengan rakan-rakan saya daripada Sarawak, terutama Yang Berhormat bagi Selangau. Di Sarawak ada sejenis ikan "embrau", kalau tidak silap sebutan saya, yang harganya, Tuan Pengerusi, mencapai RM100 sekilogram. Ikan kelah yang telah mati hanya berharga RM60 sekilogram tetapi ikan yang hidup untuk dijadikan sebagai ikan hiasan bernilai RM100 sekilogram. Tetapi ikan embrau ini kadang-kadang mencapai harga sampai RM200 sekilogram dan satu ekor ialah seberat lebih kurang 20 kilogram. Saya ingin tahu apakah rancangan kementerian untuk membiakkan ikan ini di Semenanjung kerana ia akan memberikan pendapatan yang jauh lebih besar kepada para petani ataupun nelayan kita?

Begitu juga dengan buah-buahan, kalau kita lihat balik sejarah getah sahaja, dalam masa yang singkat, Tuan Pengerusi, getah bukan berasal dari Malaysia tetapi setelah melalui penyelidikan dan kajian ia dibawa dari Brazil. Bila kita buka laman web "Tanaman Tropika di Brazil", ada beratus lagi pokok-pokok yang dianggap *rare* ataupun nadir yang belum dikembangkan secara komersial. Kementerian bukan sahaja tidak dapat mengambil benih-benih dari Brazil untuk dikembangkan di Malaysia, dengan cuaca dan tanah yang hampir sama, tetapi juga buah-buahan daripada Sarawak dan Sabah.

Saya tidak ingin membacakan senarai buah-buahan tersebut kerana masa yang singkat, tetapi secara spesifik saya merujuk kepada KADA kerana ia terlibat dengan kawasan saya, KADA iaitu di bawah Kepala 110000. Sejak kebelakangan ini, tiga empat tahun kebelakangan ini, tali air KADA tidak lagi dibersihkan, langsung tidak bersih. Jadi, petani-petani merungut, bukan sahaja tali air ini tidak dibersihkan tetapi sungai-sungai juga tidak dibersihkan. Dahulu ada satu sungai di kawasan saya, Sungai Dubok Mulong dan juga sungai Pulau Melaka, adalah satu tempat di mana petani-petani mendapat ikan yang baik dan bersih dan juga membiakkan ternakan mereka, tetapi oleh sebab JPS tidak lagi mempedulikan sungai-sungai ini dan KADA juga tidak mempedulikan tali-tali air, betul-betul macam jadi tali air yang sangat terbiar, saya ingin mendapat penjelasan kenapa keadaan ini berlaku? Bila Yang Berhormat Menteri baru kita mengambil alih jawatan ini, tali air langsung tidak boleh dibersihkan. Semasa Yang Berhormat Menteri dahulu, Alhamdulillah, dijaga baik. Ini sebagai satu cabaran kepada Menteri kita.

Saya beralih kepada tajuk yang lain – Butiran 020100 – Pengurusan dan Regulatori. Saya agak BERNAS masuk di bawah perkara ini, iaitu BERNAS *diragulatekan* ataupun diuruskan oleh satu badan di bawah kementerian Pertanian. Saya ingin tahu perkembangan BERNAS kebelakangan ini, iaitu yang pertama berkenaan dengan VSS, iaitu skim pemberhentian pekerja secara sukarela oleh BERNAS. Berapa peratuskah daripada kakitangan yang telah menerima skim ini?

Saya juga ingin tahu bagaimanakah kementerian memantau BERNAS yang selain daripada mempunyai kuasa monopoli mengedarkan beras, juga adalah mempunyai tanggungjawab sosial kepada para petani dan nelayan? Kalau tidak silap saya, kita

mempunyai kawasan seluas lebih kurang 600,000 hektar tanah pertanian yang ditanam padi. Apabila BERNAS kemudiannya menceburkan diri dalam *non-core business*, umpamanya beli kilang roti, mengimport bawang dan sebagainya, adakah ini tidak akan mengganggu kedudukan BERNAS?

Kita telah melihat banyak syarikat lain apabila mereka memasuki *non-core business*, mereka akan gagal. TNB pernah terlibat dalam *non-core business* untuk mengeluarkan kereta elektronik dan RM100 juta lebih telah dilaburkan dan akhirnya kilang ini tutup. Banyak lagi contoh yang lain apabila sesuatu badan perniagaan yang menceburi *non-core business* yang lain, mereka akan mengalami masalah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jadi, atas alasan atau rasional apakah BERNAS menceburi bidang-bidang lain dengan mungkin mengabaikan tanggungjawab asasnya dalam industri beras dan kerana itu, bila kita lihat BERNAS mengalami kerugian atas alasan kononnya ada penyeludupan beras yang tidak dapat dikawal. Saya sendiri masih sangsi bahawa tidak mungkin satu badan lain selain daripada BERNAS boleh mengimport beras secara besar-besaran, menyeludup beras secara haram kerana untuk menyeludup beras yang berpuluh-puluh buah lori, kita mempunyai satu *networking* yang sangat canggih. Kita mesti mempunyai stor yang sangat besar, kita mesti ada kedai-kedai yang sanggup menerima beras-beras ini untuk diedarkan. Kalau kita tidak ada *networking*, mungkin adalah mustahil bagi mana-mana pihak untuk menyeludup beras secara haram.

Ini persoalan-persoalan yang belum dijawab dan kita lihat pada tahun 2000, kalau tidak silap saya, BERNAS mempunyai keuntungan RM110 juta dan dividen yang sangat besar telah dibahagi-bahagikan kepada *shareholders* BERNAS terutama sekali Budaya Generasi yang kita tahu dimiliki oleh keluarga kepada Menteri Besar Perlis. Tetapi yang saya ingin tahu ialah apabila pertukaran saham ini berlaku dalam BERNAS, dijual kepada satu syarikat yang ada *connection* dengan Syed Mokhtar Bukhari, berapakah harga yang telah dibayar untuk pertukaran saham ini.

Inilah saya rasa satu persoalan yang sangat penting dan kita perlu rujuk semula. Ini kerana dalam industri beras, satu bahan keperluan asasi semua rakyat Malaysia, saya rasa tidak harus dipegang oleh pihak-pihak minoriti yang sebahagian kecil membuat keuntungan di atas keperluan rakyat yang sedemikian mustahak.

Saya berharap ini dapat dikaji semula. Kita rujuk semula daripada penswastaaan kepada pengkorporatan iaitu BERNAS diurus secara perniagaan tetapi bukan dimiliki oleh dua atau tiga orang terpilih untuk mengaut kekayaan daripada keperluan kita semua. Adalah tidak adil dua atau tiga orang terpilih daripada satu keluarga tertentu mengaut kekayaan daripada keperluan kita sedemikian besar dan apabila mereka menjual saham, umpamanya dalam kes saham *shareholders* BERNAS tadi, mereka mengaut keuntungan. Apabila BERNAS untung, mereka dapat dividen. Jadi, tiap-tiap kali BERNAS membuat keuntungan, mereka mendapat bahagian mereka tetapi rakyat terbanyak, termasuk para petani tidak mendapat faedah apa-apa. Para petani seharusnya menjadi *shareholders* bersama kepada BERNAS tetapi petani...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat cukup, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kerana masa telah pun cukup, saya berhenti di sini.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya jemput menteri menjawab.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sudah diputuskan tadi Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kira itu Yang Berhormat, sudah diputuskan oleh Tuan Pengerusi tadi. Ya, saya akurlah.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Kalau tidak silap, Tuan Pengerusi janji Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Keputusan sudah dibuat Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cakap masa kementerian lainlah pula Yang Berhormat. Banyak masa lagi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, minta maaf ya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Hulu Terengganu ada pertanian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta maaf ya, keputusan sudah dibuat, Yang Berhormat. Saya minta menteri menjawab.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dalam penjelasan nanti, boleh tanya. Ya, sila menteri.

12.04 tgh.

Menteri Pertanian [Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas beberapa soalan yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini dan saya akan cuba untuk menjawab kesemuanya. Walaupun demikian, di mana kalau ada kekurangan, Yang Berhormat-Yang Berhormat dipersilakan untuk menghubungi saya sendiri dan saya akan cuba memberi penjelasan yang lebih lanjut.

Sebelum saya mula menjawab tiap-tiap perkara spesifik yang telah dibangkitkan, saya ingin meminta izin untuk memberi gambaran yang lebih menyeluruh mengenai pembangunan dan perkembangan di dalam Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, saya mendengar banyak pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang kurang mengetahui mengenai berbagai-bagai program yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian. Jadi, saya ingin memulakan jawapan saya dengan memberi penerangan kepada semua yang telah banyak membangkitkan perkara-perkara ini secara keseluruhannya. Perubahan yang besar telah berlaku di dalam sektor pertanian dalam masa tiga tahun ini dan transformasi besar-besaran yang sedang berlaku di kalangan masyarakat petani, nelayan dan penternak di negara kita secara keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, yang pertama sekali ada Ahli Yang Berhormat yang masih menimbulkan masalah import yang besar. Ini adalah satu perkara yang relevan. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa pada masa ini kita mengimport hampir RM13 bilion bahan makanan tiap-tiap tahun dan hanya mengeksport RM7 bilion. Maksudnya tiap-tiap tahun kita ada defisit RM6 bilion. Keadaan ini kalau dibenarkan berterusan, ia akan meningkat kepada defisit RM12 bilion hingga ke RM20 bilion setahun.

Keadaan ini akan menjadi satu keadaan yang serius untuk negara kita, jadi yang saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah menimbulkan perkara ini ialah Kementerian Pertanian sekarang mempunyai satu perancangan yang besar dan satu *intervention scheme* di mana kita merancang semula pengeluaran kita untuk meningkatkan transformasi, memodenkan pertanian dan juga meningkatkan lagi *transfer of technology* dan meningkatkan produktiviti kita.

Dengan *intervention plan* ini, kaedah yang RM12 bilion hingga RM20 bilion defisit ini, kita harap dengan *intervention plan* kita yang baru ini akan berubah menjadi *surplus* dalam tahun 2010 kepada permulaannya RM2 bilion. Ini ialah satu program yang *ambitious* tetapi kerajaan yakin program ini boleh dilaksanakan dengan strategi-strategi yang telah kita aturkan.

Keduanya saya ingin menerangkan kepada ramai Ahli Yang Berhormat yang masih mahu penerangan mengenai apakah perubahan yang telah berlaku dalam tiga atau empat tahun yang lalu ini. Saya minta izin kerana ramai yang telah bertanya mengenai isu ini dan saya ingin mengambil sedikit masa untuk menerangkan usaha yang telah kita laksanakan dan yang telah kita usahakan dengan sedaya upaya oleh pegawai-pegawai kita dan semua ahli keluarga kementerian.

Pertama sekali saya hendak nyatakan....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang berdiri.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya akan beri jalan selepas pengenalan...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia jawab dahulu Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Bagi saya peluang dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia tidak bagi dahulu.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Bagi saya peluang dahulu.

Seorang Ahli: Sabar dahulu!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya akan beri peluang.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa Yang Berhormat, Pengerusi ada di sini Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai transformasi pertanian, kita ada sekurang-kurangnya 200,000 masyarakat petani sekarang ini di dalam skim kelompok kita dan yang terlibat adalah 170,000 hektar. Bila mereka ini terlibat dalam skim kelompok, mereka terlibat dalam skim pemodenan pertanian tetapi kita telah melebihi daripada itu. Dalam 200 ribu orang ini, ada 21,000 petani sekarang menjalankan pertanian moden secara ISO. Kita ada rekod mereka yang menunjukkan mereka mendapat pendapatan sekurang-kurangnya 30% lebih daripada dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Menteri. Kalau pihak Menteri sanggup memberi penjelasan secara panjang lebar di Parlimen ini, lebih baik bagi taklimat khusus di masa yang lain supaya kita Ahli-ahli Parlimen ini untuk mendengar penjelasan-penjelasan apa yang tidak diketahui oleh Ahli Parlimen. Cuma di Parlimen hari ini saya minta Yang Berhormat menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, baru masa kita cukup.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Kalau itulah Yang Berhormat hendak.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kalau hurai semua sekali masa tidak cukup pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Rantau Panjang, mukadimah..

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Semua yang saya jawab ini semuanya berkaitan dengan soalan yang telah ditimbulkan. Semuanya ada relevan, tidak ada yang saya hendak katakan di sini yang tidak relevan kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan. Saya sabar menunggu semalam, hari ini saya mendengar semua ucapan, sekarang saya minta Yang Berhormat bersabar. Dengar jawapan saya.

Yang Berhormat sekalian, dalam transformasi kerana ada teguran-teguran oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengatakan apakah perubahan yang telah dilaksanakan. Sekarang ini dalam 42 Persatuan Peladang Kawasan di negara kita ini ada 260 Persatuan Peladang Kawasan. Kita telah mulakan *pilot project* kepada 42 Persatuan Peladang Kawasan.

Mereka ini semua telah menjayakan projek-projek contoh, projek-projek yang telah mengguna pakai teknologi baru, 42 LPPnya akan ditambahkan kepada 100 LPP sebelum hujung tahun 2003 ini. Bermaknanya kita akan melihat hampir 50% Persatuan Peladang Kawasan di negara kita akan terlibat dalam memodenkan kegiatan pertanian mereka. Kita juga telah mengenal pasti 200,000 petani-petani di bawah PPK ini yang kita akan adakan program-program khusus untuk mereka dalam masa tiga tahun ini, untuk mengubahkan cara pertanian mereka.

Saya juga ingin menjelaskan di sini mengenai dengan haiwan, Yang Berhormat ada menimbulkan di sini yang program pawah ini hidup mati, tenggelam timbul dan sebagainya. Ini memang betul, tetapi kalau Yang Berhormat membaca tahun lepas kita telah mengumumkan satu skim baru yang sedang dilaksanakan dengan besar-besaran iaitu Skim Teras, ini skim transformasi usahawan ternakan di mana program ini ialah untuk membawa penternak-penternak ke tahap komersial sekurang-kurangnya 100 ekar seorang.

Program ini.....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Biar saya beri penjelasan dahulu. Program ini ialah membolehkan penternak kalau dia ada 10 ekor kita berikan lagi 10 ekor, kalau dia ada 20, kita beri dia 20 dengan program supaya dia mencapai ke-100 ekor untuk menjadi seorang penternak yang moden dan komersial.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan tahniah di atas mukadimah yang telah diberikan oleh Datuk Menteri. Tetapi kalau kita tengok akaun daripada peruntukan yang dibuat, kalau dari segi pembangunan kita lihat 58% daripada peruntukan yang ada dalam Kementerian Pertanian ini ialah dalam projek pengairan dan saliran. Sedangkan pertanian, haiwannya kecil tetapi dari segi mengurus kita tengok pertanian dan haiwan tinggi, tetapi peruntukan pembangunannya rendah. Adakah ini sesuatu yang tidak konsisten daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat?

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan memberi tumpuan yang khusus kepada sektor pertanian di masa ini. Kerajaan telah mengenal pasti sektor pertanian adalah sektor yang boleh menjadi enjin yang ketiga untuk pertumbuhan ekonomi negara kita. Jadi, pada masa ini kita sentiasa memastikan projek-projek yang penting diberikan peruntukan, walaupun kita tahu kita tidak dapat memberikan peruntukan untuk semua projek tetapi yang penting-penting kita dapat laksanakan.

Memang benar kata-kata Yang Berhormat tadi, sebenarnya 46% daripada peruntukan kami bagi tahun 2004 adalah untuk JPS, tetapi kerana kerja-kerja JPS ini pun

penting juga, tidak kurang juga Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini menimbulkan masalah-masalah banjir di kawasan masing-masing. Jadi, ini pun perlu juga.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin memaklumkan ada Yang Berhormat-Yang Berhormat menimbulkan kenapa kementerian tidak membela nasib petani dan khususnya nasib nelayan, dahulu miskin sekarang masih miskin. Jadi, saya ingin memberi penerangan.

Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid: *[Bangun]*

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Selepas ini saya akan beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk dahulu Hulu Terengganu. Ya sila.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan apa yang disebut oleh Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang transformasi untuk meningkatkan penternak daripada kecil sehingga matlamat 100 ekor. Apa Yang Berhormat Menteri sebut di sini memang barangkali sedap didengar tetapi apa yang saya hendak terangkan apa yang sebenarnya berlaku di bawah yang kadangkala perkara ini tidak sampai ke pengetahuan Menteri.

Oleh sebab itu saya minta satu kajian menyeluruh atau pemeriksaan menyeluruh, apa yang berlaku sekarang ini di Terengganu khususnya, apabila kita mengambil alih negeri Terengganu pada tahun 2000, kita telah membuat keputusan untuk memberi 5 ekor lembu kepada setiap petani dan pegawai sudah mengenal pasti orangnya, setiap orang akan diberikan 5 ekor. Tetapi peruntukan ini bagi tahun seterusnya ditarik dan akan diberikan melalui tabung wang ehsan, melalui nasihat atau syor daripada JKKK.

Akibatnya sehingga hari ini keputusan yang kita buat untuk setiap orang mendapat 5 ekor tidak dapat hendak diberikan dan timbul pula yang pihak kementerian berikan 10 ekor bagi setiap penternak. Tetapi orang yang diputuskan oleh Jabatan Pertanian sehingga ke hari ini tidak mendapat haknya. Yang lebih malang lagi ada satu kes, satu projek kelompok diberi persetujuan, pihak kementerian dan jabatan telah mengenal pasti peserta-peserta secara kelompok, semua peserta sudah kenal, kawasan sudah kenal dan memang *viable*, tiba-tiba tidak diluluskan oleh pihak JPP Terengganu, sehingga sekarang terbengkalai, saya minta perkara ini disiasat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid: Terima kasih.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Yang Berhormat, kita baru sahaja memulakan program ini tahun lepas. Kita telah memulakan program ini di negeri Kedah sebagai permulaannya, kerana Kedah adalah negeri yang paling ramai penternak lembu. Di situlah kita bermula dan sebagai permulaan kita telah dapati skim ini amat berjaya. Orang yang terlibat kita kena memilih dengan baik supaya kita tidak mahu gagal macam skim pawah dahulu. Pokoknya adalah pemilihan, siapa pengusaha-pengusaha. Kita lihat mereka sebagai pengusaha, jadi setakat ini kita mendapat kejayaan yang besar.

Walaupun demikian, saya tahu bila kita memperkembangkan program ini ke negeri-negeri lain, kita harap tahun hadapan kita sudah dapat peruntukan baru, kita akan melihat semua masalah tertentu dalam pelaksanaan sesuatu projek ini, sudah tentu ia tidak *perfect*. Mula-mula dia bermacam-macam masalah termasuk masalah Yang Berhormat maklumkan tadi. Tetapi di sini saya ingin memaklumkan kepada semua Yang Berhormat di peringkat pelaksanaan kita di bawah kita ada 25,000 kakitangan. Ada kakitangan yang baik dan ada kakitangan yang tidak baik, kita tidak dapat monitor semua orang. Jadi, saya harap kalau ada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tahu di mana pelaksanaan kami

kurang, sila beritahu kepada kami supaya kita akan selidik dan mengambil tindakan yang perlu.

Saya hendak menceritakan mengenai nelayan kerana ada Yang Berhormat yang menimbulkan nasib nelayan masih belum berubah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tunggu dahulu.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Saya akan memberi laluan selepas ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri akan memberikan laluan selepas ini, Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kita dapati masalahnya ialah masalah kami kurang membuat penerangan. Kerajaan mempunyai satu program besar untuk mengubah nasib nelayan. Ini kita telah mulakan dan mendapat projek model, contoh kami telah menunjukkan kejayaan yang besar, kita telah memilih pada tahun lepas 450 nelayan sebagai nelayan permulaan model projek kita. Kita berikan mereka alat baru, bot tradisional yang baru *fiber glass* 20 kaki dan enjin yang baik, ada *ice box*, ada net yang baru, kita dapati yang 450 orang percubaan (*trial*) kita, semuanya telah meningkat pendapatannya yang dahulu kurang daripada RM500 ramai telah sampai kepada RM3,000.

Bukan ini sahaja, Kerajaan Barisan Nasional yang prihatin dengan nasib nelayan, kita telah pergi menyelidik ke tiap-tiap persatuan nelayan kawasan dan pada masa ini 23 persatuan nelayan kawasan sedang menjalankan program dengan kami untuk melepaskan diri mereka daripada orang tengah dan program-program ini telah menunjukkan kejayaan yang besar. Buktinya ialah mereka yang menerima dana nelayan ini ialah pinjaman. Ini bukan geran pinjaman walaupun tidak ada faedah. Mereka bukan sahaja membayar balik mengikut jadual, ada yang bayar balik awal daripada jadual.

Juga saya dapati saya sendiri telah melihat beberapa PNK, Yang Berhormat daripada Selangor mungkin tahu kes ini di Sungai Besar di Selangor di mana seorang nelayan – ini bukan kes *exceptional* di semua kawasan di mana Kementerian Pertanian telah *intervene*. Nelayan sekarang ini kalau dia boleh menangkap udang putih yang gred A dia boleh dapat sekarang RM39.00 satu kilo, direct. Dia tidak lagi melalui orang tengah macam dahulu – RM18.00, RM20.00 tetapi sekarang RM39.00. Maknanya seorang nelayan yang tangkapannya *average* tiap-tiap hari dalam 15 kilo dan *average price* dalam RM20.00, dia boleh sampai ke RM300.00 sehari. Inilah rekod-rekod kami dan dia mungkin boleh dapat RM6,000 sebulan tolak kosnya, RM3,000 pendapatan bersih. Ini bukannya *exception*, inilah yang kita laksanakan secara besar-besaran dan saya ingin mengumumkan di sini yang Kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan satu peruntukan yang besar, mungkin tidak dalam bajet ini tetapi inilah satu peruntukan khusus untuk nelayan, kita ada RM70 juta yang akan kita agihkan dalam beberapa bulan ini kepada semua PNK nelayan di seluruh negara untuk melaksanakan program dana nelayan ini dan kami mengharapkan dengan program dana nelayan ini kita beri mereka bot baru, kita beri alat baru dan kita aturkan pemasaran yang baru secara direct - daripada tangkapan terus kepada pasar.

Kami mengharapkan dengan semua program ini dalam masa tiga empat tahun ini nasib nelayan di seluruh negara kita akan melihat perubahan yang besar, asalkan Kerajaan Barisan Nasional terus memerintah negara ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dua orang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Setiu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya berkeyakinan bahawa Yang Berhormat Menteri memang mempunyai wawasan ataupun hasrat begitu tinggi dan saya memang mendapat tahu bahawa antara kawasan Yang Berhormat kerap kunjungi

termasuklah kawasan saya sendiri, Setiu. Masalahnya ialah seperti mana yang disebut oleh sahabat saya daripada Hulu Terengganu tadi, pelaksanaannya. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat sejauh manakah ataupun setakat mana mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian bagi memastikan bahawa semua projek yang dirancangkan itu sampai kepada sasarannya.

Apa yang berlaku, Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak sedar bahawa dalam pelaksanaan ini nanti bahawa yang meluluskan ini bukan institusi yang kaliber, yang dianggap ber*authority* seperti UPEN, pejabat daerah atau PPRT di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, tetapi akhirnya yang meluluskan ialah JKK UMNO, bekas UMNO yang kalah, ketua cawangan, [*Disampuk*] kemudian perkara ini tidak sampai kepada sasaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Saya hendak tahu, soalannya adakah Yang Berhormat merasakan bahawa Yang Berhormat juga susah untuk menyelesaikan masalah ini. Sebab saya tahu Yang Berhormat mungkin hendak selesaikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: ..tetapi dengan tekanan daripada UMNO ini Yang Berhormat susah juga sebab Yang Berhormat bukan UMNO. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Setiu.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Yang Berhormat, terima kasih. Pertama sekali saya hendak beritahu Yang Berhormat, saya sudah pergi ke Setiu beberapa kali walaupun kawasan ini kawasan pembangkang saya pergi juga kerana kami Kerajaan Barisan Nasional, kami tidak melihat ini. Perjuangan pertama kita ialah untuk membela nasib kumpulan sasaran kami. Di Setiu ini kita telah melaksanakan satu program negara yang besar. Kita telah membangunkan satu Pan-Culture, projek yang pertama yang telah melihat kejayaan yang besar. Tidak lama lagi kita akan membangunkan kawasan-kawasan yang berdekatan untuk *hatchery* dan sebagainya. Yang Berhormat akan diberi maklumat sudah tentu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Dr. Mohd. Effendi Norwawi: Tetapi saya harap Yang Berhormat yakin yang kita bersungguh-sungguh untuk membela nelayan di seluruh negara. Saya belum habis mengenai nelayan tadi.

Seorang Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Tunggu sekejap.

Datuk Dr. Mohd. Effendi Norwawi: Kita juga akan membina di semua PNK – selepas ini....di semua persatuan nelayan kawasan yang ada 73 di negara kita ini. Kita akan pergi ke tiap-tiap persatuan nelayan kawasan, kita akan membina dua unjang-unjang di tiap-tiap kawasan. Unjang-unjang ini ialah *artificial reep*, dengan izin, di mana dahulunya kalau nelayan kita pergi memburu, dia tidak tahu di mana hendak pergi, dengan unjang-unjang ini kita tahu, dia pasti sekarang ini dan di dua tempat ini memang pasti ada ikan. Ini adalah kajian oleh Universiti Sains telah menunjukkan yang kalau ada unjang-unjang, pendapatan nelayan boleh dua kali ganda dari segi pendapatan tiap-tiap hari.

Saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat sekarang dengan maklumat-maklumat ini adakah Yang Berhormat masih memikirkan kerajaan ini tidak membela nasib nelayan-nelayan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita bagi pihak penyokong kerajaan memang amat mengalu-alukan langkah-langkah yang telah diambil termasuk mengenal pasti LPP di peringkat daerah dan kawasan dan juga nelayan-

nelayan profesional seramai 450 orang ini. Kita percaya ianya akan dapat dipertingkatkan sebab pendekatan yang telah dilihat ini boleh mendatangkan pulangan yang baik. Misalnya, daripada pendapatan RM500 dua tiga tahun yang lalu boleh meningkat kepada RM2,000 - RM3,000.

Jadi, inilah sebetulnya inti pati ucapan kita. Dari pembangkang kita jangan dengar. Mereka ini memang *negatif thinking*. Dalam borang-borang pertanyaan dan sebagainya mana ada lambang PAS, UMNO dan sebagainya. Jadi, menteri-menteri jangan terlalu dengarlah, bagi kita peluang sebelah sinilah, sebelah sana memang tidak ada punya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita minta sampai tahun 2005 agaknya berapa petani, nelayan dan juga penternak ini yang boleh *diupgrading* diri mereka daripada pendapatan RM1,000 mungkin kepada RM10,000 dan hasrat kerajaan itu bagaimana. Hasrat kita sama ingin melihat mereka ini maju. Dari pembangkang jangan dengar sama sekali. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat masanya ialah sesuai untuk kita renung kembali apakah latar belakang transformasi ini. Transformasi ini ialah satu ilham Perdana Menteri kita sendiri yang beliau melihat mengapa petani-petani, nelayan-nelayan di negara maju boleh jadi orang yang kaya, mewah, berpendapatan tinggi dan sebagainya. Tetapi mengapa petani, nelayan, penternak kita miskin. Inilah yang telah dicabar kepada kementerian kami dan kami telah menyelidik perkara ini dan kita dapati yang pokoknya ialah *transfer of technology*, pokoknya ialah pemindahan teknologi kepada peladang-peladang, pesawah-pesawah dan nelayan-nelayan kita.

Di sinilah yang saya hendak cuba memberi penerangan di mana kita melihat satu keadaan yang baik, ramai petani, nelayan dan penternak di negara kita ini mahu menerima baik usaha-usaha menggunakan pakai teknologi-teknologi yang kita perkenalkan.

Jadi, saya berterima kasih atas pandangan Yang Berhormat, kita akan usahakan. Saya yakin kita ada 90,000 nelayan di negara kita. 80,000 yang aktif, 50,000 nelayan yang tradisional di antara mereka. Saya tahu yang pegawai-pegawai saya dan saya sekarang ini kalau kita fikirkan mereka sudah miskin 46 tahun. Kita dalam masa tiga tahun insya-Allah, kita hendak sekurang-kurangnya sampai 50% daripada ahli-ahli nelayan mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat. Ya Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya membawa isu nelayan pesisiran pantai, jadi saya rasa jawapan Menteri ini menyentuh sedikit tentang ini. Saya ucapkan syabas pendekatan kementerian. Ada sekarang ini pun nelayan-nelayan pesisiran pantai ini boleh mendapat RM3,000 sebulan, tetapi di kawasan saya perkara ini tidak berlaku, masih belum berlaku, belum sampai, masih lagi pendapatan mereka kurang dari RM700, RM500.

Saya melihat bahawa kementerian harus menyebar luas pendekatan yang begini agar semua masyarakat nelayan pesisiran pantai ini mendapat manfaat daripada program kerajaan. Saya yakin nelayan di kawasan saya boleh menunggu untuk dikorporatkan, untuk ditransferteknologikan, tetapi saya rasa kementerian mengambil tindakan, langkah-langkah ini biarlah sampai kepada peringkat bawahan dalam semua agensi kementerian itu untuk berfikir secara korporat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Tuan Pengerusi, saya menghargai pandangan ini kerana dia memberi peluang saya menjawab yang semua program ini akan mengambil masa dan kita tidak dapat memulakan program ini secara serentak ke seluruh negara. Kita perlu *start* dengan beberapa *pilot project*, dan kemudian kita ada rancangan mungkin tiga, empat tahun.

Sekarang yang saya boleh beritahu ialah kita sudah sampai kepada 23 PNK daripada 76 PNK, kita sudah sampai ke-23, tetapi seperti yang telah saya janjikan tadi, dalam masa 12 bulan ini kita akan sampai ke semua persatuan nelayan kawasan di negara ini termasuk kawasan Ahli Yang Berhormat sendiri.

Saya minta izin supaya saya dapat teruskan ini, berkaitan dengan ucapan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ada cita-cita besar untuk membawa kemajuan dalam industri perikanan ini, tetapi masalahnya perahu atau bot nelayan sekarang terlalu banyak, ikan tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mana Yang Berhormat tahu dalam laut Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Di kawasan saya. *[Ketawa]* Bila kita berdiri di pantai sebelah sini kita pandang ke Selat Pulau Pinang ini bertitik-titik, semua perahu dan mereka pergi kena memakai petrol, kena membeli sarapan pagi tetapi balik dengan hasil hanya RM10, RM20 tolak minyak, tolak ini, tolak itu habis.

Jadi,

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: Belum habis lagi sedikit. Jadi, masalah ini adalah dihadapi oleh nelayan-nelayan di kawasan saya dan Yang Berhormat juga perlu mengetahui bahawa nelayan ini bukan mereka tidak mengetahui di mana ada ikan, tidak ada ikan, mereka telah menjadi nelayan sejak dari mereka muda, mungkin dari nenek moyang mereka pun nelayan, mereka ikut, mereka tahu di mana ada ikan dan di mana tidak ada ikan, tetapi sekarang ikan langsung tidak ada. Inilah masalahnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Dan bot pukot dalam

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Pukat ini saya jawab.

Tuan Lim Hock Seng: Bot pukot dalam, mereka pun tidak dapat sebab laut dalam pun tidak ada ikan. Jadi, mereka melanggar masuk ke laut cetek sini menjejaskan segala-galanya dan ini satu perkara yang besar juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Yang Berhormat, dalam kita mengurus permit-permit lesen, faktor yang penting sekali ialah *maximum sustainable yield (MSY)* ataupun penangkapan yang optimum yang boleh mapan. Dalam negara kita, kita punya MSY ini, ialah 1.2 juta tan setahun tangkapan laut. Lesen atau permit diberikan mengikut kaedah ini dan tidak boleh lebih daripada ini, pada masa ini kita ada 760 bot yang beroperasi di lautan dan masih dalam lingkungan MSY.

Walaupun demikian, di Sabah dan Sarawak kerana ada sumber baru, maka kita mungkin akan naikkan lagi MSY kita ini. Jadi, saya hendak memberitahu di sini, yang pemberian permit dan lesen ialah dua, pertamanya diberi kepada pengusaha-pengusaha yang tulen sahaja, dahulu terlalu banyak lesen ini diberi kepada mereka yang dia tidak kerjakan, dia dapat lesen, dia beri kepada orang lain, kita sudah tarik balik. Mungkin Yang Berhormat banyak dapat kompelin, kita hendak beri kepada pengusaha-pengusaha tulen, kepada nelayan-nelayan tulen sahaja.

Kedua, kita hendak pastikan sekarang ini kita mahu mereka mempunyai bot mereka sendiri sekarang ini. Jadi, sekarang ini kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan, satu dana RM1 bilion untuk mereka mempunyai bot mereka sendiri, tetapi permit hanya diberi kepada kawasan-kawasan di mana sumber ikan masih ada.

Walaupun demikian Yang Berhormat memang betul. Keadaan sekarang mungkin ada lebih, khususnya nelayan tradisional terlalu ramai dan ini telah membuat kepadatan kepada kepulauan mereka. Walaupun demikian, dengan teknologi-teknologi baru ini, kita dapati yang mereka boleh mendapat dan meningkatkan pendapatan mereka.

Dan

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya hendak sambung mengenai dengan Yang Berhormat semalam ada menimbulkan apakah yang kita laksanakan untuk belia-belia kita. Selepas ini Yang Berhormat, biar saya habiskan point ini dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak usah terangkan Yang Berhormat, duduklah dahulu.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Sebentar tadi Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan pemberian 40 bot kepada nelayan-nelayan dengan pukat barunya, bot baru dan dikatakan berjaya menangkap udang putih dan pernah mendapat sampai RM6,000 sebulan.

Apakah Yang Berhormat mengetahui udang putih ini bukan sepanjang masa, dia hanya ada beberapa bulan sahaja setahun, jangan kita anggap RM6,000 kali dengan 12, tengok demikian, saya bimbang boleh bawa *mistake* dalam perkara ini, maklumat-maklumat tidak tepat kepada Yang Berhormat, ini kita pun mengetahui.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalannya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap lagi. Yang kedua, berkenaan dengan... hah jawab yang itu dahulu. Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, cukuplah.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Di dalam hidup ini kita boleh tengok dua. Kalau gelas itu setengah air, kita boleh tengok yang kosong atau kita tengok yang penuh.

Jadi, perkara ini memang berlaku, kalau saudara pergi Sungai Besar orang yang tangkap udang putih dia dapat RM39 sebulan, dahulu RM18, RM20 sebulan, ini saya punya *point*, memanglah dia punya tangkapan itu mengikut ada musim-musim dia, tetapi ialah rekod kita yang benar, yang dia punya *average* tangkapan sehari ini sekarang ini mungkin dalam 15 hingga 20 kilogram satu hari.

Kalau pendapatan dia dapat *average price*, harganya RM20 sehari ini yang saya katakan, dia boleh dapat RM300 pendapatan kasar, dia kena potonglah 50%.

Jadi, ini bukan saya tidak berani datang ke sini beri angka-angka ini kalau angka-angka ini yang angka tidak benar, angka-angka ini kita ada rekod-rekod.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Tolong beri saya peluang habiskan ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak bercakap ini. Menteri kalau kata hendak bercakap, saya boleh beri Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat, duduk.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Tuan Pengerusi, saya beri peluang nanti selepas ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Tuan Pengerusi, saya hendak cerita mengenai ahli-ahli yang telah menimbulkan yang kementerian mungkin harus memberi perhatian yang lebih kepada orang-orang muda. Ini memang cadangan yang baik, ini

memanglah tumpuan kementerian sekarang ini, kerana kita dapati hampir 70% hingga 80% peladang-peladang kita ialah 55 tahun ke atas.

Jadi, program-program kami termasuk program taman kekal pengeluaran makanan, setakat ini sebagai cara permulaan kita telah membangun 3,500 hektar dan dalam tahun 2003, 2004, 2005 kita akan membangun lagi 2,500, maknanya kita akan membangun 6,000 hektar tanah untuk belia ini, taman kekal pengeluar makanan.

Yang Berhormat-Yang Berhormat kita ada 22 TKPM di seluruh negara, ramai Ahli Yang Berhormat telah melihat sendiri di mana ahli-ahli mereka adalah orang muda, diberi dua hektar kalau tanam sayur, lima hektar kalau tanaman buah-buahan. Dan di sini mereka dilatih menjalankan pertanian moden secara komersial, mereka dilatih menyediakan *business plan* dan sebagainya. Dan rancangannya supaya mereka ini mendapat pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan.

Saya mengharapkan dengan kejayaan 6,000 hektar ini kita akan menarik ramai lagi minat anak-anak muda untuk menjadi petani. Masalah sekarang mereka melihat pertanian adalah satu kerja yang tidak lumayan, yang dia punya status rendah, tetapi saya kira dengan pendapatan yang tinggi, saya ingat ini akan mendapat perubahan dan saya harap dapat menarik ramai lagi ahli-ahli anak muda untuk melibatkan diri dalam program-program kami.

Saya lihat ada Yang Berhormat yang geleng-geleng kepala. Mungkin Yang Berhormat tidak percaya. Kalau Yang Berhormat tidak percaya, saya boleh bawa kepada program-program kami dan mungkin Yang Berhormat tidak percaya, ...

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Temerloh.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi:mungkin tidak percaya kerana dia belum sampai ke kawasan Yang Berhormat lagi. Tetapi seperti saya katakan, kita tidak dapat kesemua.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Kita akan sampai ke kawasan saudara ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Temerloh ada. Kawasan dia sudah ada. Hendak bagi Temerloh? Ya, Temerloh dahulu.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Temerloh, ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya bukan tidak percaya tetapi saya hendak beri pujian kepada Menteri dan juga Kementerian Pertanian ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha! Salah faham itu, Yang Berhormat. Teruskan.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Salah faham tadi tu. Tentang usaha yang dibuat mengenai pengeluaran makanan ini, di Kawasan Parlimen saya ada dua yang dibuat dan saya ucapkan terima kasih. Yang Berhormat sendiri pun pergi tengok. Akan tetapi saya lihat ianya tergendala di pertengahan jalan. Taman itu baik sekali. Petani-petani muda ini mengeluarkan pengeluaran tetapi yang *failurennya*, Tuan Pengerusi, ialah pemasaran. Saya ingat ini satu masalah yang paling kritikal, Yang Berhormat Menteri, dan sudah banyak kali disebut dalam Dewan ini.

Saya masih ingat, Tuan Pengerusi, pada akhir tahun 70-an dahulu, kalau tidak silap saya semasa Dato' Sharif Ahmad menjadi Menteri Pertanian. Dia buat peti sejuk ini, ada *mappingnya*, *distribution network* – peti-peti sejuk di Pantai Timur, Pantai Barat, Utara

dan sebagainya. Infrastruktur yang begitu cukup untuk hendak disimpan barang-barang pertanian yang selalunya tidak lama boleh bertahan ini. Tetapi pada pendapat saya, ketika itu infrastruktur cukup, tetapi *farmers were not ready yet at that time*, dengan izin. Petani belum bersedia. Hari ini, Yang Berhormat Menteri, *the farmers are ready*. Petani sudah bersedia tetapi saya kira infrastruktur itu belum ada lagi. *Facilities* belum ada lagi.

Jadi saya hendak cadangkan kalau boleh, Yang Berhormat Menteri, kita adakan satu *mapping* untuk *distribution network all over the country*. Jadi barang ini kalau tidak boleh dipasarkan, boleh disimpan dan dapat bertahan lama. Saya ingat ini antara masalah yang menggagalkan Taman Pertanian Belia ini. Terima kasih.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: [*Bangun*]

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Menghargai pandangan itu, kita akan pergi melihat apa yang berlaku di TKPM kawasan Yang Berhormat itu. Tetapi saya ingin mengalih kepada isu satu lagi iaitu isu yang Yang Berhormat kemukakan tadi iaitu isu pemasaran dan FAMA. Saya hendak bercerita fasal FAMA, lepas ini Yang Berhormat, saya akan tidak beri laluan.

Oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masalah yang sama dan saya memang faham dan saya tahu, saya simpati dengan masalah ini dan itulah sebabnya saya hendak ceritakan di sini yang sekarang ini FAMA telah dirombak, telah diubah dan kita telah *reinvent* FAMA ini dan saudara patut melihat perubahan dalam masa dua, tiga tahun ini.

Pertama sekali, kita telah memastikan semua projek yang kita laksanakan, semua TKPM, tanah terbiar, yang pertama sekali kita buat ialah perancangan pemasaran. Jadi sepatutnya tidak timbul macam dahulu, kita bangunkan satu kawasan tetapi tidak ada *planning* pemasarannya kerana ini adalah *very commercial-driven*. Kalau *commercial-driven*, pertama sekali ialah *marketingnya*. Jadi *modus operandi* Kementerian Pertanian sekarang ini ialah bila kita pergi membangunkan sesuatu kawasan, kita pergi dengan 13 agensi kita. Maksudnya, bukan satu jabatan sahaja pergi, tetapi 13 agensi masuk ke situ – Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran dan sebagainya.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: [*Masih berdiri*]

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Dan satu daripada jabatan yang mula-mula masuk ialah FAMA. FAMA akan masuk dahulu dan akan mengkaji apakah tanaman yang paling sesuai yang mudah dipasarkan. Jadi sepatutnya masalah itu tidak berlaku. Kalau berlaku, tolong beritahu kami.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Lipis berdiri, Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Ya. Saya juga hendak bertahu mengenai perubahan-perubahan yang telah di

Selepas ini, selepas saya habis mengenai *marketing*, saudara boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk dahulu.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya akan beri laluan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Selepas ini, Yang Berhormat. Selepas ini, duduk dahulu.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya hendak sambung. Mengenai FAMA ini, ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lipis, duduk dahulu. Lepas ini dia bagi.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi:kerana banyak telah membawa isu pemasaran, saya terima kelemahan FAMA ini, memang selalu kita dengar. Saya pun sendiri bila pergi ke ladang-ladang, ini yang saya selalu dengar – masalah pemasaran - tetapi saya hendak beritahu di sini bahawa kita telah membuat satu pembangunan yang

besar di mana kita telah menyediakan satu *market intelligence system*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Market intelligence system ini ialah satu *database* yang telah juga ditimbulkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat semalam. *Database* kita sekarang cukup, di mana kita tahu kawasan mana, mengeluarkan apa, bila dan sebagainya. Dengan ini kita ada perancangan bagaimana pengeluaran daripada satu kawasan ini kita pastikan sepatutnya tidak ada lambakan. Bila ada lambakan, ia boleh diedarkan di kawasan-kawasan lain. Ini menggunakan *market intelligence system* kita.

Saya tahu baru-baru ini misalnya, masalah lambakan dokong di Kelantan. Ini kita punya *trial* tahun pertama. Akan tetapi saya diberitahu bahawa masalah itu dalam dua, tiga hari, selepas itu kita masuk, kita telah campur tangan dan keadaan telah diperbaiki. Ini kerana kita ada *management market intelligence system* yang baru. Jadi sepatutnya di masa hadapan, perkara ini tidak akan berlaku lagi. Walaupun tidak *perfect* tetapi *every year* sepatutnya ia lebih baik, lebih baik dan lebih baik.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: [*Masih berdiri*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Tetapi tidaklah dapat semua diperbaiki sekali.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang berdiri, Yang Berhormat Menteri. Bagi yang mana, Yang Berhormat Menteri?

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: [*Menunjukkan ke arah Yang Berhormat bagi Kinabatangan*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lipis?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Hah? Oh, dia bagi.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Lipis dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Berapa kali lepas dah!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah cakap itu, Yang Berhormat. Tidak hendak tidak apa.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm. Kalau hendak bagi, tidak kira pertama atau kedua. Lipis dahulu.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Ha, Lipis, Lipis! Lipis dahulu bangun.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Saya minta izin daripada Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri *to regress back to* soal perikanan. Sebab itulah saya berdiri tadi. Jadi soal ikan ini saya selalu bangkitkan di Dewan ini. Tadi Yang Berhormat Menteri ceritakan pasal nelayan pantai, tetapi nelayan yang di sungai-sungai ini, bagaimana? Saya bangkitkan di sini berkenaan dengan spesies-spesies ikan yang telah hampir pupus tetapi *of high value*. Perkara ini saya pernah bangkitkan di sini. Tetapi hari ini saya berasa bertuahlah Yang Berhormat Menteri ada supaya dapat penjelasan yang meyakinkan saya.

Jadi kita tengok ikan-ikan yang seperti yang saya katakan dalam Dewan ini dahulu seperti ikan kelah ini sampai harganya RM80, RM100 *per kilo*. Ikan patin pun macam itu. Ikan jelawat sungai pun satu kilo saya beli kadang-kadang dengan harga RM200 se kilogram dan kerana ini *supplynya* memang terhad. Jadi saya kalau hendak makan, tiga, empat bulan sebelumnya kena *booking* dahulu. Jadi mengenai perkara ini saya haraplah kepada kementerian supaya ambil perhatian. Daripada kita tumpukan kepada ikan talapia yang harganya *we can buy at the market* dengan harga lapan ringgit, lima ringgit, tetapi ikan-ikan yang *high value* ini kita tidak tumpukan.

Bukan sahaja di sungai, umpamanya di laut pun - ikan terubuk. Saya difahamkan dahulu di Semenanjung ini ada ikan terubuk, kemudian sudah tidak ada. Sekarang ada di Pantai Sabah dan Sarawak tempat Batang Lumar tetapi Batang Lumar pun ada kompelin. Maknanya, terubuk pun sudah hampir pupus. Ini ikan yang *high value* tapi umpamanya ikan dugong dahulu di Pantai Perak ada, sekarang sudah tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalan Yang Berhormat? Suruh biakkan. Ya.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Jadi kalau Yang Berhormat Menteri faham, saya suka sangatlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Fahaman saya, biakkan ikan-ikan itu.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Kalau Yang Berhormat Menteri faham, saya suka sangatlah supaya benda ini, generasi kita kemudian boleh nampak benda ini dan juga memberikan.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup, cukup.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:faedah yang begitu lumayan kepada nelayan-nelayan kita.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Menteri faham dah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Saya ingat yang penting, ... [*gangguan*] FAMA pula, Datuk.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: FAMA tidak payah dahulu. Kemudian FAMA.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Ya, kemudian.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Pandangan Yang Berhormat mengenai pemeliharaan ikan ini adalah pandangan yang penting dan satu kegiatan yang penting dalam Jabatan Perikanan. Saya mengambil perhatian atas pandangan-pandangan Yang Berhormat telah berikan. Misalnya terubuk, kita ada satu usaha *specific* di negeri Sarawak.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Tuan Pengerusi, saya hendak sambung dengan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia menuntut janji Yang Berhormat ini. [*Ketawa*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perancangan kerajaan untuk meningkatkan

pertumbuhan 4% dalam industri perikanan dengan pengeluaran lebih RM1.5 juta, saya rasa satu cadangan dan rangka kerja yang sangat baik. Saya pun sebenarnya mengalu-alukan dengan pemikiran, sumbangan dan pandangan jangka panjang Yang Berhormat Menteri, tetapi saya ada kerisauan sedikit, Yang Berhormat.

Untuk mencapai matlamat ini, saya nampak berbeza dengan petani. Saya hendak pergi kepada nelayan. Ada satu fenomena di situ yang saya tinjau sudah beberapa tahun, Yang Berhormat, oleh kerana saya tinggal dan sentiasa bersama dengan nelayan seperti di Kuala Kurau, di Bagan Tiang, Tanjong Piandang dan juga di Selangor ini. Yang saya dapati hubungan di antara nelayan dengan agensi-agensi kerajaan, nampaknya tidak *friendly* dan tidak *cordial* jika dibandingkan dengan petani-petani yang mengusahakan sama ada getah, sama ada padi dan sebagainya.

Perkara ini sebenarnya memang sudah menjadi lumrah, budaya di kalangan nelayan. Seolah-olah menolak agensi-agensi kerajaan, walaupun mereka mendapat bantuan daripada agensi kerajaan. Di antara sebabnya ialah masalah *enforcement*. Mereka menganggap, tengok sahaja pegawai-pegawai perikanan atau marin polis, pada dia, tangkapan, tangkapan, tangkapan. Bukan tangkapan ikan, 'tangkapan' mereka, ditangkap.

Kemudian yang berikutnya, kalau saya sikit dalam masa setengah minit, agaknya Yang Berhormat, tentang bentuk infrastruktur yang diberikan kepada kawasan-kawasan penempatan nelayan. Saya ambil Kampung Kilat, misalnya, di Kuala Kurau. Kampung itu terhakis. Boleh dikatakan saban hari, saban minggu, saban bulan dan setiap tahun kita nampak hakisan-hakisannya begitu serius. Apa yang dilakukan oleh pihak yang berkenaan di bawah kementerian Yang Berhormat ialah, nampak kerja-kerjanya itu macam melepaskan batuk di tangga. Misalnya, diletakkan batu-batu di situ, ia ada penampang daripada *wire match*, yang berjari besar, sedangkan saya nampak di kawasan itu, ombak begitu kuat, sepatutnya, saya nampak, rasa-rasanya *pilingnya* sepatutnya yang munasabah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya, Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Soalnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Soalnya. *Sub-standardnya* tentang tindakan yang diambil untuk membaiki kehidupan nelayan yang saya rasa ini adalah perkara yang bukan hanya berlaku di kawasan yang saya sebutkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Bahkan saya telah tinjau, kebanyakan tempat nelayan di Malaysia, diambil dalam keadaan

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ...melepaskan batuk di tangga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Jadi, dua perkara ini Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Okey! Cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya kalau dapat pencelahan daripada Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduklah. [Ketawa]

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya berucap ini bukan sahaja depan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, semua pegawai kanan Kementerian Pertanian, KSUnya, KPnya, semua ada di sini. Saya tahu kami semua sebagai satu pasukan, kita bersungguh-sungguh pergi ke sana-sini cuba membawa satu orientasi yang baru di kalangan pegawai-pegawai kami, kakitangan kami. Kita ada 25,000 orang, tetapi kami cuba sedaya upaya dan kami dapati sekarang di Kementerian Pertanian, saya harap ini yang berlaku di kawasan-kawasan, ada satu semangat baru.

Saya tahu di kalangan saya, di kalangan pegawai-pegawai yang bekerja dengan saya, memang ada satu semangat yang ingin bersungguh-sungguh untuk memberi khidmat sebaik-baiknya kepada kumpulan pelanggan kami. Walaupun demikian, Yang Berhormat mungkin betul, mungkin ada di kawasan-kawasan kita ada masalah kerana kita tidak tahu semua orang.

Jadi di sinilah saya katakan, kalau ada masalah pegawai-pegawai yang tidak rajin, yang tidak mesra, tolong beritahu kami kerana mereka ini tidak menjalankan tugas mereka seperti arahan kami. Mereka memang patut mesra dan rajin dan bersungguh-sungguh untuk memberi khidmat sebaik-baiknya kepada pelanggan.

Sebagai buktinya, kalaulah 455 orang yang kita cuba tadi dengan Program Dana Nelayan tadi, kalau misalnya pegawai-pegawai kami, khidmat dia orang tidak baik, dia orang tidak rajin dengan nelayan-nelayan tentu tidak dapat mencapai kejayaan ini. Kejayaan ini berlaku dan dicapai kerana pegawai-pegawai kami bersungguh-sungguh untuk menjayakan program ini, tetapi kalau tidak ada, beritahu kami.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Ini berbalik kepada FAMA. Seharusnya kita tadi bincang FAMA tetapi yang lain, dia buat pergi nelayan semula.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tidak apalah itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Soalannya, kita memang mengharapkan supaya kalau boleh FAMA ini dilihat sebagai satu agensi yang banyak peranan dan keperluannya. Di mana pegawai-pegawai FAMA ini harus melihat bahawa mereka bukan sahaja pegawai kerajaan yang bergaji tetapi juga harus prihatin, harus melihat potensi-potensi pemasaran di masa akan datang. Kalau tidak cukup peruntukan, tambah peruntukan. Mungkin pegawai-pegawai ini boleh menjelajah ke negara Eropah, ke negara-negara lain untuk melihat bagaimana untuk *marketing* kita punya produk.

Sebagai contoh, banyak pembazirannya, apabila pegawai-pegawai FAMA tidak berfungsi jadi banyak berlaku lambakan dan akhirnya kalau mereka yang benar-benar terlibat dengan pertanian, dengan produk-produk hasil mereka, mereka putus asa, sebab tempat pemasaran tidak ada.

Kita juga mahu minta FAMA, jangan cepat sangat panggil pihak peladang-peladang ini suruh mereka tanam sana sini dan sebagainya. Pada saya sebelum menyuruh mereka mengeluarkan sesuatu, perlu ada di mana hendak *market* pengeluaran mereka ini. Kalau tidak ada kepastian, jangan dahulu. Ini bukan peranan FAMA untuk suruh orang tanam. Dia punya peranan, *market* barang-barang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Emmmm.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Yang Berhormat, pandangan itulah yang paling penting sekarang, menjadi tumpuan kementerian kami. Bila kita membangun sesuatu

kawasan, kita tidak bangunkan kawasan ini melainkan dengan perancangan *marketingnya*, pemasarannya disediakan dahulu, memang ini *modus operandi* baru kami. Mengenai FAMA ini, saya beritahu di sini, yang kita ada 22 pusat pengumpulan. Dalam bajet baru ini, kita ada cukup peruntukan untuk membina 43 lagi *collection center*, pusat pengumpulan. Saya hendak cerita apa yang akan berlaku di sini. Kita ada enam model projek perintis, kita mula tahun lepas.

Satunya ialah di Gong Kulim. Di Gong Kulim ini, Yang Berhormat daripada Kelantan mungkin tahu. Ini adalah satu contoh di mana kita pergi, kita pujuk dan bincang dengan

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Yang Berhormat, lepas ini saya beri jalan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Shah Alam, duduk.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Kita bincang dengan semua petani di situ dan kita katakan kepada mereka, saudara ikut manual ini tanam mengikut cara-cara ini, keluarkan spesifikasi ini dan kita janji. Kita *guarantee* dia punya *marketing*. Kerana kita *guarantee* ini oleh kerana kita sudah ada *agreement* dengan MAKRO, TESCO dan sebagainya di *hyper market*.

Inilah *modus operandi* kami, di mana kita akan pergi kepada 43 kawasan baru, kita akan pergi ke sana, kita akan bawakan cara-cara tanaman baru dan kita *guarantee* dia punya *marketing*.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya hendak beri contoh di mana ada satu kawasan dengan program ini, FAMA telah membawa perubahan. Misalnya di kawasan Gong Kulim, Gong Kulim ini satu kawasan, kita ada 6 kawasan lain. Ini sebagai contoh sahaja. Dia menanam tembikai wangi, dahulu dengan harga 80 sen, sebelum FAMA, dia punya untung RM3,000, tiap-tiap musim. Sekarang dengan FAMA, 80 sen, sudah jadi RM1.20 sen, dia punya untung sudah naik kepada RM9,000.

Daripada RM3,000 kepada RM9,000 ini, pada petani besar maknanya. Saya tahu banyak yang masih merasa kemusykilan atas keberkesanan FAMA, tetapi kita telah dan akan terus membuat seberapa banyak perubahan, seberapa daya yang kita boleh. Yang Berhormat!

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya balik daripada, dengan izin, *opening remark*, dari segi mukadimah tadi, bahawa *trade imbalance* daripada segi pertanian hampir defisit RM5 bilion. Salah satu faktor utama ialah penghasilan produk kita dan cara macam mana kita buat pasaran. FAMA ini sebagai satu agensi yang terpenting di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri untuk merealisasikan cita-cita ini.

Baru-baru ini kerajaan dalam Bajet 2004 ini mengambil satu langkah drastik untuk mengkorporatkan MATRADE, untuk menjadikan pasaran barangan kita lebih kompetitif di pasaran global. Jadi, ada atau tidak cadangan daripada Yang Berhormat Menteri ini supaya mengkorporatkan FAMA ini supaya hasil dia bukan hanya domestik untuk membantu tetapi dia boleh memainkan peranan untuk pasaran antarabangsa.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan saya sendiri kerana kita belum lagi bincang perkara ini. Jadi, pandangan saya sendiri ialah apa yang baik untuk negara, kita harus menganggap dengan minda yang terbuka. Kalaulah kita dapati yang kita *corporatekan*, FAMA ini akan membawa kesan yang lebih baik, ia akan membawa peningkatan eksport lebih. Saya ingat kita akan mengambil sikap terbuka mengenai perkara ini. Mengenai eksport

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri, boleh sambung petang ini?

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Boleh.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYURAT

Menteri Pertanian [Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), maka saya mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.45 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan ke esok hari.”

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Menteri dijemput menyambung ucapan.

2.31 ptg.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Setakat ini saya telah menjawab beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang telah menyentuh mengenai perubahan dalam sektor pertanian, Yang Berhormat bagi Sri Gading mengenai skim pawah, Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan Rantau Panjang mengenai peranan FAMA dan pemasaran, Yang Berhormat bagi Lipis, Kuala Kedah dan Beluran mengenai sektor perikanan, tentang masalah nelayan, Yang Berhormat bagi Peringat, Padang Terap dan Kapit mengenai belia dalam bidang pertanian dan Yang Berhormat bagi Tuaran mengenai peruntukan bajet Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, saya sekarang ingin menyentuh mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat mengenai masalah tanah terbiar yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Peringat, Sri Gading dan Batang Lupar. Seperti yang saya katakan tadi, satu daripada program yang besar yang dilaksanakan oleh kementerian sekarang ini atau strategi kami yang penting ialah memindahkan teknologi kepada masyarakat pertanian.

Jadi, satu daripada strategi kami ialah membuka tanah-tanah terbiar. Setakat ini kita telah mengenal pasti 12,000 hektar tanah-tanah yang besar yang lebih daripada 10

ekar yang boleh dibangunkan dan kami sedang giat membangunkan 4,000 hektar secara permulaannya. Saya juga ingin memaklumkan di sini yang projek permulaan kami, model projek yang kami telah laksanakan di Bukit Tembok dan Lembah Speri melibatkan 1,000 ekar tanah terbiar. Kami telah berjaya berbincang dengan pemilik-pemilik tanah dan kalau saudara Yang Berhormat-Yang Berhormat pergi ke Lembah Speri dan Bukit Tembok, tanah 1,000 ekar yang dahulunya terbiar sekarang sedang giat dijalankan, dimajukan sebagai industri pertanian dan kita telah dapati semua yang terlibat membangunkan kawasan ini telah mendapat kejayaan yang baik.

Saya membawa beberapa contoh di sini dengan izin Tuan Pengerusi, ada tiga model misalnya Tuan Haji Aziz ini dia ada 1.6 hektar. Dia tanam limau, tanaman ringkas, *cash crop*, dia punya pendapatan sekarang sampai hampir RM4,000 sebulan dan saudara ini nama dia ini Encik Yatni. Dia ada 2.5 hektar dengan menggunakan pertanian moden, pendapatan dia sudah sampai RM7,000 sebulan dan saudara Encik Azahari. Dia ini usahawan pertanian dan kelapa sawit iaitu bahan makanan. Dia punya pendapatan dianggarkan sampai ke RM13,000 sebulan.

Jadi, ini menunjukkan banyak, ini bukan *exceptional* ini ialah *quite representative* daripada ahli-ahli yang terlibat membangunkan tanah terbiar. Ini bermakna banyak saranan-saranan Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk kerajaan memberi perhatian kepada pembangunan tanah terbiar ialah saranan yang telah diambil kira dalam pembangunan kami dan kami berharap.....

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: ..kami harap dengan kita telah mendapat peruntukan sebanyak RM20 juta untuk tahun hadapan. Dengan ini kita dapat membuka lebih banyak lagi tanah-tanah terbiar di negara kita.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri. Sejauh manakah dapat tercapai dalam Program Buku Hijau sejak tahun 1997, semasa itu mata wang kita diserang oleh George Soros dan kita mengadakan kaedah Program Buku Hijau dan bagaimanakah pihak kementerian mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri dalam hal tanah ini terutama tanah-tanah terbiar. Saya harap dapat penerangan tentang kes ini. Sekian, terima kasih.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya gembira menyatakan di sini yang kementerian kami bekerja rapat dengan tiap-tiap kerajaan negeri dan di mana kerajaan negeri telah mengenal pasti di mana tanah-tanah yang telah diperuntukkan khusus untuk pembangunan pengeluaran makanan sahaja dan kita telah menandatangani MoU dengan mereka dan tanah-tanah ini sedang giat dibangunkan...

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Klang.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya juga ingin menjawab soalan mengenai bagaimana kita mencapai pencapaian kita. Saya gembira menyatakan di sini apabila kita membuat perancangan baru pada tahun 2000, matlamat kami ialah mengeluarkan pengeluaran RM81.5 bilion di antara tahun 2000 ke 2005 dan *target* ini telah kita *breakdown* tiap-tiap tahun ada *targetnya* dan setakat ini *target* tahun 2000, 2001, 2002 kementerian telah melebihi *target* yang telah ditetapkan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Pengerusi, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, dalam perbahasan saya, saya telah mencadangkan supaya kementerian Yang Berhormat menubuhkan satu agensi untuk membeli tanah-tanah terbiar itu daripada pemilik tanah itu dan menawarkan tanah itu kepada mereka yang benar-benar berminat menjalankan penanaman di atas ladang itu dan bukan seperti sekarang hanya tanah-tanah itu hanya *di/leasekan* kepada peladang baru. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita dapati misalnya di Bukit Tembok ini kita berbincang dengan hampir 200 orang pemilik tanah. Jadi kita ada pengalaman sedikit di sini. Mereka sebenarnya akan buat dua pilihan, satu mereka sendiri hendak bangunkan tanah ini bersama dengan agensi-agensi kita ataupun mereka tidak mahu dan mereka mahu tanah mereka dibangunkan, dimajukan oleh seorang pengusaha lain. Jadi, setakat ini kita dapati model ini boleh dijayakan tetapi saya ingat susah kita memaksa sesiapa dari segi penggunaan tanah mereka.

Tetapi setakat ini mereka tahu mereka ada pilihan yang tanah mereka boleh dikumpulkan dan dirancang bersama dengan agensi-agensi Kementerian Pertanian untuk dibangunkan. Setakat ini kita belum ada lagi cadangan untuk menubuh agensi khusus untuk ini. Pendapat saya ialah Kementerian Pertanian dengan agensi-agensinya cukup menjalankan peranan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap, Yang Berhormat bagi Tuaran mengenai MARDI dan peranan institusi penyelidikan kita.

Di sini saya sukacita memaklumkan yang MARDI juga sekarang sedang giat dengan Program-program Pemanduan Teknologi (POT) di tiap-tiap kawasan Persatuan Peladang Kawasan dan yang pertama sekali MARDI sekarang sedang merancang, telah membuat satu arahan baru di mana kita mahu MARDI lebih rapat dengan rakyat. Jadi sekarang kita ada Program MARDI Mesra Rakyat di mana tiap-tiap dua minggu MARDI adakan perjumpaan dengan rakyat-rakyat di kawasan stesen mereka dan mereka juga ditugaskan untuk pergi melawat ladang-ladang supaya mereka lebih mengetahui keadaan ladang-ladang ini dan apabila mereka berjumpa dengan rakyat, kerja-kerja penyelidikan mereka lebih relevan kepada keperluan rakyat.

Jadi, ini satu program yang sedang dilaksanakan. Saya harap mendapat sambutan yang baik. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat ingin terlibat dalam program-program ini, kita memang menerima dengan baiknya.

Selain dari itu MARDI sekarang ini telah pun merancang dan telah pun memulakan program *road show* di mana ia pergi ke tiap-tiap kawasan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) atau Persatuan Peladang Kawasan dan di mana mereka membuat penerangan mengenai teknologi-teknologi terbaru untuk meyakinkan dan mendapat minat daripada peladang-peladang.

Satu daripada program yang besar sekarang ialah kita cuba memperkenalkan satu sistem baru, Sistem Fertigasi. Sistem Fertigasi ialah sistem penanaman yang moden yang menggunakan perlindungan, diadaptasi daripada *Glass House Concept*. Dan Sistem Fertigasi, MARDI telah menyediakan satu model yang telah dibuktikan berjaya dan kami sedang berkempen kepada semua PKK untuk meyakinkan mereka yang Sistem Fertigasi ini boleh berjaya dan kalau ia diterima dengan baik, kita yakin kita telah membuktikan yang seorang peladang itu boleh meningkatkan dia punya pengeluaran tiga hingga empat kali ganda daripada sekarang ini dengan menggunakan teknologi baru itu.

Begitu juga bagi nelayan-nelayan. Kita sedang membuat *road show* untuk menunjukkan ada enam teknologi pemprosesan baru yang kita hendak yakinkan dan supaya kita dapat menarik minat PNK untuk menggunakan pakai teknologi-teknologi ini yang mudah dan murah dan kita sediakan kewangan, latihan dan sebagainya. Dan saya harap ini juga akan membawa pembaharuan yang besar di kalangan nelayan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tuaran bangun

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Datuk Menteri. Ini soal teknologi. Memang tidak boleh dinafikan bahawa teknologi ini dapat mempertingkatkan produktiviti dan seterusnya pendapatan petani ataupun nelayan. Dari segi pertanian, jika sekiranya tapak tempat bertani itu sukar untuk memperkenalkan teknologi ini, sebagai contoh, pertanian di tanah tinggi apabila ia curam dan sebagainya. Bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah keadaan seperti ini di mana sukar untuk memperkenalkan

teknologi di mana dia adalah petani tradisi tetapi keadaan tanah yang sukar untuk memperkenalkan teknologi ini.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Yang Berhormat bagi Tuaran, saya akan meminta MARDI yang berdekatan dengan kawasan Yang Berhormat untuk pergi melihat keadaan itu dan mereka akan buat perakuan yang kita akan berbincang. Tetapi keseluruhannya selalunya MARDI ini pergi ke satu kawasan dan ia akan kaji kesesuaian kawasan sebelum dibangunkan dan ia akan membuat perakuan apa yang paling baik. Dan yang lebih penting MARDI sekarang menjalankan peranan di mana kita memastikan yang petani-petani menggunakan benih-benih yang diperakukan. Ini masalah yang besar kerana masa dahulu petani-petani menanam dengan menggunakan benih-benih yang tidak diperakukan. Jadi ini ialah satu tugas MARDI yang mereka sedang jalankan sekarang. Tetapi kita boleh melihat keadaan tanah yang berdekatan di kawasan Yang Berhormat untuk kita buat penyelidikan yang spesifik.

Saya tahu juga Yang Berhormat bagi Tuaran telah menimbulkan masalah mengenai pusat penyelidikan ini tiada peruntukan dan sebagainya dan ini bukanlah untuk semua. Memang kita tidak dapat peruntukan untuk semua kawasan tetapi di mana yang kita dapat peruntukan, kita akan laksanakan sebaiknya dan jika kawasan Tuaran ini benar-benar ada sesuatu yang *urgent* dan penting, kita akan cari jalan untuk mendapatkan peruntukan untuk stesen tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga menceritakan hal tadi, kita dengar Yang Berhormat bagi Rantau Panjang mengenai benih padi. Saya juga ingin menerangkan di sini MARDI telah menjalankan peranan yang begitu penting sekali dari segi tiap-tiap 2-3 tahun ia mengenalkan benih-benih baru. Ini adalah penting untuk industri padi kerana sesuatu benih itu bila sampai 3-4 tahun, ia sudah tidak *resistant* lagi. Jadi, tiap-tiap satu benih itu bila dikeluarkan, ia mengambil masa hampir sepuluh tahun untuk penyelidikan. Jadi, kita di sini harus merakamkan kebolehan pakar-pakar saintis MARDI yang tiap-tiap tiga tahun, empat tahun mengeluarkan jenis benih padi baru.

Dua tiga tahun dahulu kita mengeluarkan MR219 dan hujung minggu ini saya akan mengisytiharkan yang MR220 akan diperkenalkan kepada pihak-pihak petani. Jadi di sini, satu daripada program yang telah menunjukkan kejayaan yang menggalakkan ialah kita dapati peladang-peladang, pesawah-pesawah padi di Australia dapat 10 tan hektar. Jadi kita berbincang dengan pesawah-pesawah padi kita, kita kata kalau orang Australia boleh 10 tan, mengapa kita tidak boleh 10 tan.

Kemudian kita hantar pegawai-pegawai kita ke Australia, dekat Sydney dan mereka telah balik membuat kajian dan telah mengemukakan kepada petani-petani kita cara-cara baru untuk mendapatkan 10 tan. Dan kita dapati sekarang ini hampir 5,000 petani model, contoh permulaan *pilot project* kita telah menjayakan projek ini. Separuh sudah dapat 7 tan, 8, 9,10,11 tan pun sudah ada.

Jadi ini menunjukkan yang pesawah-pesawah padi kita ini ada kemahuan, ada kesungguhan untuk menerima cara-cara baru dan saya harap ini akan menyenangkan Yang Berhormat yang bertanya hal perubahan minda.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Batang Lupar dan Pasir Mas bangun.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian. Saya tertarik dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tentang spesies padi ataupun padi-padi yang *diupgrade* dari semasa ke semasa. Saya yang tinggal di kawasan pertanian, saya kira ini dialu-alukan oleh peladang-peladang kita. Tinggal lagi apa yang saya lihat entah di mana berlaku sama ada pengilang ataupun sesiapa, saya tengok beras-beras yang dibawa masuk dari Thailand lebih baik dari beras yang dikeluarkan oleh mesin-mesin Malaysia sendiri. Saya tanya khabar sebab apa yang menjadi demikian? Dengar katanya pandangan umum mengatakan bahawa mesin di sana lebih baik daripada mesin di Malaysia, apakah keadaan ini berlaku dan berpanjangan dan beras-beras yang dikeluarkan oleh mesin-mesin Malaysia ini merah. Orang kata air

merah di Kelantan tetapi beras yang dikeluarkan oleh mesin-mesin ini merah tetapi beras yang keluar dari Thailand hebat, yang diimport masuk ke Kelantan, biji berasnya panjang dan tidak mudah luntur, itu satu.

Yang keduanya pula, beras kita ini sebenarnya tidak tahan lama. *[Disampuk oleh seorang ahli]* Duduk diam ya, senyap sedikit *[Ketawa]* ini pandangan baik, saya bukan kritik kerajaan, tidak. Beras yang dikeluarkan oleh Thailand ini tahan lama, barangkali oleh kerana *term*, masa beras masak di tangkai itu cukup matang tetapi beras di Malaysia ini tidak cukup matang. Baru hendak masak, dimesin. Saya tengok di bendang saya sendiri di Pasir Mas, bendangnya luas. Jadi tidak sempat lagi padi ini betul-betul masak, tetapi sudah dimasukkan dalam mesin dan ia menjadikan beras itu tidak tahan tiga atau empat bulan, beras itu rosak dan dimasuki oleh ulat-ulat yang memakan beras. Kadang-kadang kita juga makan ulat yang ada di dalam beras dan beras terlalu rendah kualitinya yang menyebabkan penyeludup dari Thailand ini banyak membawa masuk beras secara seludup dan saya mendapat maklum juga bahawa katanya orang-orang kampung makan beras merah tetapi orang-orang besar di Kuala Lumpur ini makan beras Thailand yang sedap-sedap. Betul tidak pandangan itu? Sekian, terima kasih.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya tidak tahu itu betul atau tidak. Apa yang saya tahu ialah orang Kelantan ini kebanyakannya, sebab kita ada data-data, berapa banyak saya sudah lupa *figure*, berapa banyak yang dikeluarkan beras daripada Kelantan, kita dapati semua beras ini dikeluarkan daripada sempadan Kelantan. Maknanya orang Kelantan makan beras lain. Jadi saya ingat, masa saya sekolah dahulu, ramai budak-budak asrama dari Kelantan, tiap-tiap tahun di Malay College Kuala Kangsar, sekolah yang paling pandai, tiap-tiap tahun orang yang paling pandai daripada Kelantan. Saya ingat mereka pandai fasal makan nasi seludup. *[Ketawa]*

Tetapi sebenarnya mengenai kualiti itu, Yang Berhormat memang betul ada pandangan kononnya beras kita ini kurang baik daripada beras Thailand. Sebenarnya ini *perception* yang tidak benar kerana kalau kita bandingkan *super grade* dia dengan *super grade* kita semua sama tetapi memang Yang Berhormat betul, memang kita ada masalah. Bila kita menuai, keadaan penuaian tidak sama, mereka lebih baik. Sebenarnya beras yang mereka jual kepada kilang-kilang ialah padi yang sudah kering, yang sudah bersih betul-betul. Tetapi kita di KADA dan MADA, kita belum sampai ke peringkat itu. Itu yang masalah kita dengar tiap-tiap tahun, masalah pemotongan ini kerana padi yang dijual kepada kilang-kilang, padi itu basah, *moisture content* dia tinggi, kotor, masih hijau dan sebagainya tetapi saya beritahu Yang Berhormat perkara ini sedang kita kaji dan kita harap dapat membuat pembaikan dan perubahan tidak lama lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selamat petang Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri. Hebat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa hebat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Warm up!*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu? Tegur apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih dan tahniah Yang Berhormat Datuk Menteri. Contoh dari pagi dia tunggu sampai petang menjawab tidak putus-putus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, soalan Yang Berhormat. Jimatkan masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jimatkan masa? Saya harap menteri lain pun akan ikut jejak langkah ini. Dari semalam parti pembangkang tidak putus-putus, tidak jemu-jemu memuji Thailand. Asalkan dari Siam baik...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Halalkah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pelik saya, apa sahaja dari Thailand baik. Mentang-mentanglah Kelantan dekat dengan Thailand [*Ketawa*] dia puji beraslah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri ada benda yang baik hendak kemukakan, tidak payah buang masa dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, ini saya hendak berkongsi dengan Menteri ini. Hendak beritahu puak-puak pembangkang ini bukan semua dari Thailand itu baik, bukan semua, tidak tahulah Yang Berhormat bagi Pokok Sena lebih rapat dengan Thailand, dia tidak tahu apa benda yang baik di Thailand, dia lebih tahu. [*Ketawa*] Tembakau, lembu, durian, beras semua baik. Eh, yang saya tahu MARDI kita pun hebat, banyak bahan makanan, pengeluaran buah-buahan yang baik-baik yang dihasilkan oleh MARDI. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dan saya sokong R&D MARDI kita ini harus ditambah lagi peruntukan untuk mengeluarkan benda-benda yang lebih baik [*Disampuk*] semua yang baik-baik ya, [*Ketawa*] jangan asyik asalkan Thailand sahaja baik, semua baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sahaja Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi R&D MARDI ini kalau boleh tahun hadapan peruntukannya ditambah untuk menentukan pegawai-pegawai kita pun mampu, Malaysia boleh, MARDI pun boleh bagi menandingi pengeluaran bahan-bahan makanan yang didewa-dewakan oleh parti pembangkang yang berkiblat kepada Thailand ini. Saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga berpendapat yang MARDI ini tidak kurang hebatnya, dengan cara tersendiri ia memang terkenal di peringkat antarabangsa, *it is a world class research institute* dengan izin. Tuan Pengerusi, saya hendak ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan Pasir Mas.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Pokok Senalah, Pasir Mas fasal apa? Sama lagikah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Mas dan Pokok Sena.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Ya, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang benih-benih baru yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, walaupun disebut kononnya kami mendewa-dewakan Thailand dan sebagainya, tetapi yang kami faham pernah saya sebut di Dewan ini lebih kurang setahun yang dahulu, kebanyakan beras yang dipindah keluar dari Kelantan itu melebihi kisaran yang berlaku di Kelantan tetapi dipindah beras seludup itu melebihi dari kisaran dipindah keluar, maknanya orang luar yang banyak makan [*Ketawa*] patutlah Sri Gading pipi dia gemuk lebih [*Ketawa*] muka pun tembam elok, macam apam. [*Ketawa*]

Baik Datuk, saya hendak tanya tentang benih, saya memang bersetuju bahawa MARDI berkeupayaan untuk membuat kajian kaji selidik tentang penemuan-penemuan benih-benih baru tetapi persoalan yang di sini yang kita lambat untuk mencapai target seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi sepuluh tan kerana petani-petani kita kurang kemahiran dari sudut teknologi penanaman sebab kita hanya menemukan benih baru tetapi kita tidak mengajar petani kita dengan penemuan teknologi baru untuk menanam padi dan sebagainya. Inilah juga yang dikeluh-kesahkan oleh Menteri Perusahaan Utama apabila pekebun kecil gagal untuk mengeluarkan dan menyumbang minyak kelapa sawit ini lima tan seperti mana yang dihasilkan oleh sistem perladangan sebanyak lima tan sedangkan pekebun kecil hanya tiga tan sebab dia kata agensi RISDA dan FELDA tidak buat kerja, tidak bantu pekebun kecil.

Begitu juga dalam soal padi ini kerana petani kita lemah dari sudut *knowledge*, dari segi pengetahuan, petani kita tua-tua dan sebagainya, ini yang saya kira bahawa tunjuk ajar daripada pegawai pertanian, pegawai MADA ini dan sebagainya agak berkurangan dan Lembaga Pertubuhan Peladang ini pun banyak berfungsi dari sudut memberikan untuk mendidik para petani menyebabkan ia hanya menjadi persatuan yang tidak berfungsi secara yang lebih efisien dalam usaha untuk mempertingkatkan soal ini.

Dan perkara kedua yang saya minta penjelasan adalah tentang masalah petani juga, di mana mereka menghadapi masalah sistem pengairan, umpamanya, yang saya selalu sebut, apabila pembangunan yang dibuat secara tidak terancang langsung tidak mengambil kira soal kepentingan masa hadapan petani. Saya tunjuk contoh, sekarang ini banjir di negeri Kedah, laluan daripada lebuh raya Alor Setar ke Gurun, jalan itu ditutup. Di kiri kanannya adalah kawasan bendang, kawasan yang baru ditabur dengan benih padi.

Maknanya, mereka akan mengalami kerugian sebab bila air sudah naik melimpah, ia akan menghanyutkan benih yang baru ditabur. Ini disebabkan kerana larian air yang mana air tidak dapat mengalir keluar akibat pembangunan yang dibuat. Bukan kita tidak setuju, kita setuju untuk membuat lebuh raya dan sebagainya, tetapi tidak dibuat dengan perancangan yang teliti untuk memberikan kebaikan dan keselesaan kepada semua pihak. Saya minta penjelasan, di manakah Kementerian Pertanian melihat persoalan infrastruktur secara keseluruhannya di samping soal teknologi, penanaman dan sebagainya untuk memberikan pendidikan kepada para petani.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Menjalankan program 10 tan misalnya, kita bermula dengan 5,000 orang, kalau Yang Berhormat cuba gambarkan 5,000 orang itu ramai dan ini memerlukan perhatian yang khusus, tetapi saya ingat dengan kejayaan yang kita telah capai, ini bermakna ada perhubungan yang baik, kita ada kejayaan dari segi melatih pesawah-pesawah ini. Dan juga saya kira selalunya pesawah-pesawah ini, dia hendak tengok dahulu sama ada yang 5,000 orang ini berjaya ataupun tidak. Sekarang apabila 5,000 orang ini telah nyata berjaya, saya kira bilangan ini akan bertambah dengan cepat – dia ada momentum nanti, dan saya ambil perhatian. Ini bermakna bahawa pegawai-pegawai kita kena bekerja dengan lebih keras lagi dan kita mesti mempertingkatkan program latihan kita, program pemindahan teknologi dan sebagainya.

Untuk mencapai penghasilan 10 tan seekar ini bukan sahaja berkaitan dengan teknologi – ia merupakan satu aspek sahaja, tetapi ada banyak lagi, *agronomic practices* yang terlibat. Apa Yang Berhormat kata tadi memang betul – cara dia, disiplin dia, dia mesti mengikut masa dan sebagainya, dan yang terpenting sekali ialah pengurusan saluran air. Di sini saya boleh beri tahu yang banyak lagi kawasan walaupun dalam jelapang padi, misalnya KADA dan MADA, dia punya saluran air tidak mencukupi untuk mencapai tahap penghasilan sampai 10 tan.

Ini yang kami sedang kaji dan kerajaan sedang membuat cadangan bagaimana untuk mempertingkatkan fasa demi fasa kawasan-kawasan ini supaya saluran air mereka lebih baik. Misalnya, saluran air di MADA, dia punya *intensity* hanya 11 meter satu hektar tetapi di jelapang-jelapang padi yang lebih moden, *intensity*nya boleh mencapai 40 meter satu hektar. Ini yang kita perlu perbaiki. Kita sedang memberi perhatian mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batang Lupar bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita mengalu-alukan program-program kementerian, pelaksanaan rancangan-rancangan kementerian. Saya cukup yakin bahawa kementerian akan berjaya membawa industri pertanian ini menghala ke satu langkah ataupun ke satu era yang lebih cemerlang pada masa yang akan datang. Tetapi dalam masa yang sama, kerajaan juga, kementerian juga memberi banyak subsidi kepada pihak-pihak tertentu seperti sektor padi dan sebagainya.

Persoalan saya, Tuan Pengerusi, ialah oleh sebab kita ada bagi subsidi, barang-barang yang digunakan oleh petani seperti baja, racun untuk menebang, menebas dan sebagainya, masih tidak diletakkan di bawah kawalan kerajaan menyebabkan harganya masih boleh naik sebegitu rupa. Jadi, persoalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk

memasukkan bahan-bahan seperti racun, baja di bawah 'control item' supaya harganya tidak boleh meningkat? Kalau kerajaan bagi subsidi di sebelah sini tetapi orang jual baja, jual racun di sebelah sana, harga boleh naik tinggi.

Jadi, orang di peringkat bawah – petani dan sebagainya, tidak mendapat keuntungan daripada subsidi itu. Subsidi itu sebenarnya akan balik kepada pengeluar baja dan racun. Kalau racun dan baja ini boleh dimasukkan di bawah 'control item', berkemungkinan duit daripada Kementerian itu akan mengalir kepada penanam-penanam padi dan sebagainya. Bahan-bahan ini, termasuk juga mesin dan sebagainya, yang digunakan oleh petani-petani dan juga diberi *tax-free* dan sebagainya – tidak ada cukai bahkan diberi subsidi supaya golongan petani ini dapat menjadi kompetitif. Macam mana pandangan Kementerian? Terima kasih.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya ingat saya telah mendengar banyak cadangan mengenai perlunya kita mengkaji cadangan mengenakan kawalan kepada barang-barang *input* – baja, racun dan sebagainya, untuk pertanian dan perkara ini akan kita kaji. Kalau kita dapat sesuai, kita akan cuba kemukakan kepada kerajaan untuk membuat keputusan dasar.

Tuan Pengerusi, saya hendak sambung mengenai beras tadi. Saya mengambil perhatian persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang yang mengatakan benih padi diedar tidak mengikut kawasan. Saya akan selidik perkara ini, dan kalau betul kita akan perbaiki. Tetapi saya juga hendak bangkitkan di sini mengenai BERNAS yang telah banyak disentuh, khususnya oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Jadi, saya harus memberikan beberapa penerangan.

Yang pertama sekali, BERNAS ini, kita telah jelas melihat sekarang, bahawa pengkorporatan atau *privatization* BERNAS ini ialah satu kejayaan sebenarnya bagi negara kita. Kalau kita lihat, bila ia *diprivatized* kita telah menjimatkan belanja – dahulunya kita belanja RM1.26 bilion untuk pengurusan BERNAS sahaja tetapi sekarang ini semua ini diambil alih oleh pihak swasta syarikat ini. Selain dari itu, kerana BERNAS telah menjadikan syarikat, syarikat ini yang mendapat keuntungan. Saya telah melihat, mengkaji yang mereka telah membayar cukai sebanyak RM230 juta setahun. Jadi, bukan sahaja kerajaan telah berjimat dari segi RM1.2 bilion yang harus dibelanjakan kalau BERNAS tidak *diprivatized*, kita telah mendapat cukai daripada keuntungan mereka sebanyak RM230 juta.

Saya juga telah mengkaji perkara-perkara yang ditimbulkan tadi, pertama sekali saya juga harus memaklumkan kalau ada salah sangka di sini kepada pihak pembeli BERNAS, iaitu Budaya Generasi, kalau kita melihat keadaan sebenarnya, mereka telah membeli saham BERNAS berjumlah RM200 juta. Itu kos mereka. Apabila mereka menjual, sebenarnya mereka telah menjual dengan harga RM100 juta. Sebenarnya mereka mengalami kerugian dan ini juga adalah kerugian yang saya telah umumkan sebanyak RM27 juta kerana masalah penyeludupan dan yang telah memaksa kita menjalankan program VSS kita.

Saya juga ingin membetulkan di sini bahawa AP ini tidak pernah dikeluarkan kepada sesiapa pun, Yang Berhormat Pokok Sena. AP ini hanya diberi kepada BERNAS sahaja, dan BERNAS setakat ini tidak pernah memberi kepada anak-anak syarikat mereka tetapi kalau ada tuduhan, perkara ini sedang diselidiki sekarang ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan Yang Berhormat, berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa syarikat pegangan Budaya Generasi telah menjual pegangannya dalam BERNAS, cuma saya hendak tahu siapakah yang mengambil alih pegangan membeli daripada syarikat Budaya Generasi itu sendiri?

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Yang Berhormat, minta maaf, saya sendiri pun tidak tahu. Saya akan dapatkan maklumat ini dan akan beri tahu kepada Yang Berhormat. *It's a commercial transaction* sebenarnya. Tetapi saya belum pasti siapa yang mengambil alih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya rasa minat wakil-wakil rakyat daripada semua pihak berkaitan dengan BERNAS, perjalanannya dan pengendalian saham-sahamnya adalah suatu minat yang mewakili jutaan rakyat dalam negara ini selain daripada prinsipnya sebuah syarikat yang mengendalikan suatu monopoli yang melibatkan makanan wajib, boleh dikatakan, seluruh rakyat Malaysia sudah tentu perlu diberi penjelasan yang setelus-telusnya kepada masyarakat dan negara melalui Parlimen ini.

Saya juga rasa pihak kementerian harus selepas ini mengambil tindakan untuk mendedahkan sepenuhnya berkaitan dengan BERNAS ini seperti misalnya apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa pemegang saham ini menjualnya dengan rugi. Ini sebagaimana Yang Berhormat yang ada pengalaman korporat maklum, tidak semestinya bererti bahawa pemegang saham berkenaan rugi kerana dalam masa tiga, empat tahun ini mereka mengaut keuntungan yang begitu besar. Jadi, dividen yang diperolehi dan sebagainya mungkin bererti keuntungan sudah pun diperolehi dan atas sebab-sebab lain saham itu hendak dipindahkan kepada pihak yang Yang Berhormat sendiri mengaku tidak kenal dan tidak tahu.

Jadi, saya ingin memohon jasa baik Yang Berhormat supaya menganggap bahawa isu BERNAS termasuklah kononnya kerugiannya, penyeludupan dan sebagainya ini diberikan penjelasan yang lebih telus kepada kami di Dewan ini. Terima kasih.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya suka menjamin Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini yang kita memang setelus-telusnya mengenai semua jawapan kita. Tidak ada apa yang kita hendak sembunyikan mengenai BERNAS ini. Tiap-tiap soalan yang Yang Berhormat kemukakan, saya minta fakta-fakta yang bertulis.

Jadi, saya kira mereka telah memberi saya *facts* dan *facts* ini boleh dibuktikan. Saya juga diberitahu mengenai apa Yang Berhormat bagi Pokok Sena mengatakan sebenarnya mereka mempunyai keuntungan subsidiari mereka yang besar. Jadi saya telah meminta penjelasan dan di sini kita dapati ada satu pengauditan yang telah dijalankan. *This is an audited statement* yang mengatakan bahawa keuntungan mereka hanyalah RM59 juta. *It is an audited statement*. Seperti Yang Berhormat tahu *auditing* sekarang ini ialah oleh pihak-pihak yang bebas. Jadi, saya tidak ada sebab *to doubt* angka-angka ini.

Saya juga ingin menjelaskan di sini yang sebenarnya banyak yang belum diterangkan apakah sebabnya BERNAS ini diwastakan. Bukan sahaja ia menjimatkan perbelanjaan kerajaan seperti yang saya katakan tadi, RM1.2 bilion tetapi juga BERNAS telah mengambil alih fungsi-fungsi sosial Lembaga Padi dan Beras Negara dahulu. Misalnya menjaga *minimum stockpile* dan menjadi pembeli *of last resort*. Setakat ini selama semenjak lima, enam tahun dahulu walaupun kita punya *guaranteed minimum price* ialah RM550 satu tan, kalau orang lain tidak hendak beli, di bawah perjanjian, BERNAS mesti beli. Kalau harga RM400 pun dia mesti beli.

Setakat ini mengikut rekod yang telah diberi kepada saya, BERNAS sebenarnya telah membeli padi daripada pesawah-pesawah kita lebih daripada harga GMP, lebih daripada RM550 sampai ke RM650 dan sebagainya. Jadi, kos untuk menyimpan *national stockpile*, *guaranteed minimum price* ini adalah kos mereka. Kosnya ialah hampir RM107 juta pada tahun lepas.

Inilah kira-kira yang telah kita dapat dan inilah yang saya ingin terangkan di sini supaya semua tahu yang pada pandangan saya BERNAS telah menjalankan peranan yang penting. Kalau tidak ada BERNAS, kita tidak tahu kalau pesawah-pesawah kita dapat harga yang kita *guarantee* ini.

Yang Berhormat, saya juga ingin menyambung mengenai pemindahan teknologi oleh MARDI tadi. Sekarang ini, selain daripada MARDI....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih. Sebelum Yang Berhormat Datuk pergi jauh, ini pasal BERNAS tadi. Kita tidak mempersoalkan tentang kewujudan penswastaan yang telah dibuat untuk BERNAS daripada LPN kepada BERNAS tetapi yang

kita persoalkan di sini pertama sekali ialah monopoli BERNAS dalam membawa beras import atau beras-beras dari luar ke dalam negara kita yang menyebabkan ramai pengilang tempatan juga menghadapi tekanan akibat daripada mainan BERNAS yang pernah saya sebut di sini apabila BERNAS cuba tembak harga yang menyebabkan tidak mampu bagi pengilang-pengilang kecil atau pemborong bumiputera untuk bersaing dengan BERNAS. Ini yang kita persoalkan.

Yang keduanya ialah tentang keraguan-keraguan yang timbul daripada beberapa *statement* yang dibuat kononnya BERNAS rugi umpamanya, akibat daripada beras seludup dan menyebabkan keuntungan BERNAS itu telah menurun. Tetapi untuk tahun 2002, dia kata bila keuntungan dia menurun tetapi mesyuarat agung meluluskan untuk bayaran kepada Lembaga Pengarah sebanyak RM4 juta dan RM21 juta kepada *shareholder* atas dividen sebanyak 10%. Kalau rugi, macam mana kita katakan *shareholder* boleh dapat sampai 10% dividen, RM21 juta dan juga Lembaga Pengarah diberikan agihan sedangkan pekerja-pekerja juga hendak, pegawai-pegawai juga hendak, sedangkan pegawai-pegawai menghadapi masalah dengan tawaran VSS dan sebagainya yang menimbulkan keluhan-keluh di kalangan mereka.

Ini yang dipersoalkan. Maksudnya saya kira bahawa jawapan ini tidak memberikan penjelasan yang cukup meyakinkan bahawa apakah benar BERNAS itu rugi, sedangkan hari-hari orang makan nasi. Rakyat Malaysia ini hari-hari makan nasi dan sebahagian besarnya ialah nasi daripada beras yang *disupply* oleh BERNAS. Tiba-tiba rugi. Mungkin kerana Setiausaha Parlimen kurang makan nasi sebab itu dia kurus. *[Ketawa]*

Itu satu soalan lain kerana dia kurang makan kerana dia hendak diet tetapi orang *argue*, hari-hari orang makan nasi di Malaysia ini, tidak ada orang makan tosei. Tosei itu orang makan sedikit-sedikit sahaja. Tetapi hari-hari orang makan nasi, macam mana BERNAS boleh rugi? Ini yang dipersoalkan.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Terima kasih. Seperti yang saya katakan tadi, penswastaan ini mesti untung kepada kedua-dua pihak, untung kepada kerajaan dan untung kepada pihak swasta. Jadi, kerajaan kata okay, syarikat boleh mengambil alih tetapi ada syarat-syaratnya. Syarat-syaratnya ialah tanggungjawab sosial menjaga stok nasional, menjaga *guaranteed minimum price*, ini *social cause*. Dan sebagai membalas syarikat ini mengambil *social cause* inilah kita beri dia monopoli untuk mengimport beras sehingga 2010.

Kalau mereka ada beri pengarah-pengarah mereka *fee* dan sebagainya, ini ialah kerana usaha mereka. Kalau mereka berjaya dalam pengurusan mereka, memang mereka layak menerima ini. Syarikat-syarikat biasa memang buat macam ini. Tetapi memang kita tahu mereka pada tahun lepas ada keuntungan, *last financial result* ialah RM59 juta sebab itu mereka ada bonus untuk *director* dan sebagainya. Yang saya katakan RM27 juta yang rugi itu ialah *the first quarter* tahun 2003, *the last quarter* dengan *the third quarter* tahun 2002.

Saya juga ingin menerangkan di sini dari segi betapa pentingnya peranan BERNAS. Kalau BERNAS tidak ada, saya dengan pegawai-pegawai saya cukup punya susah tiap-tiap tahun, bagaimana kita boleh *guarantee price* yang RM550 ini. Kadang-kadang dalam keadaan yang susah. Tetapi saya tengok rekod BERNAS di sini, tahun 1998, harga minimum *guarantee* kita ialah RM550, dia bagi pesawah kita RM623; pada tahun 1999, dia bagi pesawah kita RM691 berbanding dengan RM550; tahun 2000 – RM643; tahun 2001 – RM606; pada tahun 2002, walaupun dalam keadaan yang paling susah, dia masih bayar RM598, masih *above the guaranteed minimum price*. Ini patut kita hargai peranan BERNAS.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung mengenai MARDI tadi dan selain daripada itu kita...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bolehkan kita benarkan Menteri habiskan...

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya ingin meneruskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Biar dia habiskan dahululah.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Yang Berhormat, saya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Selepas inilah, saya hendak habiskan ini dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Jadi, saya hendak juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini isu penting, isu besar!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua isu penting!

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya juga ingin menekankan di sini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Saya juga ingin menekankan di sini saya hendak menyambung mengenai yang lebih penting ialah pemindahan teknologi kepada pesawah-pesawah kita. Ini yang penting sekali. Yang lain seperti yang saya sudah beritahu tadi kita juga untk nelayan-nelayan kepada Yang Berhormat yang telah menimbulkan mengenai nelayan tadi. Kita ada memperkenalkan peralatan-peralatan baru kepada mereka misalnya *echo-sounder*, sona, unjam dan peti sejuk dan bot-bot kecil dan sebagainya.

Sementara saya di sini mengenai teknologi juga. Saya juga ingin menjawab, memberi penerangan kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Gelang Patah dan Yang Berhormat bagi Bagan mengenai industri penternakan babi. Kerana kita ketahui selepas masalah wabak JE , kita mesti memodenkan dan juga mentransformasikan industri penternakan babi.

Pertama sekali saya ingin membetulkan kalau ada salah anggap yang kita tidak mahu menggalakkan industri ini. Sebenarnya saya telah bertungkus-lumus dengan Jabatan Haiwan untuk mencari jalan bagaimana kita membangunkan semula industri ini. Sebabnya Yang Berhormat bagi Kota Melaka ialah kalau industri ini tidak dibangunkan semula negara akan kena mengimport mungkin RM2 hingga RM3 bilion setahun makanan dari babi. Jadi, sementara saya tengah sibuk hendak membetulkan kita punya *balance of trade*, sudah tentu ini akan merosakkan *balance of trade plan* kita. Jadi kita memang mahu membangunkan semula industri penternakan babi ini tetapi kita mahu membangunkan semula dengan cara yang teratur, moden dan selamat.

Jadi, dengan itu Kabinet telah meluluskan *pig farming area* atau PFA di mana kita akan membangunkan semula industri penternakan babi tetapi dengan cara yang lebih teratur, saintifik dan moden dan kita telah memberikan penerangan kepada semua yang terlibat dan kita berikan mereka.... yang *discharge* lebih daripada 50 BOD ini kita berikan dia notis daripada tahun lepas hingga tahun ini, dua tahun untuk membetulkan.

Kepada mereka yang DOD mereka kurang daripada 50, kita berikan mereka notis sampai tahun 2006, 2007. Kita memberikan mereka cukup masa untuk memenuhi satu lagi syarat. Syaratnya ialah untuk ladang yang terbuka dia mesti ada *buffer zone*, 500 meter. Kalau ladang itu tertutup dia mesti *buffer zone* 300 meter. Kita berikan dia sampai 5 hingga 6 tahun untuk membina PFA baru. Kita telah berbincang dengan kerajaan negeri untuk memberikan kerjasama dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka, memang betul dari segi mengapa lambat di Bukit Pelanduk ini. Ini kerana ia melibatkan banyak *party* tetapi sekarang ini setiap hari diperbincangkan. Ada Yang Berhormat Exco Dato' Yau, Negeri Sembilan yang mengetuai pasukan petugas ini dengan bantuan Jabatan haiwan.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya maklumkan di sini bahawa empat pihak yang terlibat. Pihak kami terlibat ialah dari segi undang-undang dan peraturan. Ini pun kami telah memudahkan PFA ini kita kata dia tidak dapat memenuhi 500 meter, 300 meter, kita telah bertolak ansur dan membenarkan mereka 70 meter tetapi dengan syarat mereka membuat pagar konkrit dan sebagainya dan mereka telah bersetuju. Ini dari segi kementerian kami.

Dari segi kerajaan negeri, kerajaan negeri telah membenarkan penggunaan tanah tersebut. Masalah sekarang ialah masalah kontraktor dengan pembeli. Dia orang sudah membeli lot ini dan kontraktor pula kontraktor sudah lama, jadi ini masalah yang kita tidak ada kuasa tetapi walaupun demikian, kita sedang memberikan sokongan sepenuhnya kepada Dato' Yau dan jawatankuasa beliau supaya kita dapat mempercepatkan pembangunan di Bukit Pelanduk ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau betul kerajaan setiap hari mengkaji, 4 tahun tiap-tiap hari kaji. Bila janji boleh dikotakan. Saya tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan secara am itu. Oleh kerana kalau PFA yang telah dibina sejak tahun 1995, memang kerajaan sebelum membenarkan projek itu sudah ada *guideline* yang telah ditetapkan. Kalau tukar, sekarang pula mengatakan *buffer zone* 500 meter itu habislah. Seperti orang hendak mendapatkan CF, dahulu kata macam ini, sekarang ubah tidak siapa akan dapat CF tetapi ini memang suatu projek yang ditetapkan oleh kerajaan dan saya rasa kerajaan tidak ada apa-apa lagi alasan untuk melewatkan pembukaan PFA di Jinmah.

Berkenaan dengan ladang tradisi di mana kerajaan telah mengatakan *buffer zone* 300 meter atau 500 meter, beritahulah kepada saya, sediakah kerajaan memberikan tanah yang begitu luas kepada penternak khinzir ini. Mereka hendak ubah tetapi tanah tidak cukup, kerajaan enggan memberikan tanah, macam mana mereka boleh menepati garis panduan ini. Inilah masalahnya. Jadi kita jangan kata hendak kaji, *I am sorry to say this, you will never lost a job*. Tetapi orang yang di Bukit Pelanduk sudah berapa lama menganggur, industri semua runtuh. Orang yang hendak melabur dalam Jinmah PFA, masih membayar faedah pinjaman sejak tahun 1995 sampai ke hari ini. *So what is your answer?* Terima kasih.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Yang Berhormat inilah sebabnya kita mengenakan syarat-syarat yang baru ini. Mereka dalam keadaan sekarang kerana cara mereka menjalankan penternakan babi secara lama, kita tahu berbahaya. Berbahaya ini bukan sahaja untuk industri, kita telah kehilangan nyawa lebih kurang 100 orang. Sebab itulah kita dalam membangunkan industri ini kita hendak membangunkan secara lebih selamat. Seperti yang saya katakan tadi, memang kita hendak membangunkan tetapi kerana syarat-syarat ini ialah syarat selepas JE, ini masalahnya. Bukan kita yang menimbulkan masalah. Masalah ini timbul kerana JE itu...

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Datuk Dr. Mohd. Effendi Norwawi: Biar saya jawab. Perkara ini perkara luar biasa. Jadi, bila masalah ini timbul kita terpaksa mengkaji semula. Kalau kita hendak membangunkan, apakah syarat-syarat baru yang kita mesti kenakan. Ini bukan kita mimpikan syarat-syarat ini, syarat-syarat ini mengikut *international code of practice* dan sebagainya. Jadi, ini ialah *international accepted standard* dan syarat-syarat ini adalah untuk menjaga kepentingan orang yang terlibat dalam industri ini. Bukan hanya menjaga kepentingan pelaburan mereka tetapi nyawa mereka. Jadi kita tidak mahu mereka kompromi hal ini.

Jadi, yang di Bukit Pelanduk itu pun kita sudah kompromi, kita berikan mereka syarat 70 meter tetapi itu pun dengan kita memberitahu dia, ada risiko dan kita cuba membuat *recommendation* yang lain-lain supaya mengurangkan *to mitigate the risk* ini. Kita sudah mencuba sedaya upaya tetapi saya hendak memberitahu Yang Berhormat, Bukit Pelanduk ini bukan masalah kami.

Masalah kami ialah kita memberi nasihat bagaimana hendak buat, tidak boleh 300 meter, ok! 70 meter. Mereka kata boleh buat tetapi sekarang ini masalahnya ialah masalah dia dengan kontraktor, mereka telah membeli, kita tidak boleh membantunya. Yang Berhormat Kota Melaka kata tadi.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Nanti sekejap. Kita punya syarat yang 300 meter, 500 meter mana orang boleh memenuhi syarat ini, mana tanah. Ini ialah satu industri, macam industri lain. Ini ialah satu usaha swasta. Kita sudah ada, bila kita berbincang dengan Menteri-menteri Besar, ramai Menteri-menteri Besar mengatakan dan kalau ada cadangan yang *viable* dia akan benarkan, tanah ialah di bawah kawasan kerajaan negeri.

Setakat ini saya tidak ada bantahan daripada mana-mana Menteri Besar. Saya bawa ke mesyuarat bersama Menteri Besar, dia orang setuju. Bila kita bantangan ini dan kita meminta kerjasama dan tidak ada bantahan daripada mereka.

Jadi, Yang Berhormat kita telah... *we have done everything yang possible*. Saya ingat saya hendak benarkan di sini, jangan Yang Berhormat salah sangka yang kita ini sengaja hendak melambatkan atau kita hendak menjejaskan industri ini. Ini tidak benar.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat Datuk Menteri, lebih kurang 120 orang membeli tanah lot PFA, oleh kerana ugutan daripada kerajaan. Kalau ada kesilapan, ada panduan yang baru yang hendak dilaksanakan, ini adalah tanggungjawab kerajaan untuk menyelesaikan masalah itu dan bukan membiarkan kontraktor cuba menyelesaikan dengan pihak penternak.

Satu lagi punca JE, bolehkah memberikan laporan rasmi apakah punca JE. Kerajaan tidak berani mengeluarkan satu laporan. Kekotoran ladang penternak bukan punca JE berlaku. Tanya Yang Berhormat bagi Tambun. Awalnya yang mati itu apa, kuda? Siapa yang membawa kuda masuk dari Australia, seorang kerabat. Bila kuda sudah mati, virus sampai kepada babi di kandang yang ada di Tambun, maka babi itu mati tetapi ada orang sebelum dia mati, babi-babi yang dihantar ke Bukit Pelanduk.

Jadi, sebenarnya tanya Tambun, dia tahu dia pernah ambil bahagian dalam perbincangan ini. Jadi, sekarang nampaknya oleh kerana saya kata perasaan penternak khinzir dan kerajaan ada *prejudice* dan gunakan macam-macam susahkan rakyat. Macam sekarang ada orang kata SARS mungkin inilah sebabnya proses dilewatkan. Saya hendak katakan kecuali kerajaan berani mengatakan bahawa kekotoran ladang adalah punca menyebabkan berlakunya wabak Nipah Virus atau JE. Jangan susahkan rakyat.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Saya ingat Yang Berhormat Kota Melaka, tiap-tiap hari kita pergi kerja kita tidak pernah terlintas di hati kita hendak menyusahkan rakyat. Kita kerja tiap-tiap hari ini hendak bantu rakyat. Okay, tetapi masalah Bukit Pelanduk ini masalah yang luar biasa, macam SARS, macam JE, ia macam itu juga. Kalaupun Yang Berhormat tahu pergolakannya, ada satu jawatankuasa di bawah Datuk Yau, tiap-tiap minggu kita cuba selesaikan masalah ini. *They are doing the best they can, everybody is doing the best they can*. Yang Berhormat, bukan senang perkara ini. Kita boleh percepatkan. Kita boleh longgarkan ini semua, nanti mereka rosakkan juga lagi, kita tidak mahu ini berlaku. *It is not easy*.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: *We are doing the best we can*. Saya sudah jawab, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan macam itu. Kena minta jalan dahulu, Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Kalau Yang Berhormat mengenai punca....

Tuan Pengerusi: Kota Melaka, jangan tanya macam itu.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Jawapan punca ini bukan jawapan cakup macam ini sahaja. Ia mesti ada kes-kes, fakta-fakta yang saintifik. Nanti kita akan kaji, kita akan cari, saya pun tidak tahu apa sebabnya, itu sebelum masa saya. Tetapi saya tidak

berani kata ini kerana ada ahli Kerabat Diraja, ini cakap *loose talk*. Sepatutnya Yang Berhormat lebih *responsible than that*.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Okay, saya hendak sambung. Yang Berhormat, saya sudah jawab, cukup.

Tuan Pengerusi: Minta jalan dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Melaka, minta jalan dahulu.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Saya selalu bagi way tetapi yang ini saya tidak mahu bagi way lagi.

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi jalan dah.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Sudah cukup. Bila Yang Berhormat bawa perkara ini dengan saya secara *formal, informal* semua saya sudah layan. Saya sudah cuba seberapa daya. Ini masalah yang susah.

Tuan Pengerusi: Gelang Patah bangun.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Ini bukan masalah yang senang. Kita sudah cuba sedaya upaya, kita sudah *compromise* dan macam-macam.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka, tolong, tolong, tolong, tolong, jangan, jangan, jangan! Ikut peraturan ya.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah juga menimbulkan....

Tuan Pengerusi: Gelang Patah bangun, Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi:soalan-soalan.....

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, selepas pilihan raya yang lalu bila pihak Kerajaan PAS menerajui Kerajaan Negeri Terengganu, dia ada janji akan wujudkan PFA, bagi tanah untuk industri ternakan khinzir di sana, tetapi hingga sekarang pilihan raya akan datang akan sampai tetapi macam berita kosong sahaja. Sebab itu saya ingin tahu kerana tanah ini adalah hal kerajaan negeri. Saya hendak tahu sejauh manakah apa yang dikatakan oleh saya tadi adalah benar pihak Kerajaan Negeri Terengganu akan berikan tanah untuk ternakan khinzir dan saya pun ingin tahu daripada kerajaan negeri yang lain sejauh manakah kerjasama mereka untuk memajukan industri ini.

Pada 16 Oktober tahun lalu Yang Berhormat Menteri ada kata dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada masa dahulu eksport daging khinzir untuk negara kita ini lebih RM200 juta, dan jika industri ini tidak dimajukan atau diberhentikan kita akan perlu import khinzir dari luar negara, jumlah importnya kemungkinan RM400 juta daging khinzir setahun. Ini untuk mewujudkan '*sufficiency economy*' yang selalu diusahakan oleh Yang Berhormat Menteri, saya harap kita perlu berusaha sama-sama mempertingkatkan penternakan khinzir di negara kita ini demi kepentingan para pengguna daging khinzir. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia tidak bertanya Yang Berhormat. Dia beritahu sahaja.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Tetapi saya hendak *confirm*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Memang kita mahu membangunkan semula industri ini, dan memang peranan kami ialah untuk mengenakan syarat-syarat dan membantu mereka memenuhi syarat-syarat. Kalau negeri 'Kelantan' hendak buat, dan ada pihak swasta, bukannya kerajaan yang membangunkan industri ini, tetapi kementerian kami

akan berikan segala bantuan kemudahan untuk membangunkan. Cuma negeri 'Kelantan' kena bincang dengan pihak swasta.

Tuan Pengerusi: Dia bercakap berkenaan dengan negeri Terengganu, Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Terengganu, okay sorry. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Teruskan perkara lain, Yang Berhormat.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh soal oleh Yang Berhormat bagi Peringat mengenai bilangan syarikat dan sebagainya. Saya gembira di sini memaklumkan yang sebelum

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun] [Menyampuk]*

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Saya hendak sambung – ...yang sebelum ini dari segi pelaburan pihak swasta – selepas inilah saya habis, selepas habis pelaburan. Mengenai apa?

Tuan Lim Hock Seng: Khinzir.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Saya sudah habis mengenai khinzir.

Tuan Pengerusi: Sudah habis, Yang Berhormat. Habis dah, dia masuk perkara lain dah. Dia masuk perkara lain dah Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Bagan sila duduk!

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi Norwawi: Saya hendak beralih kepada satu lagi perkara yang penting. Untuk menjayakan sektor pertanian di negara kita ini, ada dua strategi. Strategi pertama ialah kita memodenkan dan mentransformasikan masyarakat pertanian tradisional kita. Yang kedua, kita mesti berjaya menarik pelaburan swasta.

Jadi, di sini saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Peringat, sebelum tahun 2000, sebelum strategi-strategi baru ini, pelaburan dalam sektor pertanian hanya di antara RM25 juta setahun hingga RM90 juta setahun, lima tahun sebelum itu. Tetapi saya gembira hari ini boleh melaporkan yang daripada tahun 2001, dalam dua setengah tahun yang lalu ini, kita telah menerima permohonan insentif pelaburan sebanyak RM1.5 bilion. Inilah insentif-insentif baru yang telah kita perkenalkan termasuklah pengecualian cukai sehingga 10 tahun.

Setakat ini kita telah meluluskan RM800 juta pelaburan dan yang lain-lain sedang diproses. Ini melibatkan permohonan sebanyak 151 syarikat-syarikat. Saya juga mengambil kesempatan ini kementerian kami sedang berusaha bersungguh-sungguhnya untuk menyenangkan lagi, membolehkan lagi pelaburan dalam sektor pengeluaran makanan termasuk pengeluaran khinzir.

Di sini saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar mengenai insurans. Perkara ini sedang dikaji bersama-sama dengan Bank Negara, sudah ada laporan. Kami sedang memulakan satu *pilot project* di MADA.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab banyak masalah yang telah ditimbulkan tadi mengenai Jabatan Parit dan Saliran dan di sini saya ingin menjawab soalan-soalan mengenai banjir, tebatan banjir oleh Yang Berhormat Saratok, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Selangau.

Saya hendak beritahu secara keseluruhannya yang program tebatan banjir adalah program utama di bawah kementerian kami. Sebenarnya saya salah pagi tadi, dalam Bajet 2004 bukannya 46% diperuntukkan bagi tebatan banjir. Sebenarnya angkanya ialah 48% diperuntukkan untuk tebatan banjir.

Dan ini menunjukkan yang kerajaan memberi perhatian yang khusus untuk program tebatan banjir yang melibatkan ramai Ahli Yang Berhormat di sini, dan di dalam

tahun 2004 kita ada RM679.6 juta hampir RM680 juta khusus untuk tebatan banjir sahaja, tetapi di sini baguslah saya terangkan mengenai projek kewangan yang kita ada setakat ini hanyalah untuk projek-projek yang telah dikomited, yang telah dimulakan, maknanya kalau ada projek-projek yang penting di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang belum bermula maknanya kita tidak ada peruntukan untuk projek ini.

Maknanya Yang Berhormat saya cadangkan membuat permohonan yang khusus kepada kementerian kami sekali lagi dan lebih baik kepada Kementerian Kewangan juga. Tetapi setakat ini yang saya tahu bagi Lembah Kelang misalnya, kita akan membelanja sampai RM3.7 bilion untuk mengatasi masalah banjir ini di Lembah Kelang dan saya ingin memberi perakuan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang di mana projek-projek mereka sudah dikomited, sudah dimulakan, saya akan pastikan projek-projek ini akan dilaksanakan dengan cekap, dengan baik dan saya ada Ketua Pengarah JPS di sini, dia akan meneliti perkara ini sendiri. Walaupun demikian, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengalami masalah tolong beritahu dengan saya.

Kedua, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tidak ada projek yang komited, tetapi projek-projek Yang Berhormat termasuk hakisan pantai, kalau ada projek-projek yang begitu *urgent* tolong sampaikan kepada kami.

Jadi,

Tuan Pengerusi: Serdang bangun Yang Berhormat, Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi apa yang saya dimaklumkan ini, pihak kementerian itu telah komited sebagai must do Project, apa erti yang sebenarnya. Kalau dikatakan projek ini begitu penting, ertinya must do, ertinya ia mesti kritikal

Tuan Pengerusi: Masuk ya, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Di Kampung Sungai Ramal.

Tuan Pengerusi: Must do!

Dato' Yap Pian Hon: Must do, ertinya saya minta Yang Berhormat Menteri, ambil kira ini sebab kampung ini telah sepuluh tahun banjir, ini semua dekat Bangi dan sepatutnya diambil kira supaya komitmennya dapat dilaksanakan.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya sendiri telah melihat masalah ini, dari segi pelaksanaan JPS ialah satu agensi yang cekap, kalau tidak cekap sila beritahu, boleh saya tahu, kalau dia diberi satu projek dilaksanakan dengan cepat, tetapi masalahnya selalu ialah masalah tidak ada peruntukan.

Saya telah sendiri pergi ke Kabinet mengemukakan ada RM700 juta, saya perlu untuk EMAS 2 Project, dan Kabinet telah bersetuju sebenarnya, tetapi kami masa itu menunggu peruntukan sahaja.

Tetapi Yang Berhormat sekalian, kalau ada projek hakisan pantai khususnya dia memang *urgent* dan tidak dalam *list* kami, tolong beritahu dengan kami, kami akan cuba sedaya upaya.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Hulu Terengganu dahulu ya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Pengerusi, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin minta penjelasan, sebenarnya daripada awal tadi yang ada kaitan dengan tebatan banjir dan sebagainya, saya difahamkan bagi negeri Terengganu selepas royalti minyak ditarik balik, tidak ada lagi peruntukan untuk input-input pertanian, yang ada hanyalah peruntukan untuk infra termasuk tebatan banjir, termasuk membaiki jambatan, jalan, pertanian dan sebagainya.

Tetapi saya dimaklumkan bahawa sejak akhir-akhir ini, peruntukan ini pun sekarang ini beransur-ansur ditarik, apa statistik yang ada pada saya, pada tahun 2001

peruntukannya RM2.4 juta. Tahun 2002 turun pada RM1.7 juta, mari tahun 2003 ini hanya ada RM400,000. Sudahlah peruntukan untuk input pertanian tidak ada langsung sekarang ini kerana dipindahkan kepada Dana Khas Persekutuan, yang mana Dana Khas Persekutuan ini telah menjadi satu senjata politik UMNO dan Barisan Nasional.

Saya hendak sebut apa yang pernah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu bagaimana satu dusun nukleus di Sungai Serai dalam Parlimen Marang, yang mana Jabatan Pertanian telah mengenal pasti 150 orang peserta, pegawai dah panggil, dah kenal pasti dah, kawasan dah kenal pasti, tetapi saat akhir, JKK menghantar laporan hanya perlu dilulus kepada 94 orang.

Sehingga hari ini hanya 94 orang, satu kawasan yang lain tak dapat, yang 94 ini dapat. Ini bagi input-input pertanian yang mana termasuk input baja dan anak pokok, tetapi yang saya musykil tadi itu, yang dalam bentuk infra pun sekarang ini dikurangkan, sehingga daripada RM2 juta lebih tahun ini hanya ada RM400,000 diperuntukkan bagi negeri Terengganu.

Jadi, saya minta kalau boleh ini tidaklah begitu rupa sekali dijadikan senjata politik, yang saya bimbang nanti semua peruntukan pertanian negeri Terengganu dipindah kepada Dana Khas Persekutuan. Sedangkan Dana Khas Persekutuan ini, asalnya royalti minyak yang menjadi hak milik kerajaan negeri. Jadi, di mana tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dalam membantu petani-petani negeri Terengganu?

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu Ahli Yang Berhormat sebenarnya bukan negeri Terengganu sahaja, semua negeri sekarang ini mengalami kekurangan bajet dan termasuk negeri saya negeri Sarawak.

Tetapi yang penting bagi saya ialah tidak kira daripada mana duit minyakkah, asal yang penting ialah projek ini dapat dilaksanakan dan mengenai dengan dusun nukleus itu Yang Berhormat, saya akan tengok apa yang patut dilaksanakan.

Dan

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Tanjong Yang Berhormat, bangun ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Pengerusi, terima kasih. Yang Berhormat Menteri pernah berkata bahawa kementeriannya bertujuan untuk membasmi banjir memerlukan RM11 bilion, tetapi dalam Rancangan Malaysia Kelapan, campur dengan tambahan RM700 juta itu baru sampai RM2.24 bilion, jadi ini merupakan cuma 20% dari apa yang diperlukan untuk mengatasi masalah banjir di seluruh negara.

Jadi, apakah kementerian bercadang buat untuk memastikan supaya peruntukan yang mencukupi diperolehi untuk menjalankan projek-projek di seluruh negara dan tadi Yang Berhormat kata Ketua Pengarah JPS ada di sini, JPS sangat cekap, saya rasa jangan percaya sangattlah. *[Ketawa]*

Sebab di kawasan saya, projek mencegah banjir di George Town S10 dan S18, projek ini dilancarkan pada 14 November 1994, sampai sekarang sudah sembilan tahun projek ini masih belum disiapkan.

Baru-baru ini banjir, Ketua Menteri bersandiwara marah JPS mengapa mengambil masa yang begitu panjang untuk menyiapkan projek yang menelan belanja RM30 juta sahaja, sampai sembilan tahun masih belum siap, mungkin kena tunggu sampai 12 tahun. Jadi, apakah.....

Dato' Zulhasnan Rafique: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Ya, nanti sekejap Yang Berhormat Tanjong, ada yang bangun atas Point of Order, hmm, ya.

Dato' Zulhasnan Rafique: Peraturan Mesyuarat 36(9) "Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan.....". Sila tarik balik.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Yang Berhormat kalau macam itu dibenarkan ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, saya sambung, kalau menteri boleh puji, kita pun boleh kritik. Itu sama juga komen tentang kakitangan, pujian pun komen, kritik pun komen. Saya rasa Yang Berhormat Menteri perlulah ambil tindakan yang lebih gigih lagi untuk mengatasi masalah banjir.

Datuk (Dr.) Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya boleh menjawab Yang Berhormat begini. Saya puji dia kerana saya kerja dengan dia orang setiap hari, saya tahu dia orang kerja atau tidak kerja, saya tahu dia ada 500 projek berapa projek yang dilaksanakan atau tidak.

Yang Berhormat tidak bekerja dengan dia, Yang Berhormat satu pengalaman sahaja, barangkali ada sebab-sebab yang kita tidak tahu, kerana sebab kita tidak tahu, saya tidak boleh menjawab, dia pun tidak boleh jawab, jadi saya ingat tidak adil kita kata dia tidak cekap.

Tetapi saya boleh cakap dia cekap kerana saya kerja dengan dia setiap hari. Jadi, saya harap Yang Berhormat jangan begini, kalau saya cakap maknanya saya berasaskan maklumat yang ada pada saya, walaupun demikian saya akan melihat apakah masalah di George Town ini. Saya hendak sambung

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Hendak beri jalan kepada Tanah Merah? Ya, Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berhubung dengan tebatan banjir tadi, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai dengan banjir yang melanda di kawasan Pantai Sabak berhadapan dengan Laut China Selatan kerana kita tahu pantai Sabak ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri di mana pendaratan Jepun yang mula-mula ke Tanah Melayu adalah di Pantai Sabak dan yang kedua, ia adalah pantai peranginan di kawasan Kelantan. Akan tetapi akhir-akhir ini terutama sekali di musim tengkujuh - beberapa kali tengkujuh - dan menyebabkan pantai Sabak ini telah hilang langsung daripada tempat peranginan dan juga tempat-tempat sejarahnya. Kubu-kubunya pun sudah tenggelam.

Jadi apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian terutama sekali, sekarang ini mungkin dua, tiga bulan lagi banjir ataupun angin Monsun akan melanda kawasan Pantai Sabak? Saya merasa kasihan, Yang Berhormat Menteri, kalau dilihat kepada orang-orang kampung di Pantai Sabak yang terpaksa membuat benteng-benteng dengan pasir, dengan menggunakan guni-guni pasir untuk menahan hakisan pantai. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak kementerian masih mempunyai peruntukan untuk membantu dan menyelamatkan kawasan Pantai Sabak di Kawasan Parlimen Pengkalan Chepa ini. Terima kasih.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya ingat jawapannya begini. Kita tahu banyak masalah macam ini tetapi kita hanya ada RM679.6 juta. Dari segi perbelanjaan, kita mesti membelanjakan kepada projek-projek yang benar-benar, yang paling-paling serius. Kalau Pantai Sabak ini dalam senarai itu, kita akan laksanakan. Kalau tidak, kita akan tengok macam mana kita hendak masukkan dalam senarai itu.

Saya berbalik kepada Yang Berhormat yang bertanya, sepatutnya program ini memerlukan RM11 bilion, memang betul. Memang kita tidak cukup duit. Ini masalahnya dan walaupun demikian, mana yang penting macam Lembah Klang ini, kerana kawasan ini kawasan yang paling serius, ia melibatkan 115,000 orang di kawasan ini. Jadi kita akan

membelanjakan RM3.6 bilion untuk mengatasi masalah ini, termasuk *smart tunnel* dan sebagainya.

Jadi, saya tidak tahu sama ada saya boleh jawab semua soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai masalah hakisan pantai ini kerana ia terjadi di seluruh negara. Yang saya boleh pastikan di sini ialah yang RM679.6 juta ini kita akan gunakan kepada projek yang benar-benar, yang paling serius. Saya harap kalau projek kawasan Yang Berhormat tidak termasuk, tolonglah beritahu kami dan tolonglah kita merayu bersama-sama kepada Kementerian Kewangan dan saya juga akan cuba sedaya upaya saya kerana saya tidak ada jawapan untuk menyelesaikan masalah ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Seputeh, ya. Gelang Patah, cukuplah! Cukuplah! Kita sudah melampau. Kita ada satu kementerian lagi yang perlu dihabiskan pada hari ini. Ya, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya hendak bangkitkan tentang Projek SMART yang merentasi kawasan saya, kawasan Bukit Bintang dan juga Cheras yang mana bila kami menulis kepada JPS untuk meminta satu taklimat supaya kita faham projek tersebut dengan lebih terperinci dan juga senaskah laporan EIA, permintaan saya ini ditolak dengan JPS mengatakan: "*Boss kata, mereka tidak perlu melayan ahli politik*". Saya sekarang hendak bertanya, "boss" itu adakah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen atau sesiapa lagi dalam JPS yang memberi arahan seperti ini? Juga adakah perkara ini patut dilakukan kerana saya rasa sebagai wakil rakyat, kami memang ada hak untuk mengetahui apa yang berlaku, apakah langkah kerajaan untuk mencegah banjir.

Dan juga satu perkara lagi, saya difahamkan bahawa Projek SMART itu kalau banjir berlaku, kesemua air di seluruh Kuala Lumpur akan masuk ke kawasan saya di Taman Desa di tasik sana, yang mengakibatkan penduduk di sana merasa bimbang. Jadi mereka kompelin kepada saya, dan saya juga pernah tulis surat kepada JPS meminta diadakan satu taklimat dan dialog di antara JPS dengan Persatuan Penduduk Taman Desa. Selepas itu saya difahamkan bahawa kesemua persatuan penduduk yang menulis surat kepada JPS, mereka diajak ke pejabat JPS untuk diberikan taklimat tetapi wakil rakyat tidak dijemput langsung dan surat saya tidak dibalas langsung.

Yang Berhormat Menteri, bagi saya, saya rasa sangat kesallah. Kalau ini adalah sikap pegawai-pegawai JPS terhadap wakil rakyat, adakah JPS hendak ambil satu pendirian yang bertentangan dengan wakil rakyat? Ataupun mereka hendak mengambil satu pendekatan supaya bekerjasama dengan kami? Saya rasa ini adalah satu isu yang mana harus diambil berat oleh Yang Berhormat Menteri dan saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini. Kenapakah permintaan untuk diadakan satu taklimat sahaja mengenai projek itu tidak boleh diadakan dan kenapakah laporan EIA itu merupakan dokumen yang begitu rahsia?

Sebenarnya macam Empangan BAKUN, saya masih ingat ...

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: bila bekas Ketua Pembangkang....

Tuan Pengerusi: Cukuplah!

Puan Teresa Kok Suh Sim: minta satu laporan EIA daripada Kerajaan Sarawak, mereka hantar kepada dia.

Tuan Pengerusi: Cukuplah!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi kenapa projek ini begitu *special*?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan hendak minta penjelasan tetapi hendak beri penerangan itu sahaja.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Yang Berhormat bagi Seputeh, sebenarnya kita telah menjawab soalan ini melalui surat. Ia ada dua. Pertama sekali mengenai *EIA report* ini. *EIA report* ini sebenarnya kepunyaan syarikat yang terlibat dan ia telah mengemukakan kepada Department of Environment (DOE) dan DOE telah meluluskan dengan syarat-syarat dan dokumen ini boleh diperiksa oleh mana-mana pihak, oleh orang awam. Dokumen ini berada di DOE. Yang Berhormat boleh pergi ke sana dan periksa, ambil nota dan sebagainya. Jadi perkara ini adalah suatu yang terbuka.

Mengenai dengan taklimat ini, Yang Berhormat telah menulis kepada bos saya, kepada Perdana Menteri, jadi saya tunggulah jawapan macam mana. Pasal ini Yang Berhormat tidak membawa kepada saya, Yang Berhormat terus tulis kepada bos saya. Saya akan tunggu apa jawapannya nanti. Saya diberitahu bahawa Yang Berhormat telah mengemukakan perkara ini kepada Perdana Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya. Dia kemukakan kepada JPS, kemudian JPS menjawab, bos kata tidak boleh berurusan dengan wakil rakyat. *Is that correct? Is it?* Betulkah itu?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ya, sebenarnya mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di JPM, dia kata tidak perlulah. Saya rasa cara ini bukannya cara kerajaan melayan wakil rakyat. Jadi mungkin Perdana Menteri hendak bersara, dia rasa ini adalah hal JPS, Kementerian Pertanian boleh selesaikan. Saya rasa satu jawapan harus diberi. Kenapa permintaan untuk mengadakan satu taklimat mengenai projek pun tidak boleh diberikan?

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Keputusan untuk menulis kepada Perdana Menteri, ini keputusan Yang Berhormat. Jadi saya akan tunggu jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri .

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya tidak hendak jawab lagi hal-hal ini. Saya tidak ada masa. Saya juga ingin

Tuan Pengerusi: Duduklah, Yang Berhormat Seputeh. Seputeh!

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya juga ingin memberitahu di sini....

Tuan Pengerusi: Cukuplah! Cukuplah!

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Yang sebenarnya taklimat ini....

Tuan Pengerusi: Tidak boleh! Tidak boleh...

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi:taklimat ini ialah dari segi mendapatkan maklumat. Dan maklumat SMART ini kita telah hebahkan, kita telah tulis dalam surat khabar, kita beritahu semua maklumat terperinci mengenai projek ini dalam beberapa surat khabar. *Ada press release*, dengan peta dan sebagainya. Kalau kita hendak sembunyi apa-apa, kita tidak buat ini, tetapi ini semua kita sudah buat. Jadi perkara ini memang satu *public knowledge* sekarang ini.

Kalau Yang Berhormat ada masalah lagi, tolong beritahu kami, saya tidak tahu masalahnya. Jadi taklimat ini bukannya kepada Yang Berhormat tetapi kepada semua masyarakat, kita sudah beritahu. Kita sudah beri pengumuman ini. Yang Berhormat, saya

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Yang Berhormat, saya.....Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya sudah cuba jawab semua soalan.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat!

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Saya tahu ada juga soalan yang lebih spesifik, yang *detail*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Gelang Patah, sila duduk! Cukuplah!

Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi: Yang Berhormat, banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat telah meminta saya menjawab projek-projek spesifik seperti Yang Berhormat bagi Seratok dan yang lain tetapi saya ingin memberi jaminan dan perakuan di sini, semua ini kita telah ambil nota dan saya beri perakuan yang kita akan susuli dengan sebaik-baiknya dan saya akan beri maklumat kepada Yang Berhormat tidak berapa lama lagi mengenai tindakan-tindakan susulan yang kita akan ambil selepas ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,464,726,600 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,464,726,600 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,823,802,850 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,823,802,850 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

Maksud B.22 [Jadual] -

Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2004] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahaskan. Ya, Serdang.

4.00 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh Butiran 030000 – Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Butiran 02400 – Pemodenan Kampung.

Tuan Pengerusi, Program Pembangunan Masyarakat Orang Asli telah ditingkatkan lagi dalam peruntukan daripada kerajaan sebanyak RM156.5 juta. Program untuk meningkatkan lagi kampung-kampung Orang Asli termasuk pembangunan aktiviti ekonomi dan menyusun semula kampung Orang Asli. Projek-projek ini telah dilaksanakan sebagaimana yang dimaktubkan selepas itu diserahkan kepada bidang kuasa kepada satu kementerian lain ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Walau bagaimanapun saya hendak memaklumkan di Dewan yang mulia ini sebuah kampung Orang Asli di kawasan saya iaitu Kampung Orang Asli Sungai Rasau, Puchong. Kampung Orang Asli yang tinggal di kawasan saya. Walau bagaimanapun kampung ini telah wujud sejak 50 tahun dahulu iaitu kampung Puchong ini tetapi mereka sedang menghadapi masalah.

Sepanjang masa ini, Kampung Orang Asli, walaupun ada program-program yang telah dirancang oleh kementerian tetapi tidak sampai ke kawasan tersebut. Kampung Orang Asli Sungai Rasau memang ketinggalan, terbiar. Kalau pegawai-pegawai daripada Jabatan Orang Asli sampai ke kawasan Puchong, boleh menyaksikan kedudukan sebenarnya di kawasan itu.

Kampung Orang Asli Sungai Rasau ini terletak di pekan, di kawasan perumahan yang begitu cantik, tengah-tengahnya kampung Orang Asli terbiar tetapi oleh kerana ada satu program yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini kerana saya difahamkan, saya dapat laporan bahawa Kampung Orang Asli sebanyak 200 ekar ini akan dibangunkan semula. Ertinya, Orang-orang Asli di kampung ini akan dipindahkan. Kawasan Orang Asli ini akan diserahkan kepada dua syarikat untuk dibangunkan sebagai kawasan perumahan.

Walaupun ada syarat-syarat tertentu, sepanjang masa dua tahun ini saya tidak tahu, belum tahu lagi. Sebab itu, saya minta pihak kementerian, apa sebenarnya telah berlaku di Kampung Orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini. Rasa bimbang dan khuatir Orang Asli di kawasan itu memang nyata dan telah sampaikan kepada saya walaupun saya sampai ke Kampung Orang Asli, saya memaklumkan kepada mereka, jangan risau. Walaupun apa pun, pihak Kerajaan Barisan Nasional akan melancarkan program-program tertentu untuk memberi satu kedudukan yang lebih istimewa kepada Orang Asli kalau penduduk kampung tersebut akan dipindahkan.

Namun sehingga kini masih belum tahu apa program, walaupun ada dua syarikat. Satu syarikat mendapat 110 ekar dan satu lagi syarikat mendapat 80 ekar. Cara mana akan dilakukan oleh kedua-dua syarikat untuk mengadakan program untuk memulihkan kehidupan Orang Asli yang telah lama tinggal di kawasan tersebut. Sebagai wakil rakyat kawasan, saya memang ambil serius terhadap ini. Kalau program-program yang tidak dapat diterima atau tidak dapat dinikmati dengan sepenuhnya oleh Orang Asli itu, mungkin ia akan jadi isu yang serius di kawasan tersebut.

Saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini – saya harap isu ini jangan dijadikan isu sosial politik semasa pilihan raya akan datang. Kawasan ini memang memberikan sokongan kuat kepada saya dan Barisan Nasional dahulu. Oleh itu kerana program yang seperti ini kalau tidak jadi, akan terjejas sokongan terhadap kerajaan. Jadi, saya minta pihak kementerian supaya memberi satu garis panduan cara mana projek-projek perumahan oleh syarikat-syarikat itu akan dilancarkan di kampung tersebut.

Walaupun kecil, 200 ekar tetapi ia penting untuk kehidupan masa depan Orang Asli kerana pihak kerajaan telah memperuntukkan begitu banyak peruntukan untuk kampung-kampung Orang Asli. Maka Kampung Orang Asli di Puchong tidak boleh dipinggirkan. Kampung Orang Asli tidak boleh dicampak seperti sampah. Saya dengan mereka telah 'berkawan' lebih 30 tahun lamanya di situ maka adalah penting agar kebajikan mereka akan terjamin. Walau bagaimanapun, saya minta penjelasan apa yang sebenarnya berlaku di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi saya bangkitkan mengenai pemodenan kampung. Anggapan di kawasan Parlimen Serdang sebagai kawasan bandar, sebenarnya tidak benar. Di kawasan Parlimen Serdang terdapat banyak kampung tradisi. Salah satunya di kawasan seluas lebih 1000 ekar yang terletak di pinggir Sungai Klang, terdapat Kampung Sri Puchong, Kampung Sri Langkas, Kampung Langkas Tambahan, Kampung Sri Andalas dan Kampung Sri Aman wujud di kawasan ini.

Tuan Pengerusi, di sebelahnya penuh dengan projek-projek perumahan yang telah dimajukan tetapi kawasan 1000 ekar dengan beberapa ribu rakyat yang tinggal di kampung tradisi ini masih ketinggalan. Itu sebab Kampung Sri Aman menjadi tumpuan orang ramai selepas laporan dikeluarkan di mana dikatakan mesyuarat Kumpulan Militan Malaysia (KMM) telah diadakan yang diketuai oleh anak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, di Kampung Sri Aman!

Lepas laporan itu diterima, saya berkejar ke kawasan itu untuk melihat apa hal yang berlaku di situ? Apa sebab KMM telah memilih kawasan Kampung Sri Aman sebagai tempat untuk mengadakan mesyuarat yang pertama di situ? Saya memang ambil serius terhadap keadaan di situ. Walaupun demikian, tindakan kerajaan begitu cepat untuk memberkas atau membersihkan kawasan tersebut, dan kini kawasan itu tenang, aman, walau bagaimanapun, saya rasa pentingnya kawasan kampung tradisi yang telah dijadikan satu kawasan untuk aktiviti KMM ini dahulu tetapi inilah pentingnya untuk pihak kementerian memberi tumpuan kepada kawasan tersebut. Terdapat lebih lapan kampung tradisi di situ.

Sepatutnya kawasan itu mestilah canggih dan moden kerana di sebelahnya adalah kawasan perumahan tetapi rakyat kampung ini masih ketinggalan dan tidak cukup infrastrukturnya.

Semalam saya sudah bangkitkan. Jalan rayanya rosak begitu teruk oleh kerja-kerja program mendalamkan dan melebarkan Sungai Klang, itu dibiarkan begitu sahaja. Jalan Jurutera sebagai jalan utama yang menyambungkan dari kampung ke kampung dan terus ke daerah Sepang, tetapi jalan itu dan kawasan ini tidak ada satu perancangan teratur, maka Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan adanya projek-projek dan program-program begitu banyak, apa salahnya sampai ke kampung tersebut. Apa sebabnya kampung tersebut yang dekat dengan bandar tetapi masih tidak menikmati program yang begitu baik dari kementerian atau kerajaan.

Oleh kerana peruntukan yang kecil dan tidak boleh disalurkan terus kepada kawasan itu untuk menaikkan taraf infrastruktur di kampung-kampung tersebut, maka terpaksa kita akan bincang semula.

Saya telah meminta pihak kerajaan negeri untuk merancang semula satu kawasan kampung tradisi yang begitu lengkap dan lokasi yang begitu strategik, hendak dibangunkan semula supaya masyarakat di kampung tersebut dapat menikmati rancangan-rancangan kerajaan yang sama seperti di kawasan-kawasan lain yang tinggal di situ tetapi mereka terbiar sedemikian rupa.

Saya haraplah dengan adanya begitu banyak peruntukan melalui berbagai program untuk menaikkan taraf infrastruktur di kampung-kampung maka lapan buah kampung ini perlu juga dinaikkan taraf setaraf dengan kawasan perumahan. Jangan jadikan kawasan perumahan itu mempunyai infrastruktur yang begitu baik tetapi kampung-kampung di sebelahnya begitu rendah dan mundur. Ini mewujudkan jurang tidak seimbang di antara kawasan perumahan dan kampung.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Datuk Yap Piau Hon: Jadi, Tuan Pengerusi, terima kasihlah saya bangkitkan perkara ini supaya pihak kementerian boleh memberi pandangan serius terhadap kampung tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

4.14 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap berkenaan Kepala 010000 berkenaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan beberapa Kepala yang lain jika ada kesempatan masa.

Saya hendak sebut di sini ialah supaya pihak kementerian ini mengambil berat terhadap apa yang saya hendak sebutkan di sini pertamanya berkenaan dengan Koperasi Kijang Emas yang ditubuhkan 20 tahun yang lepas oleh kumpulan Orang-orang Asli yang berpusat di Kuala Lumpur kononnya. Koperasi ini telah berjalan begitu lama dan mempunyai harta begitu banyak terutama sekali sewaktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah Kelantan dahulu diberi konsesi balak kepada koperasi ini. Kemudian diteruskan dengan suatu pemerintahan Kerajaan PAS di Kelantan juga Barisan Alternatif Kelantan ada mempunyai kelulusan beberapa konsesi balak kepada Koperasi Kijang Emas ini.

Saya dimaklumkan akhir-akhir ini, koperasi ini didalangi oleh orang-orang yang bukan Orang Asli. Dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sendiri tidak dapat menguasai, tidak dapat memantau dengan baik terhadap koperasi ini kerana orang yang memainkan peranan dalam koperasi ini lebih berupaya dan lebih berkuasa nampaknya di akhir-akhir ini.

Saya minta supaya pihak kementerian ini check balik siapa sebenarnya memainkan peranan di belakang Koperasi Kijang Emas yang saya sebutkan ini kerana saya dimaklumkan koperasi ini sekarang ini mempunyai wang yang begitu banyak tetapi tidak dimanfaatkan kepada Orang-orang Asli khususnya Orang Asli yang berada di Kelantan.

Saya melihat di sini tentang laporan dalam buku ini termasuk program-program untuk Hal Ehwal Orang Asli ini ada beberapa perkara yang disebutkan di sini iaitu untuk membentuk jati diri Orang-orang Asli ataupun membentuk akhlak mulia, untuk membawa unsur-unsur kebudayaan dan kesenian mereka, bermakna kesenian Orang Asli yang sebenarnya. Ada tiga perkara yang besar yang disebutkan di dalam laporan buku Bajet kita kali ini.

Dalam peringkat Jawatankuasa baru-baru ini saya telah pun sebut tentang kedudukan akhlak Orang Asli di Kelantan khususnya terutama tempat yang saya selalu lawati ialah di Loging, Pos Brooke, Pos Blau, itu semuanya berada di kawasan Kelantan dan bersempadan dengan Pahang.

Di akhir sekali setelah saya pergi baru-baru ini, ini sebutkan akhlak Orang Asli yang mencuri buah-buah limau syarikat-syarikat di kawasan Loging. Saya dimaklumkan akhir sekiranya ialah Orang Asli ini sekarang ini sudah dimasuki dengan kebudayaan yang agak luar biasa, lebih daripada orang Melayu, iaitu apabila kemudahan telah diberikan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar kuasa solar, kuasa api menggunakan solar kerana di dalam hutan hanya mereka ini boleh mendapati elektrik sekarang melalui solar. Mereka disupply dengan TV oleh pihak kementerian dan sekarang ini ada pula VCD. Pembalok-pembalok yang tidak ada bahasa Kelantan kata '*Tak ada perut pedal*', tidak ada perasaan kasihan belas kepada Orang Asli ini telah membawa filem-filem lucu, VCD lucu di dalam kawasan Orang Asli oleh sebab di kawasan Orang Asli itu telah diberi oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar kuasa elektrik solar ini.

Maka video lucu ditunjukkan di sana sehingga menyebabkan ada di antaranya beberapa orang Cina yang kerja balak kahwin dengan Orang Asli dan saya boleh buktikan ada Orang Asli sekarang ini yang kahwin dengan pembalok Cina dan masuk Kristian. Kalau kita lihat perkara ini rupanya bukan baru. Kalau kita lihat betul-betul generasi Orang Asli akhir-akhir ini ada yang rambut merah, ada yang mata sepet. Maknanya ada keturunan-keturunan orang lain bukan lagi keturunan sama sendiri, tidak. Tetapi keturunan-keturunan pembalok-pembalok yang masuk ke kawasan tersebut yang kahwin dengan Orang Asli ataupun bersekedudukan dengan Orang Asli ini.

Saya minta supaya pihak kementerian ini melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini memainkan peranan supaya apa yang saya sebutkan ini boleh dibanteras dengan sertamerta dan apatah lagi kawasan lebuhraya baru sekarang ini yang hampir-hampir siap yang boleh menghubungkan antara Perak, menghubungi antara Pahang terus ke Kelantan ini. Ini pun suatu keadaan yang bahaya sebab Orang Asli terdedah dengan budaya-budaya yang tidak disenangi yang patut kita hindari bersama.

Kepala 02502 – KESBAN – dahulu dua tahun lepas saya sudah sebut berkenaan jalan KESBAN ini yang di antaranya jalan-jalan yang bermula daripada Bukit Bunga di Kelantan ini terus sampai ke Tumpat. Tetapi sayangnya jalan ini tidak sampai ke situ. Jalan ini separuh sahaja. Daripada Bukit Bunga sampai ke Rantau Panjang melalui Jalan Perdah dan tidak sampai pun ke Tumpat. Jadi, saya minta supaya pihak kementerian ini cuba menyelesaikan masalah ini kerana ada jalan-jalan itu mati di pertengahan jalan, tidak habis jalan itu, tidak sampai ke matlamat yang asalnya. Maka jalan itu tidak dilalui oleh sesiapa pun kecuali dilalui dan diduduki oleh lembu-lembu. Kalau kita lihat lembu-lembu sahaja yang tidur di atas jalan KESBAN ini. Kebetulan jalan itu tinggi.

Kalau lihat musim tengkujuh, musim banjir, boleh dikatakan semua lembu yang ada di sekitar jalan itu naik atas jalan raya kerana jalan raya tersebut tidak digunakan langsung kerana itu jalan mati, tidak boleh pergi terus sampai ke Tumpat. Jadi, saya ingin tahu kenapakah jalan KESBAN ini tidak diteruskan, tidak dibuat sampai ke matlamat asalnya, sampai kepada pelan yang asalnya.

Yang kedua, cara pembinaan jalan ini juga menyusahkan rakyat kerana *culverts* yang dibina di kawasan ini terlalu tinggi, tidak di paras bumi. Ini menyebabkan air bertakung di atas bendang-bendang padi, tidak boleh turun ke sungai kerana *culvert* terlalu tinggi dipasang. Oleh itu saya minta supaya kementerian ini berbincang dengan JKR kenapakah waktu pembinaan dahulu tidak mengikut *spec* yang asalnya. Sepatutnya *culvert* itu tidak digantung tinggi sedemikian sampai lima kaki tinggi *culvert* daripada bumi. Sudah

tentulah air yang ada ini tidak dapat mengalir ke dalam sungai. Jadi saya minta kepada kementerian ini supaya mengambil perhatian tentang ini.

Seterusnya 02300 - Jalan-Jalan Luar Bandar ini. Baru-baru pihak Menteri minta saya bawa gambar dan saya bawa gambar cuma oleh kerana Menteri tidak ada, barangkali Setiausaha Parlimen ada, insya-Allah lepas ini saya akan bagi walaupun sepatutnya saya bagi kepada Menteri sendiri di mana gambar ini menunjukkan jalan yang dibuat tidak terus. Saya sebutkan baru-baru ini jalan dibuat satu kilometer berhenti, kosong dan sambung lagi satu kilometer yang lain. Sebab-sebabnya telah pun saya huraikan sewaktu saya berucap baru-baru ini.

Cuma Menteri beritahu pada hari itu minta supaya saya bawa gambar untuk membuktikan ada berlaku perkara yang saya sebutkan di dalam Parlimen ini dan saya bawa hari ini. Insya-Allah, saya minta apabila gambar ini saya bagikan supaya Menteri bertindak. Inilah tempat yang sebenar apa yang saya sebutkan. Kalau tidak, tidak ada bukti yang demikian barangkali Menteri mengatakan memang perandai orang PAS ini kritik tetapi benda tidak ada bukti. Tetapi, saya ada bukti yang nyata.

Demikian juga berkenaan dengan lampu-lampu jalan di kampung. Ini juga kalau kita lihat, saya sebutkan pada hari itu dia hendak buktikan bila saya mengatakan 10 biji lampu yang diberi percuma oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk satu kampung. Sepuluh biji satu kampung lampu jalan. Saya sebutkan baru-baru ini, lampu ini dipasang tidak kena pada tempatnya. Sepatutnya lampu ini dipasang di cabang-cabang tiga jalan, di hadapan madrasah, di hadapan masjid sepatutnya. Tetapi lampu-lampu seperti ini dipasang di rumah-rumah orang kuat UMNO, rumah Ketua Cawangan UMNO, rumah JKKK tetapi tempat-tempat yang saya sebutkan tadi tidak dipasang. Menteri juga mahu bukti perkara ini. Tetapi saya hendak gambar macam mana semua benda di atas. Kalau ambil di bawah tidak sampai atas.

Jadi, saya akan sebutkan tempat, akan sebut nama di rumah siapa sekadar saya mampu. Saya tidak boleh sebut seluruh Parlimen Rantau Panjang, beratus-ratus, sepuluh biji satu kampung. Kampung ada beribu. Tetapi, saya boleh sebut beberapa kampung yang saya boleh pastikan perkara ini boleh berlaku kepincangan yang amat sangat sehingga rakyat mengatakan lebih baik kerajaan tidak bagi lampu ini daripada bagi. Cuma kalau hendak kenal, kalau Menteri hendak pergi sendiri, sesiapa sahaja di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang hendak pergi dan hendak mengecam.

Lampu yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ialah merah di atasnya, kepala itu merah. Itulah lampu yang *disupply*kan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tidak sama dengan Tenaga Nasional bagi. Semua merah, kalau kita berjalan dengan kereta kita nampak merah itu, mesti ini rumah orang UMNO sebab lampu itu lampu merah. Ia memang cat macam itu. Warna putih bukan, itu Tenaga Nasional *supply*.

Jadi saya minta supaya Menteri, kalau tidak mahu, tidak berani ambil yang lain hendak letak di atas kubur, hendak letak di cabang-cabang tiga, di madrasah pun, supply yang baru. Tambah sikit apa susahnyanya. Kalau sepuluh itu kita bagi peluanglah kepada UMNO supaya kekal UMNO untuk mengelakkan daripada ahli-ahli UMNO yang lain, yang tidak dapat lampu itu, supaya kekal UMNO juga, tambah lagi dua puluh dan untuk menyelesaikan masalah masyarakat, tambah lagi supaya di atas kubur, di depan madrasah, depan masjid, tempat-tempat tertentu ini dimasukkan lagi. Kalau tidak perkara ini akan jadi berpanjangan dan jadi isu sekarang ini.

Bukan isu PAS sekarang ini, UMNO sama UMNO pun marah sebab seolah-olah satu kampung itu sepuluh orang itu sahaja yang kuat UMNO kerana diberi sepuluh lampu sahaja. Yang lain itu tidak ahli UMNO ataupun UMNO tidak kuat. Jadi saya minta supaya Menteri menyelesaikan masalah ini. Saya rasa itulah sahaja saya hendak sebut pada petang ini. Mudah-mudahan apa yang saya sebutkan ini mendapat perhatian oleh pihak kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Saratok.

4.23 ptg.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau [Saratok]: Tuan Pengerusi, saya sentuh dalam Butiran 01000, Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Tuan Pengerusi: Ya, Saratok sila.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Ada kaitan lagi dengan satu Butiran...

Tuan Pengerusi: Datuk, cuba 'panggung kepala' sikit.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:01702 - Sarawak.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, bagi saya lihat sama. Kalau 'panggung kepala' bila bercakap dengan mikrofon itu baru dia bunyi. Bila tunduk dia tidak bunyi.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Boleh saya teruskan.

Tuan Pengerusi: Ya sila, teruskanlah.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Berkenaan dengan elektrik luar bandar negeri Sarawak, ada soalan pada 6hb, hari Isnin, ada jawapan oleh Setiausaha Parlimen KPLB. Sebab ini perlu, saya baca sedikit sahaja, separuh:

"Bagi memastikan seluruh negeri Sarawak dapat dibekalkan elektrik sepenuhnya, kerjasama antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar perlu ada kesinambungan".

Tuan Pengerusi saya bersetuju dengan jawapan Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini. Tetapi ada sedikit lagi jawapan soalan tambahan iaitu berbunyi:

"Jadi kami pun sama-sama juga merasakan bahawa ini adalah satu yang kita harus percepatkan dan insya-Allah saya difahamkan bahawa sekarang ini Kementerian Kewangan di dalam proses yang terakhir untuk meluluskan pelantikan kontraktor-kontraktor dan kita berharap backlog selama dua tahun ini dapat disegerakan".

Oleh itu saya menyentuh sedikit di kawasan saya, jalan raya Ulu Kerian. Jalan itu telah siap semenjak akhir tahun 1960-an, mungkin dekat 1970-an. Jalan Ulu Kerian siap lambat sedikit 2-3 tahun. Jadi jalan raya ini belum ada bekalan elektrik ke tempat ini, iaitu sebelah hulu jalan utama negeri Sarawak. Di kawasan Saratok, kebanyakan kampung-kampung Melayu, rumah panjang Iban sudah ada bekalan elektrik di sebelah bawah dan terus ke tepi laut, tetapi sebelah hulu, sungguhpun jalan raya telah lama siap belum ada elektrik. Kalau mengikut kebetulannya di mana jalan raya sudah siap tentu dapat diberi bekalan elektrik, tetapi tadi saya sudah baca dua tahun ini tidak dapat dilaksanakan, sungguhpun peruntukan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah ada mengikut jawapan Setiausaha Parlimen hari Isnin lalu, tetapi oleh sebab masalah di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, perkara itu belum dilaksanakan. Tetapi Setiausaha Parlimen telah mengatakan mungkin pada hujung tahun ini perkara ini dapat diselesaikan. Jadi itulah saya rasa perlu dibekal dengan electricity grid.

Yang kedua Tuan Pengerusi, Butiran 02000, Bekalan Air Luar Bandar dan Butiran 02002, untuk negeri Sarawak. Saya memang mengetahui bekalan air luar bandar ataupun bekalan air di negeri Sarawak air bersih di bawah jagaan ataupun dikelolakan oleh kerajaan negeri. Kalau kerajaan negeri memerlukan peruntukan yang telah ada iaitu perlu menggunakan *loan* dari Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Kerja Raya Persekutuan.

Jadi dalam peruntukan kerja raya ada *loan* untuk negeri Sarawak, tetapi peruntukan ini telah disebut untuk luar bandar negeri Sarawak. Jadi angkanya pun besar. Saya sebut begini, di kawasan saya sudah menanam kelapa sawit mengikut projek IADP. Jadi oleh sebab tanah kurang berbukit, ada juga bukit tetapi kalau panas 2-3 minggu, macam sekarang hujan tapi belum ada air. Beberapa buah rumah panjang telah menanam kelapa sawit mengikut projek IADP, tidak ada air. Jadi bagaimanakah, dapatkah tidak Kementerian Pembangunan Luar Bandar menyalurkan peruntukan ini. Dalam Rancangan

Malaysia Kelapan ini, dari taklimat yang saya ikut Menteri Muda dengan JKR negeri Sarawak, tidak ada peruntukan selepas jalan raya ke simpang Saratok melainkan kalau ada dimasukkan oleh kerajaan negeri dalam *mid-term review*. RM8 menambah peruntukan regional water supply di kawasan P.179 Saratok.

Tapi sekiranya kalau dimasukkan kerajaan negeri, itu menggunakan *loan*. Jadi bagaimana? Kalau tidak menggunakan *loan* cuma *recommendation* dari kerajaan negeri, dapat atau tidak peruntukan ini untuk menambah paip selepas simpang Saratok ke sempadan dengan kawasan Betong sebab di jalan raya ini air sampai Saratok, sebelah bawah jalan utama negeri Sarawak sudah ada, tetapi di sebelah atas ataupun di sebelah bawah yang saya sebutkan tadi kerana dalam peruntukan negeri Sarawak belum sampai, melainkan dengan *mid-term review*. Itu sahaja yang saya mahu tahu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Sadong.

4.28 ptg.

Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara tetapi sebelum itu saya ucapkan terima kasih kepada KPLB kerana banyak membantu kami di Sarawak khususnya jalan kampung dan sebagainya. Kalau tidak ada KPLB mungkin susah jugalah kita di luar bandar. Namun demikian, sebagai manusia biasa memang tidak akan merasa puas, jadi masih memerlukan banyak lagi bantuan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk]

Puan Sukinam Domo: Saya masuk Butiran 00400, Pendidikan Prasekolah. Kita lihat peruntukan untuk prasekolah RM80 juta adalah satu peruntukan yang banyak untuk tahun hadapan.

Soalan saya mudah sahaja, saya ingin bertanya berapa buakkah tadika di kawasan saya akan dibina pada tahun hadapan - sama ada dibina semula ataupun dibuat pembaikan untuk tahun hadapan - kerana saya dapati kebanyakan - mungkin hampir semua - bangunan tadika di kawasan saya menggunakan peruntukan MRP daripada membeli tanah sehinggalah membina bangunan kecuali mungkin bayaran gaji guru dan peralatan mengajar. Yang lain-lain semua daripada wakil rakyat. Jadi dengan peruntukan RM80 juta ini jadi saya ingin tahu berapakah yang akan diperuntukkan untuk kawasan saya khususnya dan amnya di Sarawak, hanya untuk bangunan baru ataupun untuk baik pulih.

Kemudian saya juga ingin melihat buku Bajet ini, Laporan Prestasi Aktiviti, saya lihat ada perangkaan yang kalau boleh minta penjelasan, mengikut buku ini (muka surat 263), bilangan prasekolah yang dikelolakan untuk tahun hadapan dianggarkan 8,000 buah. Pada tahun 2003, 8,725. Jadi saya ingin penjelasan, mengapa kurang? Adakah sekolah ini ditutup, ataupun ...? Tidak tahu apa sebabnya, tetapi mengikut perangkaan ini, ia kurang dari yang sepatutnya. 8,000 sahaja.

Saya ingin bertanya tentang dan saya pernah mencadangkan supaya diwujudkan tadika berpusat iaitu mengubah cara tadika tradisional, KEMAS kepada sesuatu yang moden dan baru supaya kampung-kampung berdekatan, yang *accessible by road*, dengan izin, dapat disatukan, bersekolah di satu pusat seperti sekolah rendah. Dengan begitu kita dapat memberikan kemudahan yang lebih banyak dan juga guru-guru tidak akan merasa kesunyian, dapatlah mereka bertukar-tukar fikiran. Saya telah mencadangkan untuk Kampung Gedung. Saya telah menulis surat dua tiga kali. Jadi saya ingin mendapat jawapan perkembangan terkini terhadap cadangan saya itu.

Kemudian Butiran 00500 - Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat. Saya juga ingin mendapat penjelasan dari segi perangkaan. Kalau kita lihat dalam bajet ini pada tahun 2004 diperuntukkan RM42 juta lebih, tetapi dalam laporan ini dinyatakan, peruntukan bagi tahun 2001 hingga 2005 hanya RM17 juta. Jadi bagaimana tahun hadapan 2004 dapat begitu banyak, RM42 juta? Padahal peruntukan yang diluluskan untuk 2001 dan 2005 cuma RM17 juta [Disampuk]. Tidak tahulah. Dan perbelanjaan sebenar bagi 2001 dan 2002 ialah RM14,836,169. Pada 2003, sebanyak RM2 juta.

Jadi saya ingin bertanya dengan peruntukan sebegitu banyak - RM42 juta - berapa buakkah pusat kegiatan kemajuan masyarakat yang telah dibina pada tahun 2001 dan 2003

dan berapa pula yang akan dibina pada tahun 2004. Dan kalau ada, berapa buah untuk kawasan saya? Apakah aktiviti atau projek pusat kegiatan kemajuan masyarakat ini? Setakat ini apa yang saya tahu kita kaitkan KEMAS dengan tadika. Saya rasa aktiviti ekonomi amat sedikit kalau di kawasan saya, jadi saya ingin mendapat penjelasan.

Kemudian Butiran 020300 dan 00200 - Pembangunan Desa Dan Gerakan Masyarakat. Sekali lagi saya merujuk kepada Laporan Prestasi Aktiviti dan saya ingin mendapat penjelasan. Kalau kita lihat peruntukan yang diberikan, RM1 juta lebih - RM1.8 juta. Kalau mengikut laporan prestasi aktiviti dalam buku ini, bilangan kampung Gerak Desa Wawasan atau Gerak Daya Wawasan sekarang ini, bilangan kampung pada tahun 2002 sebanyak 2,600, 2003 - 3,000, 2004 - 3,500. Bilangan Konvensyen Gerak Desa Wawasan - terutama ini, saya hendak tanya - bilangan konvensyen, mungkin saya salah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak salah!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Puan Sukinam Domo: Ada gangguan, Dato'.... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar Menteri yang membetulkan.

Puan Sukinam Domo: Bilangan Konvensyen Gerak Desa Wawasan mengikut buku ini ialah, tahun 2002 - 2,800, tahun 2003 - 3,000, tahun 2004 - 3,000. Banyakkah konvensyen yang diadakan? *[Disampuk]* Ini konvensyen. Sudah sampai 3,000? Kemudian bilangan pertandingan Desa Cemerlang. Tahun 2002 - 2,800, tahun 2003 - 3,000, tahun 2004 - 3,500, bilangan pertandingan. Kemudian bilangan Program Mesra Kembara begitu juga.

Jadi saya ingin, mungkin saya salah tafsir ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa macam salah?

Puan Sukinam Domo: ... perangkaan ini. Jadi saya ingin mendapat penjelasan adakah memang begitu banyak konvensyen diadakan, begitu juga pertandingan dengan peruntukan yang ada cuma RM1 juta lebih. Jadi saya ingin mendapat penjelasan.

Kemudian Pendidikan Masyarakat, 020400 diperuntukkan RM6 juta lebih, begitu juga kalau kita lihat dari segi perangkaan dalam buku laporan prestasi ini. Nampak mungkin ada sesuatu yang tidak kena ataupun saya yang keliru.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eeh? *[Ketawa]*

Puan Sukinam Domo: Minta penjelasan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Aaah!

Puan Sukinam Domo: Dari tadi saya sudah kata minta penjelasan! Bila hendak aktiviti tambahan secara pakej untuk UPSR, PMR dan SPM, tahun 2002 - 4,500, tahun 2003 - 5,000, tahun 2004 - 6,000. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sebab tidak tahulah masuk akal atau tidak 6,000 pakej seperti ini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah!

Puan Sukinam Domo: Saya ingin mendapat penjelasan kerana ini pembangunan luar bandar. Saya ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Kalau benar, syukur alhamdulillah, bermakna kita akan mendapat masyarakat yang begitu berpendidikan dan banyak maklumat dan mungkin mereka dapat memajukan masyarakat mereka sendiri kerana kalau hanya bergantung kepada kerajaan, tidak juga, masyarakat sendiri perlu membantu.

Seterusnya saya juga ingin menarik perhatian tentang perbekalan elektrik luar bandar. Kita diberitahu bekalan elektrik luar bandar khususnya lampu jalan kampung, setiap kampung ada sepuluh. Tetapi apa yang difahamkan, saya dilaporkan oleh orang kampung, tidak sampai sepuluh, ada yang enam, ada yang tujuh dan yang paling saya rasa

menyedihkan ialah kita yang memohon tetapi kita tidak tahu kampung mana yang diluluskan dan berapa yang diluluskan. Ini, saya rasa, perkara yang tidak baik. Sepatutnya kita diberitahu kelulusan itu dan mengapa kampung ini tidak dibekalkan sepuluh, cuma sedikit sahaja.

Begitu juga jalan kampung walaupun tadi saya telah mengatakan memang sudah banyak tetapi kita memang perlukan banyak lagi sebenarnya kerana Sarawak ini besar, masih jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan Semenanjung, jadi kita perlukan banyak. Saya juga ingin menyentuh tentang pengumuman Yang Berhormat Menteri sendiri berhubung dengan IT iaitu membekalkan pengkomputeran di sekolah tadika pada tahun hadapan agar semua sekolah tadika

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat sudah habis.

Puan Sukinam Domo: Ya, semua sekolah tadika. Saya rasa amat mustahil kalau pada tahun hadapan semua sekolah tadika akan dibekalkan dengan komputer. Walau bagaimanapun, mungkin kementerian mempunyai cukup kewangan untuk membekalkan semua sekolah dan membekalkan juga bekalan elektrik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Sukinam Domo: Kalau betul, kita ucapkan terima kasih. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Tampin dahulu.

4.40 ptg.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa di bawah Kepala B.22 Butiran 060000 – Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bercakap sedikit dan mendapat beberapa penjelasan dari pihak kementerian berhubung dengan program tanam semula getah dan kelapa sawit. Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak RISDA kerana membantu pekebun-pekebun kecil dalam menanam semula tanaman mereka. Cuma yang saya ingin bangkitkan adalah dari segi penanaman, sama ada getah ataupun kelapa sawit. Kadang-kadang di sesetengah tempat itu dibenarkan tanaman getah tetapi bila sudah tunggu terlalu lama, benih tidak dapat, dia kata, “tanam kelapa sawit pun tidak mengapa”. Itu yang berlaku.

Sebagai contoh di Tampin, saya menghadapi masalah yang mana bekalan benih bagi getah ini amat berkurangan. Setakat hari ini, kalau tidak silap saya, hampir 150,000 benih getah masih belum lagi disampaikan oleh pihak RISDA kepada masyarakat di kawasan Tampin. Yang sedihnya, kawasan kebun ini telah siap sedia untuk ditanam kerana sudah dua tahun keadaannya terang, bersih dan sedia untuk ditanam dengan benih getah. Malangnya RISDA memberi jawapan bahawa benih tidak mencukupi pada masa ini dan kalau boleh, dia kata, pekebun kecil carilah sendiri benih-benih ini. “Kalau dapat, tanamlah”. Saya bimbang, Tuan Pengerusi, benih yang dicari oleh pekebun-pekebun kecil ini nanti tidak bermutu. Nanti setelah dijaga dengan baik, rapi, dibaja, nampak daunnya segar, pokoknya gemuk tetapi susunya nanti tidak ada. Itu yang malang nanti – badan gemuk, besar tetapi susunya tidak ada.

Jadi, saya mintalah kepada RISDA, dalam perkara ini supaya mengambil perhatian agar benih-benih yang hendak dibekalkan kepada pekebun-pekebun kecil hendaklah dari benih-benih yang bermutu tinggi kerana bila sudah membesar lima enam tahun baru hendak sedar susu tidak ada, susah. Ini malang kepada pekebun-pekebun kecil ini.

Saya juga difahamkan, saya hendak tahu ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Raden: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mengenai apa Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Raden: Mengenai susu. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Pokok getah jangan sebut gemuk, sebut besar, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Raden: [Ketawa] Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga mendapat maklumat bahawa RISDA sekarang hendak *diversify* usahanya. Sedangkan perusahaan getah ini pun dia belum boleh dapat selesaikan masalahnya, dia hendak jual pula insurans. Jadi tidak tahulah kalau Yang Berhormat *aware* perkara ini. Bagaimana RISDA boleh *divert* perniagaannya daripada menjaga susu getah kepada insurans pula? [Ketawa]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya tidak berapa pasti tetapi di tempat saya di Negeri Sembilan, saya pernah dengar beberapa orang pegawai RISDA diminta hadir kursus menjual insurans *Protec* untuk kakitangan RISDA pada waktu pejabat. Saya tidak tahu *Protec* ini milik RISDA ataupun milik persendirian tetapi beberapa orang pegawai telah diminta hadir bagi menjalani kursus untuk menjual insurans daripada *Protec* ini.

Selain daripada itu, saya juga difahamkan RISDA membabitkan diri dalam perusahaan memelihara ikan perhiasan untuk mencari untung. Baguslah kalau RISDA bercita-cita untuk menambahkan pendapatan, tetapi dalam masa yang sama RISDA harus ingat tanggungjawab utama mereka adalah untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil, khususnya mereka yang menanam getah dan kelapa sawit. Ini penting.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, saya lihat hari ini RISDA seolah-olah kadang-kadang bersaing-saing hendak membeli kayu getah bersama-sama dengan tauke-tauke yang mengusahakan kayu getah ini. RISDA menjalankan perusahaan ini melalui anak syarikatnya, Swing - kalau tidak silap saya - berebut-rebut jumpa dengan pekebun kecil, "Sila jual dengan kami, harganya lebih kurang RM700 seekar." Kalau hendak jual dengan pengusaha-pengusaha kayu, harganya mungkin lebih – RM1200 – RM1300, tetapi cara RISDA kata, "Kalau hendak mudah dapat bantuan, jual dengan kita sendiri supaya kita boleh bantu". Ini cara yang tidak baik sebenarnya. Sepatutnya RISDA menyerahkan kepada pekebun kecil kepada siapa mereka hendak jual. Yang pentingnya, pekebun-pekebun kecil ini mendapat untung.

Saya lihat sebagai contoh, di Negeri Sembilan baru-baru ini, saya difahamkan ada sebuah kilang yang diusahakan oleh syarikat Swing ini untuk membuat perusahaan kayu getah. Apalah maknanya bagi RISDA kalau mereka mencari keuntungan dalam perusahaan-perusahaan yang sebegini? Alangkah lebih baiknya kalau RISDA boleh menggunakan Koperasi Pekebun-pekebun Kecil, kalau perniagaan itu baik, untuk membantu meningkatkan lagi pendapatan pekebun-pekebun kecil.? Ini adalah pandangan saya berhubung dengan RISDA.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Kepala P.22 Butiran 02400 – Pemodelan Kampung dan juga Kepala P.22 Butiran 02503 – Pembangunan Perusahaan Luar Bandar. Pembangunan luar bandar ini, Tuan Pengerusi, serupa juga dengan Kementerian Pertanian, yang mana cuba memperkenalkan konsep Satu Kampung Satu Produk. Itu yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan Belanjawan tetapi mengikut pihak kementerian, dia sudah tukar kepada konsep Satu Kampung Satu Daerah. Tidak kisahlah tetapi setakat hari ini saya difahamkan hanya lima enam daerah yang telah dikenal pasti. Tetapi mengikut sahabat-sahabat saya termasuk Yang Berhormat bagi Sri Gading, dia kata kebanyakan produk itu sudah lama ada.

Macam labu sayung, katanya, kalau tidak ada pun Kementerian Pembangunan Luar Bandar perkenalkan, produk itu sudah ada.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Nenek-nenek!

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Pada zaman nenek-nenek kita dahulu pun sudah ada. Kalau boleh carilah produk-produk lain yang boleh membantu masyarakat luar bandar. Dalam masa yang sama juga penekanan harus diberikan kepada usaha pemasaran. Walau sebaik mana sekali pun yang kita buat tetapi kalau gagal dari segi pemasaran, percayalah produk ini tidak akan berjaya.

Dahulu pernah saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata dia hendak cuba memasarkan di KLCC. Alhamdulillah, tempat yang begitu baik tetapi sama ada sesuai atau tidak tempat ini untuk memasarkan produk ini di KLCC, saya tidak tahu. Bagaimana harganya nanti bila dipasarkan? Tetapi kalau hanya setakat untuk menjadi pusat pameran pertunjukan, ia memanglah sesuai. Saya yakin kementerian ini mempunyai cadangan tersendiri tentang bagaimana untuk memasarkan produk-produk luar bandar ini.

Jadi Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk bercakap panjang, saya ucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menyatakan beberapa perkara berhubung dengan kementerian ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Yang Berhormat Sepang.

4.46 ptg.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pendek sahaja. Saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Jabatan Hal Ehwal Orang Asli iaitu kesihatan dan perubatan. Saya ingin mengetahui adakah masyarakat Orang Asli juga terlibat dengan masalah penyakit AIDS dan amalan-amalan yang mencetuskan masalah seperti penagihan dadah, pelacuran, homoseks serta pemindahan darah *[Disampuk]* ... apa tu?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruslah, Yang Berhormat!

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: ... yang dijangkiti virus HIV.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Buat tidak tahu sahaja Yang Berhormat! Teruslah!

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Bagaimanakah ... *[Disampuk]* Gangguan, Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Buat diam sahaja!

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Bagaimanakah peratusan Orang Asli dalam masalah penagihan dadah? Saya difahamkan jumlah keseluruhan penagih yang berulang di Malaysia ialah seramai 31,893 orang. Ini kerana berdasarkan kepada laporan media, kita dapati bahawa masalah penagihan dadah dan arak tidak terkecuali daripada melibatkan masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian tentang sejauh manakah masyarakat Orang Asli ini diberikan penerangan berkaitan dengan masalah AIDS dan punca-punca jangkitan?

Kita juga berharap agar Orang-orang Asli yang berada di hujung kampung dan jauh ini dapatlah diberikan penerangan yang sebaiknya. Ini memandangkan bahawa latar belakang pendidikan mereka kebanyakannya adalah kurang, dan mungkin juga tahap pendedahan mereka tentang kesihatan, terutamanya AIDS, tidak begitu jelas. Oleh yang demikian, saya berharap pertubuhan-pertubuhan NGO, Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dapat memberi penerangan yang berkesan kepada wanita-wanita agar tidak menjadi mangsa AIDS akibat suami mereka yang mungkin dijangkiti AIDS.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 01000 – Jabatan Orang Asli. Kita berharap agar Jabatan Orang Asli juga turut meminta kerjasama daripada Jabatan Agama Islam

Negeri dan juga badan-badan agama bagi mempergiatkan usaha memberi pendidikan agama kepada masyarakat Orang Asli. Ini kerana kita dapati bahawa sesetengah masyarakat Orang Asli ini masih kurang pengetahuan agama dan mungkin keliru dengan ajaran Islam. Dalam dunia yang semakin moden ini, kita berharap kepercayaan kepada unsur-unsur semula jadi tidak berulang lagi. Ini dapat dilihat dalam kes Orang Asli Bukit Seraya, Selandar, Melaka, pada bulan Julai lalu, yang menyembelih ibunya untuk tujuan menyembuhkan penyakit ibunya. Ini merupakan tindakan yang menunjukkan kurangnya pendidikan dan kebenaran agama. Oleh yang demikian, kita berharap agar pertumbuhan agama mendekati masyarakat ini agar mereka mendapat cahaya kebenaran. Kita berharap masyarakat Orang Asli yang telah menganut agama Islam juga didekati oleh pendakwah agar mereka tidak kembali murtad.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 01707 – Pemasangan, Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Usaha pemasangan lampu ini wajar diperluaskan terutama di kawasan-kawasan yang tersorok di hujung kampung, dan juga kawasan pertanian, seperti ladang kelapa sawit dan getah dengan jarak yang agak sesuai. Ini kerana kawasan yang suram ini sering dijadikan tempat pemujaan nombor ekor, mencuri getah sekerap dan mungkin juga kes-kes rogol dan pembunuhan yang sering dipaparkan di dalam media massa. Kita berharap agar dengan pemasangan lampu di kawasan-kawasan tersorok ini akan menjadikan suasana lebih ceria dan tidak menakutkan, terutama bagi gadis-gadis kampung yang bekerja di kilang dan pulang lewat malam atau dinihari.

Kita dapati bahawa kes-kes pembunuhan, rogol dan sebagainya berlaku di kawasan yang gelap dan tersembunyi. Berdasarkan laporan Bukit Aman, kita dapati kes bunuh bakar semakin meningkat dengan angka 11 kes pada enam bulan pertama berbanding dengan hanya 4 kes sepanjang tahun lalu. Kejadian bunuh bakar ini banyak dilaporkan di kawasan gelap seperti kebun getah, tanah perkuburan, tempat *parking* kereta dan seumpamanya.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Tanjong.

4.51 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 010000 – Ibu Pejabat Kementerian, 020000 – Jabatan Kemajuan Masyarakat dan juga 01704 – Estet-estet.

Tuan Pengerusi, pada awal tahun 2003, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dari Parti MIC telah mengumumkan kementerannya akan menganjurkan seminar untuk meningkatkan tahap kesedaran rakyat Malaysia keturunan India mengenai pelbagai program kerajaan yang dibentuk untuk membantu mereka. Beliau berkata kekurangan kesedaran ini telah membantut usaha kementerian untuk melaksanakan program-program seperti pembasmian kemiskinan, pembangunan infrastruktur, program prasekolah dan lain-lain untuk membantu masyarakat India.

Timbalan Menteri juga menjelaskan program-program kementerian adalah untuk membantu kesemua kaum. Beliau menambah, kementerian merasa tersinggung kerana peranan mereka telah disalah sangka oleh ramai orang yang fikir kementerian itu hanya menyediakan program-program kepada satu kaum tertentu sahaja. Beliau berharap boleh dapat maklum balas dari akar umbi supaya data bank mengenai keperluan dan masalah yang dihadapi oleh orang India boleh dikemaskinikan.

Saya merasa kecewa bahawa kementerian ini telah menggunakan alasan tidak cukup maklumat sebab masalah yang dihadapi oleh kaum India adalah amat jelas sekali. Sebagai satu contoh, Tuan Pengerusi, Ahli Exco Negeri Sembilan dari Parti MIC telah menyatakan lebih daripada 3,000 orang dari kaum India yang bekerja di sembilan puluh buah estet di Negeri Sembilan hidup di bawah paras kemiskinan dan gaji bulanan mereka hanya di antara RM250 dan RM300 sahaja.

Saya ingin tahu berapa orang miskin daripada kaum India telah menerima bantuan dari Amanah Ikhtiar Malaysia dan dalam Bajet 2004, saya perhatikan tidak ada peruntukan langsung diberikan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia. Bukankah ini bermakna walaupun sedikit bantuan yang dinikmati oleh kaum India pun tidak ada lagi kerana tidak ada peruntukan.

Tuan Pengerusi, pemimpin-pemimpin MIC sendiri pun telah mengaku bahawa kaum India menghadapi masalah yang amat genting sehingga majalah *TIMES* dan *ASTRO* telah menerbitkan rencana yang menyifatkan kaum India sebagai dengan izin, *disgruntled underclass* yang tidak menerima banyak faedah semenjak pelaksanaan DEB. Rakyat keturunan India berjumlah 1.8 juta atau 8% dari jumlah penduduk negara ini tetapi mereka hanya dapat 1.5% dari kekayaan korporat negara berbanding 19.4% bagi orang Melayu dan 38.5% bagi orang Cina.

Kaum India juga menghadapi pelbagai masalah sosial seperti mempunyai kadar membunuh diri yang paling tinggi, penglibatan mereka dalam jenayah juga amat tinggi menurut Profesor Sains Politik, Dr. P. Ramasamy.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada pembatalan rancangan "*Indian Underclass*" oleh *ASTRO* pada 28 September ini. Rancangan tersebut memaparkan kehidupan kaum India Malaysia sebagai meleset, jauh di belakang kaum-kaum utama lain dalam saingan mencapai...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Di bawah Kepala berapa Yang Berhormat bercakap ini?

Tuan Chow Kon Yeow: ...kemajuan dan masyarakat, khususnya orang India. Luar bandarlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada Kepalanya?

Tuan Chow Kon Yeow: Pembatalan rancangan berkenaan telah menimbulkan kekecewaan... sebab Timbalan Menteri pun kata hendak dapat maklum balas dari orang India dan usaha terbantut kerana tahap kesedaran amat rendah. Jadi, saya ingin mengutarakan masalah yang dihadapi oleh kaum India ini.

Dengan pembatalan rancangan berkenaan telah menimbulkan kekecewaan di kalangan masyarakat India serta rakyat Malaysia lain yang prihatin. *ASTRO* sepatutnya meneruskan dengan siaran rancangan tersebut memandangkan ia dapat menyedarkan warga Malaysia tentang situasi sebenar masyarakat India di negara ini.

Satu dokumen dalaman MIC pada tahun 2000 telah membuat pengakuan bahawa masyarakat India masih tidak mempunyai keupayaan politik atau ekonomi dan sumber-sumber lain untuk melepaskan diri daripada perangkap kemiskinan mereka dan bahawa seandainya masalah-masalah yang dihadapi mereka tidak diatasi, mereka sudah pasti akan menjadi masyarakat yang betul-betul tercicir.

Berikutan daripada pendedahan ini, saya rasa kerajaan haruslah sedar dan mengambil langkah-langkah konkrit untuk merumuskan satu pelan tindakan untuk membangunkan kaum India supaya tidak tercicir dalam arus kemajuan. Kerajaan tidak boleh terus menutup sebelah mata terhadap situasi sosial dan ekonomi masyarakat India di negara kita dan membiarkan ketidaksamaan dan kepincangan ini berterusan.

Kalau kementerian kata tidak ada maklumat mengenai masalah kaum India, pernahkah kementerian ambil tahu tentang rayuan-rayuan daripada pekerja estet yang kebanyakannya terdiri daripada kaum India? Misalnya, Support Committee For Plantation Workers, dengan izin, telah banyak kali mengemukakan kepahitan kaum pekerja estet yang termasuk pekerja estet diabaikan dan diperas. Pekerja estet perlu mengambil kerja tambahan untuk menyara hidup.

30% daripada tempat duduk pekerja estet gagal memenuhi piawaian perumahan yang minimum. Hanya 30% daripada estet dibekalkan dengan air. Cuma tiga orang doktor bagi 300,000 penduduk estet. Struktur gaji masih ketinggalan zaman, tidak ada gaji bulanan, tidak ada bonus dan tidak ada tambahan gaji tahunan.

Sekolah-sekolah di estet tidak dibiayai penuh oleh kerajaan. Kemudahan kesihatan yang tidak memuaskan dan apabila estet-estet ini dijual, pekerja-pekerja estet diberhentikan dengan tidak ada pampasan dan kemudahan rumah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya bahawa masalah orang-orang India kita ini dan juga masalah orang-orang di estet telah pun diperjuangkan oleh Parti MIC, saya rasalah. *[Disampuk]* Jadi, saya rasa MIC lebih bertanggungjawab dan berjasa daripada DAP dalam memperjuangkan orang-orang India ini. Bersetuju atau tidak, Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow: Baiklah, baiklah, saya bersetuju. Nampaknya tidak ada wakil MIC di sini pun.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau MIC memperjuangkan, takkanlah selepas 50 tahun kongsi kuasa, cuma dapat menguasai 1.5% kekayaan sahaja? *[Disampuk]* Ini dahsyat sekali, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Puan Chong Eng: Semakin lama semakin jauh.

Tuan Chow Kon Yeow: Jadi, saya ingin menyatakan bahawa masalah-masalah seperti di atas telah menjadi kenyataan umum dan kementerian tidak boleh kata ia tidak ada maklum balas seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri dari MIC sendiri.

Sebenarnya kementerian masih belum mendengar suara-suara pahit daripada golongan yang merasa mereka dipinggirkan dari arus pembangunan. Keterpinggiran kaum India dalam bidang sosioekonomi, pendidikan, budaya dan politik bukan semata-mata masalah kaum India sahaja tetapi perlu dilihat sebagai masalah negara.

Jadi, saya menyeru pihak kerajaan, khususnya kementerian-kementerian yang bertanggungjawab menggubal strategi khusus untuk membantu kaum India yang miskin dan terpinggir dan membolehkan mereka menikmati faedah pembangunan negara seperti mana yang dinikmati oleh lain-lain masyarakat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Tebrau.

5.00 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Maksud B.22 dan juga P.22. Saya ada dua tiga perkara hendak dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertama dari segi pendidikan masyarakat, kita berterima kasih dan tahniah kepada kementerian yang mengadakan kelas tabika, kelas tadika di kawasan-kawasan terutamanya di luar bandar, cuma saya tidak tahu sama ada pihak kementerian boleh menimbangkan balik hendak mewujudkan satu kelas lain khusus sahaja maknanya dalam satu bidang iaitu kelas tadika atau tabika pengajian Al-Quran dan Muqaddam sahaja khusus dalam bahagian tersebut, kerana kita tahu oleh sebab masalah ini amat penting sekali kepada penduduk sama ada dalam bandar atau luar bandar.

Maka kelas Al-Quran dan Muqaddam diadakan oleh pihak kementerian dalam masa 1 jam atau 2 jam, memberi peluang kepada ibu bapa yang mungkin tidak ada masa untuk menghantar anak kepada guru-guru Al-Quran dan Muqaddam, tetapi kementerian boleh memainkan peranan dalam bidang ini. Saya ingat kementerian tidak rugi kalau mengadakan kelas ini, di samping yang ada ini jalan perkara baik, tetapi yang ini khusus kita berikan didikan awalan kepada anak-anak ini dalam pelajaran Al-Quran dan juga

Muqaddam supaya anak-anak ini nanti bila sudah pergi ke sekolah menengah masuk asrama, maknanya dalam bidang pengajian ini sudah ada pada dirinya. Jadi, saya berharap kementerian dapat menimbangkan untuk mewujudkan kelas Al-Quran dan juga Muqaddam kepada anak-anak kita sekalian.

Yang kedua, berhubung dengan penyelenggaraan lampu jalan dan juga pemasangan. Lampu jalan kampung - 01700, peruntukan ini tidak banyak saya ingat, ini disebabkan memohon lampu jalan di kampung-kampung payah. Ia berbeza dengan dalam bandar, dalam bandar kita memohon sekejap boleh dapat. Ini maknanya MPJBkah, Majlis Daerahkah, Majlis Perbandaran, ia ada peruntukan dia boleh mengeluarkan segera. Tetapi lampu jalan dalam kampung ini payah untuk mendapatnya kerana masalah peruntukan.

Jadi, saya dapat lihat ada peruntukan yang diberikan ini kalau boleh kementerian memberikan sedikit peruntukan menimbangkan untuk melebihi peruntukan dipemasangan api jalan-jalan kampung yang di luar bandar, yang di luar bidang kuasa Pihak Berkuasa Majlis Tempatan. Sebab dalam mesyuarat pembangunan daerah selalu payah hendak mendapat peruntukan lampu jalan. Bila kita meminta lampu jalan siapa hendak membayar bil, betul juga ya! Kalau di dalam bandar senang, kalau masuk MPJB boleh bayar atau Majlis Daerah boleh bayar, tetapi luar bandar payah hendak mendapat pemasangan ini.

Jadi, saya berharap kementerian, kerana sekarang di kampung-kampung ini pun banyak jalan dalam bandar termasuk kawasan saya di Nam Heng, di Sungai Redan, sebab kawasan Tebrau ini dia berbeza dengan kawasan lain. Saya dalam bandar, luar bandar, tengah bandar pun ada terlibat dalam penguasaan kawasan itu ya. Begitu juga bekalan api dan air dan jalan saya minta menimbangkan juga sedikit ada yang perlu dibuat di kawasan luar bandar termasuk yang saya sebutkan tadi di kawasan Nam Heng, di kawasan Air Putih di kawasan saya. Ini saya sebutlah supaya kementerian kalau dapat mendengar bunyi kampung itu jadilah. Jadi, dia boleh mengambil tindakan segera. Ya.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya, belum, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Gulung?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Allah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Macam tidak bercakap sudah habis masa.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Teruskan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh! teruskan. Ok, dia ganggu dua orang ini Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal bandar raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab itulah. Jangan kacau Yang Berhormat, Jangan kacau Tebrau hendak bercakap Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha! Sudah sampai ke mana saya hendak mencari ini.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Jadi, oklah Tuan Pengerusi, seorang sergah, seorang kacau tetapi saya hendak menyatakan tiga tajuk tadi. Mewujudkan kelas Muqaddam, kedua bekalan api, air dan jalan, selepas itu lampu di kawasan-kawasan kampung yang payah hendak mendapat peruntukan. Jadi Tuan Pengerusi terima kasih banyak, lain kali jangan lupa saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Bukit Mas.

5.05 ptg.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya ingin mengambil peluang ini menyampaikan tahniah dan ucapan terima kasih khusus kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana membawa perubahan secara fizikal ke kawasan luar bandar termasuk dalam kawasan Parlimen saya di Bukit Mas. Kampung-kampung yang dahulu tidak mempunyai jalan, api elektrik melalui gred dan air mulai merasa selesa kerana dapat menikmati kemudahan tersebut. Selain itu kawasan jalan kampung juga diterangi cahaya lampu di bawah program lampu jalan kampung.

Sehubungan ini saya menyeru kepada pihak kementerian supaya mempercepatkan lagi proses pelaksanaan bekalan elektrik ke kampung-kampung yang belum menerima kemudahan ini khasnya di kawasan Parlimen Bukit Mas.

Tuan Pengerusi di bawah tajuk yang sama 01700 - Bekalan Elektrik Luar Bandar. Terdapat sedikit masalah di mana bekalan elektrik ke rumah-rumah mereka yang tidak disenaraikan dalam senarai asal iaitu semasa permohonan dibuat, contoh mereka yang mendirikan rumah baru lambat dilaksanakan kerana terpaksa menunggu kelulusan dari pihak atasan. Memandangkan bilangan permintaan seperti ini tidak ramai dan berlanjutan selagi ada pembinaan rumah-rumah baru.

Saya mencadangkan supaya pihak kementerian menurunkan kuasa kepada pihak jawatankuasa di peringkat daerah untuk memberi pertimbangan serta meluluskan permintaan seperti ini supaya mereka tidak menunggu lama.

Di bawah Butiran 01707 – Pemasangan/Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Rakyat benar-benar berterima kasih kepada kerajaan dan pihak kementerian di atas pemasangan lampu jalan kampung sebanyak 10 unit bagi setiap kampung.

Tuan Pengerusi, bilangan ini tidak mencukupi bagi kampung yang besar. Oleh yang demikian, saya meminta agar kerajaan menambahkan bilangan lampu jalan untuk kampung-kampung yang besar dari 10 ke-15 hingga 20 unit bergantung dengan keadaan.

Butiran 00400 - Pendidikan Prasekolah. Lazimnya kemudahan prasekolah disediakan di sekolah kerajaan *the missing gap*, dengan izin ialah di kampung-kampung di mana bilangan anak-anak di bawah umur ramai dan tidak dapat menikmati kemudahan yang disediakan di tempat-tempat tertentu disebabkan oleh masalah perhubungan.

Oleh itu saya meminta pihak KEMAS menubuhkan prasekolah di kawasan seperti ini. Sehubungan ini saya mohon kepada kementerian supaya menubuhkan sebuah prasekolah di kampung Long Tuan dalam daerah Lawas yang telah dikenal pasti dan dirujuk kepada pihak kementerian untuk mendapat kelulusan.

Akhirnya Tuan Pengerusi Butiran 020300 - Pembangunan Desa. Selaras dengan wawasan kerajaan untuk membangunkan kawasan desa perlu diadakan *master plan* bagi setiap kawasan atau kampung yang hendak dibangunkan. Ini akan meliputi kemudahan-kemudahan infrastruktur, bangunan pejabat dan perkhidmatan.

Sehubungan ini saya ingin bertanya sama ada kerajaan melalui KPLB yang akan bertanggungjawab ke atas pelaksanaannya, projek-projek di bawah cadangan seperti ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

5.10 ptg.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin teruskan dalam Butiran 020300 iaitu Pembangunan Ekonomi Desa dan khususnya kepada 02503 iaitu Pembangunan Perusahaan Luar Bandar. Hari ini kita tahu kerajaan telah mengisytiharkan bahawa projek "Satu kampung satu produk" ditukar kepada "Satu produk satu daerah" yang diumumkan oleh Setiausaha Parlimen tempoh hari. Dan sebagaimana yang dinyatakan bahawa kita lihat KPLB yang baru-baru ini menyenaraikan hanya enam kampung sahaja yang terlibat dengan projek ini ataupun produk-produk ini.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian kerana ini adalah satu perkara yang lama, bukan perkara baru. Industri kampung ataupun "Satu produk satu daerah" ini sudah lama dilaksanakan melalui Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) di mana kita lihat di PERDA, KEDA, KESEDAR, KEJORA dan KETENGAH umpamanya masing-masing Lembaga Kemajuan Wilayah mempunyai bahagian masing-masing di dalam membangunkan sektor untuk menambahkan pendapatan kepada terutama sekali di kalangan peneroka ataupun masyarakat luar bandar yang meliputi kawasan jajahan ataupun lembaga kemajuan masing-masing.

Saya ingin mendapat penjelasan umpamanya apa yang telah berlaku kepada produk-produk yang dibuat oleh KEDA sebelum ini. Kita tahu KEDA umpamanya telah menghantar pegawai-pegawainya pergi ke Korea, pergi ke Jepun mengikuti kursus dan melihat sendiri projek Samuel Undong misalnya dan membawa balik konsep tersebut ke Malaysia. Dan kita lihat umpamanya terdapat pembuatan rotan, buloh yang memakan belanja berjuta-juta ringgit dahulunya tetapi projek itu yang dikendalikan oleh kerajaan melalui sebuah lembaga, melalui pegawai-pegawai yang terlatih, kita lihat projek-projek itu akhirnya berkubu, sudah mati.

Begitulah kita dapat tahu dengan kawasan-kawasan lain umpamanya KESEDAR terdapat projek-projek rotan, anyaman dan kraftangan. PERDA umpamanya jus, walaupun tidak dikhususkan kepada kampung tetapi jus minuman. Hari ini saya lihat jus minuman yang dikeluarkan oleh PERDA tidak lagi menguasai pasaran ataupun terdapat dalam *supermarket* di seluruh negara kita. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan apakah kepercayaan ataupun yang dirancang oleh kerajaan dengan memberikan kredit mikro ini dengan tujuan untuk meningkatkan lagi usaha ataupun pendapatan orang-orang kampung, penduduk-penduduk kampung. Kita lihat umpamanya hasrat kerajaan untuk memberi peluang kepada petani untuk menggunakan masa lapang bagi menambahkan pendapatan, memberi masa lapang bekerja dan menambahkan pendapatan.

Saya rasa kalau inilah dilaksanakan, sekali lagi projek ini akan berkubur kerana kalau kita hendak berniaga (*business*), kalau buat dalam masa lapang dengan memberikan peruntukan yang begitu besar, RM1 bilion yang diumumkan oleh kerajaan dan melalui BPM dan juga BSN umpamanya. Ini hendaklah dikendalikan dengan pegawai yang cukup terlatih, tetapi malangnya saya mendengar orang yang diamanahkan untuk menyalurkan kredit ini ialah JKK ataupun JKKR. Apakah kelebihan JKKR ataupun JKK kerana kita tahu bila saluran-saluran ini melalui JKK ataupun JKKR sudah tentu ia akan melibatkan parti-parti politik. Inilah barangkali yang dinyatakan oleh Rantau Panjang - penyalahgunaan kuasa. Apabila kuasa diberi kepada orang yang tidak tahu menilai kewangan sebenar, maka dia akan memberi projek-projek ini kepada anak buahnya yang memihak kepadanya.

Saya ingin mendapat penjelasan juga mengenai dengan kredit mikro ini. Umpamanya syarat-syarat yang dikenakan kepada masyarakat luar bandar yang ingin mendapatkan program atau pinjaman ini. Saya mendapat maklum bahawa pemberian ataupun pinjaman ini memerlukan pendaftaran syarikat, memerlukan sebuah syarikat, memerlukan syarikat yang berdaftar ataupun sekurang-kurangnya perniagaan itu berdaftar ataupun memerlukan slip gaji. Jadi, sayangnya kalau kita lihat tujuan sebenar kerajaan menyediakan peruntukan yang begitu besar adalah untuk menyalurkan ataupun membantu masyarakat luar bandar dalam menambahkan pendapatan, tetapi kalau kita menetapkan syarat-syarat yang ketat, saya rasa perkara ini tidak tercapai.

Sebab itulah BSN satu ketika dahulu apabila dia buka peluang ini melalui kredit mikro ini, yang mendapatnya ialah di kalangan guru-guru kerana guru-guru ada mempunyai

slip gaji, mempunyai pendapatan yang tetap dan melayakkan mereka. Tetapi kalau orang kampung yang hendak pelihara itek, ayam, hendak ternak lembu, kerbau mana dia ada slip gaji, mana dia ada buka pendaftaran perniagaan. Takkan perkara-perkara ini untuk membantu dia dengan peruntukan sebanyak RM10,000 ataupun sehinggakan RM20,000. Dia memerlukan pendaftaran, memerlukan cagaran dan sebagainya. Saya rasa memadailah dengan kita memberi syarat-syarat, umpamanya dia tunjukkan geran tanah diakah, pendapatan anak isterinya yang bekerja sebagai penjamin kepadanya, tidak perlu dia mendaftarkan diri sebagai sebuah syarikat.

Seterusnya dari segi pemasaran, sebagaimana yang dikatakan tadi oleh sahabat saya dari Tampin, kita perlu melihat pemasaran. Projek ini sudah banyak kali tetapi ada orang kampung yang tidak melibatkan diri di bawah pembiayaan kerajaan atau bank-bank dapat hidup sempurna melalui kegiatan mereka. Umpamanya saya ambil contoh di Kelantan, pembuatan kain songket dan tenun, ini sudah turun temurun. Tetapi walaupun mereka tidak mendapat kerjasama daripada pihak kerajaan tetapi mereka berjaya di peringkat antarabangsa umpamanya. Ini adalah kerana hasil keluaran mereka itu digunakan ataupun disempurnakan oleh seluruh rakyat Malaysia, terutama sekali pemimpin-pemimpin kita sendiri mengamalkan, menggunakan songket dan sebagainya, tidak kiralah hari pertabalankah, hari kenamaan, istiadat dan sebagainya tetapi kita menggunakan. Sebab itulah produk ini hidup dan pengeluar - masyarakat luar bandar - mampu mengeluarkan.

Kalau kita lihat kepada perusahaan kain batik umpamanya, sekarang ini menghadapi kepupusan. Apabila dahulu batik ini heboh dan kuat dibuat oleh masyarakat luar bandar tetapi ia telah dicemari apabila kerajaan umpamanya melalui Malaysian Batik Berhad - kalau tidak silap saya - menggunakan teknologi canggih dan mengeluarkan produk besar-besaran sehinggalah produk orang-orang kampung atau keluaran orang-orang kampung yang menyediakan batik ini secara kraftangan, secara tulis tangan tidak mampu untuk melawan produk yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: MBM. Jadi, dalam konsep ini saya mintalah supaya kerajaan....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: ..kalau boleh mengamalkan dasarnya, konsepnya iaitu rancang bersama rakyat tetapi bukannya rancang untuk rakyat. Maknanya sesuatu yang hendak dibuat itu rancanglah bersama rakyat dahulu, iaitu orang yang akan menerima kemajuan ini dan mendapat faedahnya. Kita tidak boleh buat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: ...sebegitu sahaja kerana kita tahu perkara ini akan merugikan rakyat sendiri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Gelang Patah dahulu. Tidak apa, empat orang lagi dapat semua.

5.11 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Maksud Bekalan 22, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tuan Pengerusi, sejak projek Pelabuhan Tanjong Pelepas diadakan dalam kawasan mungkin Tanjong Kupang di kawasan Parlimen Gelang Patah, ramai nelayan telah hilang rezeki kehidupan mereka. Tetapi mereka terima hakikat bahawa untuk menjana pertumbuhan ekonomi untuk negara di kawasan itu dengan mengadakan projek Pelabuhan Tanjong

Pelepas, mereka pun terima hakikat ini, tetapi kita harap pihak kerajaan perlu tolong mereka.

Saya memang dapat tahu bahawa dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pertanian boleh diwujudkan peluang-peluang kepada mereka seperti mengadakan projek ternakan ikan dalam sangkar dalam kawasan Sungai Pulai.

Ini adalah di bawah pinjaman melalui Skim Pembangunan Ekonomi Desa dan melalui peruntukan di bawah Projek Pembangunan Rakyat Termiskin yang dalam ini adalah tentang Butiran 010400 dan 010700 iaitu Bahagian Ekonomi Desa dan Bahagian Pembasmian Kemiskinan.

Saya menyeru kepada pihak kementerian supaya mempertingkatkan usaha dan pada masa sekarang terdapat 200 buah sangkar telah diusahakan melalui projek PPRT ini dan spesies ikan yang berpotensi untuk ternakan ikan di kawasan ini ialah kerapu, jenahak, senangin dan beberapa spesies ikan lain.

Saya dapat tahu bahawa memang ada satu cadangan yang saya ingin tahu daripada kementerian tentang projek untuk mengadakan satu projek lagi ternakan ikan dalam sangkar yang akan melibatkan 169 orang peserta yang diwujudkan di bawah pinjaman Skim Pembangunan Ekonomi Desa.

Mengikut Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ia akan dapat berpotensi menghasilkan 1,200 sehingga 2,000 metrik tan ikan setahun dan saya ingin tahu sama ada projek ini akan dilaksanakan dan saya ingin tahu sama ada peserta akan diberikan peluang menjalani latihan dan bimbingan yang diberikan oleh pusat-pusat pembangunan akuakultur yang diuruskan oleh Jabatan Perikanan.

Tuan Pengerusi, tentang perkara yang kedua, iaitu 030000 – Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Kita semua tahu terutama dalam kawasan Parlimen Gelang Patah, Orang Asli adalah penyokong kuat kepada Barisan Nasional. Di kawasan saya, daripada pengalaman saya tiga kali boleh dikatakan setiap kali pilihan raya mereka memberikan 100% sokongan kepada calon Barisan Nasional dan ini adalah satu perkara yang mana kita mesti mengambil berat untuk menolong mereka terhadap sosioekonomi mereka dan kita perlu memberikan perhatian berat tentang latihan dan pendidikan untuk mereka.

Di kawasan saya ada tiga kawasan Orang Asli iaitu di kawasan Kampung Sungai Temun, di kawasan Kampung Bakar Batu Skudai dan kawasan Kampung Simpang Arang, Gelang Patah. Di Kampung Sungai Temun terdapat empat buah restoran yang mana kerana ada kawan mereka orang Cina tolong mereka, sama-sama usahakan empat buah restoran di sana dan sangat maju dan ia boleh dikatakan di sana sudah kira-kira satu *seafood centre*, dengan izin. Dan di Kampung Simpang Arang, kita pun dapati ada selain daripada Orang Asli di sana, kita pun ada orang kaum Melayu, kaum Cina pun di sana dan saya dapati memang ada *intermarriage*, dengan izin, di kawasan sana.

Ini adalah selaras dengan polisi integrasi kaum di negara kita ini, seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional tidak akan mengadakan polisi asimilasi, kita mempertingkatkan polisi integrasi kaum dan ini adalah satu perkara yang sangat baik dan kita harap dengan begini kita akan dapat menolong pihak kaum Orang Asli untuk mempertingkatkan sosioekonomi mereka.

Tentang bidang pendidikan, saya harap pihak kementerian pun perlu mengambil berat melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tolong mereka. Baru-baru ini kita baca dari surat khabar bahawa seorang pemuda Orang Asli telah dapat menjadi seorang Majistret. Ini adalah satu perkara yang baik. Kita harap dengan mempertingkatkan peluang pendidikan kepada kaum Orang Asli, mereka akan dapat dibimbing, dilatih dan mendapatkan pendidikan yang tinggi sejajar dengan kehendak Wawasan 2020. Kita mahu semua kaum di negara ini sama-sama maju.

Satu perkara lagi yang saya ingin minta supaya pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pun perlu ambil perhatian tentang kesihatan dan perubatan untuk Orang-orang Asli di kawasan Orang Asli, dan di kawasan saya, saya sentiasa ada mengambil bahagian bersama dengan anjuran bersama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dengan

Pemuda MCA, Pemuda UMNO dan MIC. Kita adakan kem-kem kesihatan dan kem derma darah di sana dan kita memberikan pemeriksaan kesihatan percuma. Ini adalah satu perkara yang sangat baik. Saya harap Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ambil kepimpinan dalam hal ini, dengan secara proaktif, sendiri anjurkan ini dan saya yakin dan percaya, NGO yang lain seperti Lions Club, Rotary Club, PBSM dan lain-lain akan turut sama menolong supaya kita dapat mendekati dengan kaum Orang Asli dan sama-sama kita menolong mereka dalam hal ini.

Perkara yang ketiga, saya hendak sebut tentang bekalan elektrik luar bandar, 01700. Saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana telah lulus RM250,000 untuk projek BELB di Jalan Leong Bee, untuk sepuluh buah rumah di kawasan pekebun-pekebun kecil di kawasan itu. Projek ini telah dimulakan pada bulan ini dan akan siap pada akhir bulan ini.

Boleh dikatakan dengan projek ini dalam kawasan Parlimen Gelang Patah, sudah tiada kawasan yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Semua kawasan ada bekalan elektrik dan bekalan air.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Akhir sekali saya hendak sebutkan, seperti saya beritahu, tadi saya katakan tiga kawasan Orang Asli itu. Pada tahun 1990 tiada bekalan elektrik dan bekalan air, sekarang semua sudah ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih dan saya minta pihak kementerian - ini *last*, yang akhir sekali - minta apa yang dijanji oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:untuk mengadakan projek jalan kampung dari Gelang Patah ke Kampung Sungai Melayu,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Cukup.

Tuan Chang See Ten:sejauh sembilan kilometer yang perlukan peruntukan RM1 juta yang telah dijanjikan. Harap dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Tuaran.

5.28 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas dalam Butiran 0440000, Butiran 050000, Butiran 070000, Butiran 080000, Butiran 090000, kesemuanya adalah agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah.

Tuan Pengerusi, kalau kita kaji aktiviti-aktiviti dan program-program yang dilaksanakan oleh kesemua Lembaga Kemajuan Wilayah ini, kita lihat ia amat berkesan dan kesannya terhadap wilayah di kawasan yang beroperasi adalah amat baik dan keadaan sosioekonomi, pembangunan infrastruktur dan sebagainya semua pun telah banyak meningkat.

Kalau kita lihat dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan juga dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, salah satu isu yang paling penting di situ ialah jurang pembangunan wilayah ataupun *regional disparity in development*, dengan izin.

Dalam soal ini, Tuan Pengerusi, kalau kita lihat peruntukan-peruntukan sama ada bekalan dan pembangunan, boleh dikatakan semua Lembaga Kemajuan Wilayah ini kita lihat agak besar juga, setiap satu dalam lebih kurang RM30 juta satu agensi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya ingin bertanya, bilakah atau adakah pihak kementerian atau kerajaan bercadang untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah dan Sarawak? Sabah dan Sarawak seperti mana yang kita tahu adalah satu wilayah yang besar lebih besar, lebih besar daripada keseluruhan Semenanjung. Oleh sebab itu dan kita juga sedar serta tahu, mengikut perangkaan yang ada dalam Rancangan Malaysia Kelapan bahawa tahap pembangunan luar bandar, sektor ekonomi dan sebagainya, dari segi kadar kemiskinan masih tinggi.

Oleh sebab itu, ia amat sesuai jika sekiranya kerajaan memikirkan untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah untuk negeri Sabah. Apabila kita lihat misalnya sebagai contoh; aktiviti-aktiviti KEJORA. Ia ada pembangunan pertanian, pembangunan bandar, pembangunan pelancongan, pembangunan infrastruktur asas, pembangunan kampung tradisi, pembangunan sosial dan institusi dan sebagainya, semuanya ini adalah amat baik.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya bercadang supaya kementerian, pihak kerajaan menimbangkan untuk mengadakan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi Sabah dan Sarawak secepat mungkin sebab ini adalah amat penting. Kita mempunyai hanya 17 tahun untuk mencapai Wawasan 2020 dan jika sekiranya tidak ada, sudahlah kita ini ke terbelakang dari segi pembangunan dan dari segi agihan peruntukan, jika sekiranya kita tidak ada agensi seperti ini, ini bererti kita akan berterusan tidak mendapat peruntukan.

Begitu juga dalam soal kemiskinan. Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi bagi seluruh negara dan dalam hal ini kita lihat dalam Butiran 010700, saya ingat peruntukan ini cuma untuk pengurusan dan peruntukannya tidak begitu banyak, sedikit sahaja. Kita sedar bahawa tugas untuk pembasmian kemiskinan ini bukan hanya terletak pada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, banyak juga kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pertanian, Jabatan Perdana Menteri dan sebagainya juga turut terlibat dalam soal pembasmian kemiskinan ini.

Akan tetapi dalam kesemua usaha untuk membasmi kemiskinan, perkara yang paling penting ialah untuk mengenal pasti siapa sebenarnya orang-orang miskin ini, sama ada yang hanya di bawah garis kemiskinan ataupun yang termiskin? Dan sehingga pada hari ini sistem untuk mengenal pasti siapa sebenarnya yang miskin ini masih lagi berterusan. Di kawasan saya di peringkat daerah, sebagai contoh, dahulu pernah satu ketika bilangannya hanya sampai 600, 800 tetapi selepas itu ia meningkat balik. Dan ini bukan bererti ada turun naik dari segi pencapaian peningkatan sosioekonomi tetapi barangkali di sini dari segi kaedah. Kaedah untuk mengenal pasti siapa sebenarnya orang-orang miskin ini?

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mengadakan gerakan khas, satu program khas untuk mengenal pasti orang-orang miskin ini bagi seluruh negara dan kalau boleh di negeri Sabahlah, sebab jika sekiranya walaupun kita memberi peruntukan yang banyak tetapi peruntukan ini tidak mengena pada sasaran. Orang yang sudah okey, dapat juga peruntukan. Jadi sampai bila-bila pun, ia tidak akan selesai.

Jadi adakan gerakan khas dan kalau boleh, berikan peruntukan tambahan. Kalau peruntukan yang sedikit ini yang ada dalam Bajet ini tidak mencukupi, tambah peruntukan dan adakan gerakan khas untuk mengenal pasti siapa orang-orang miskin ini supaya semua agensi lain yang mempunyai program pembasmian kemiskinan boleh mendapatkan maklumat daripada KPLB untuk menyalurkan program-program pembasmian kemiskinan.

Saya ingin teruskan, Tuan Pengerusi, kepada Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Apabila sahabat saya Yang Berhormat bagi Gelang Patah mengatakan kawasan beliau semua sudah beres, semua sudah ada bekalan elektrik tetapi di kawasan saya masih banyak lagi kampung-kampung yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Walaupun misalnya sebagai contoh; KPLB memberi peruntukan kepada bekalan elektrik luar bandar tetapi saya ingat selagi grid daripada Sandakan, Ranau dan Kota Kinabalu, selagi itu tidak selesai, saya ingat macam mana peruntukan pun soal bekalan elektrik luar bandar di kawasan saya di Tuaran tidak akan selesai.

Saya sebenarnya mengucapkan terima kasih melihat peruntukan bagi Sabah untuk tahun hadapan iaitu RM103 juta lebih, ini satu peruntukan yang amat besar dan kita mengucapkan terima kasih tetapi kita berharaplah jangan lagi ada masalah pelantikan kontraktor. Nanti peruntukan ada tetapi masalah pelantikan kontraktor timbul dan kesannya ialah projek tidak dapat dilaksanakan, orang kampung tertunggu-tunggu, kita wakil-wakil rakyat tertunggu-tunggu dan akhirnya mengatakan kerajaan tidak prihatin, sedangkan kita prihatin tetapi cuma dari segi karenah pentadbiran menyebabkan ia tidak dapat dilaksanakan.

Sementara itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan oleh sebab Kelantan masalah tidak ada grid ini, bekalan elektrik ini, saya mencadangkan supaya pihak kementerian mempertimbangkan mana-mana kampung yang memang pun mempunyai masalah untuk mendapat bekalan elektrik daripada sistem grid ini, kita bekalkan ia dengan generator ataupun dengan solar. Dan untuk ini sebenarnya, Tuan Pengerusi, bagi kawasan saya, saya sudah menghantar semua kepada KPLB kampung-kampung berserta dengan cadangan-cadangan penyelesaian bekalan elektrik buat sementara waktu, sebelum kita mendapat bekalan elektrik luar bandar daripada sistem grid ini.

Ini adalah amat penting sebab di kampung saya, baru minggu lepas saya melawat satu kampung di kawasan saya dan sehingga pada hari ini yang mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris ini masih lagi belum dilaksanakan sebab tidak ada elektrik di kawasan itu. Generator set pun tidak ada. Jadi dengan itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat mempertimbangkan, sebab walaupun ada peruntukan yang agak besar juga ini – RM100 juta lebih tetapi kalau semua itu hanya dibuat peruntukan khas untuk bekalan elektrik daripada sistem grid, saya fikir banyak lagi kampung yang akan tertinggal jika sekiranya kita tidak pertimbangkan untuk bekalan dengan menggunakan *generator set* ataupun dengan menggunakan solar.

Saya ingin teruskan kepada Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Tuan Pengerusi, di kawasan saya, saya berterima kasih sebab beberapa buah jalan telah dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan daripada projek jalan kampung. Walau bagaimanapun, masalah yang lebih besar, ini bukan kawasan saya sahaja tetapi barangkali seluruh Sabah iaitu jalan JKR negeri. Jalan JKR negeri ini kalau kita gunakan peruntukan daripada KPLB Persekutuan, ia tidak boleh, sebab ia ada mempunyai spesifikasi yang tertentu. Dan saya difahamkan peruntukan untuk jalan-jalan ini terletak dalam minit vot ini, yang 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar – JALB.

Di kawasan saya, banyak jalan ini dan antara satu jalan yang terletak nombor satu – paling atas, yang peruntukan iaitu Jalan Tomis-Lokos-Wasai dan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan lebih kurang RM14 juta. Pihak JKR Sabah telah memberi peruntukan hanya RM500 ribu untuk beberapa tahun yang lepas tetapi sehingga pada hari ini, yang RM500 ribu pun tidak dilaksanakan dan kampung ini digunakan oleh lebih 10 buah kampung dan menghadapi banyak masalah terutama sekali di musim tengkujuh ini, musim hujan. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi,....

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih. Saya gulung, Tuan Pengerusi. Saya mohon supaya pihak kementerian mengkaji semua cadangan, semua rekomendasi yang saya sendiri telah buat terutama sekali jalan yang saya sebutkan tadi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pokok Sena.

5.39 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.22 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang berkaitan dengan 010300 dan 010700 iaitu Bahagian Prasarana dan juga Bahagian Pembasmian Kemiskinan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, pihak kementerian apakah tidak boleh kita ubahkan satu mekanisme yang ada ini untuk projek pembangunan jalan kampung dan juga projek pembasmian kemiskinan ini kepada satu mekanisme yang

lebih memudahkan perhubungan masyarakat daripada pelbagai latar belakang kefahaman, anutan politik dan sebagainya.

Selama ini mekanisme yang digunakan ialah setelah mendapat *recommendation* daripada JKK, dan ini yang telah menimbulkan berbagai-bagai masalah, Tuan Pengerusi, kepada kehidupan masyarakat kampung kerana ada berlaku halangan-halangan yang dibuat oleh JKK apabila kampung itu ataupun ada orang dalam kampung tersebut yang memohon ataupun jalan yang diperlukan di kampung tersebut tetapi oleh kerana kampung itu mempunyai kekuatan di pihak parti pembangkang, maka jalan tersebut tidak dibuat.

Saya tunjuk contoh di dalam kawasan saya, di dalam kawasan Pokok Sena. Ada satu kampung, nama Kampung Bendang. Kampung Bendang itu, dia boleh keluar ke Kampung Paya. Dalam Kampung Bendang itu, jalan yang masih tidak bertar lebih kurang 700 atau 800 meter, tetapi pihak kerajaan melalui JKKK ini tidak meluluskan pembinaan jalan di kampung tersebut, tetapi dia keluar ke kampung tersebut di satu kampung, ia bukan kampung, jalan tengah-tengah sawah padi, yang jaraknya lebih kurang 1.5 kilometer. Tidak ada orang, hanya sawah padi sahaja. Tikus sahaja yang ada, Tuan Pengerusi.

Tetapi di situ projek hendak dibuat jalan tar dan digunakan jalan yang 700/800 meter tadi, jalan Kampung Bendang ini untuk lori masuk, bawa batu hendak tambun di situ. Sebahagian batu di situ sudah ditambah. Lalu orang kampung tanya JKKK, "*Macam mana jalan kampung kami?*" Dia kata, "*Minta dengan Mahfuz. Dia wakil rakyat hampa*". Ini disebut. Saya boleh sebut kalau hendak tahu nama JKKK Kampung Bendang dan sebagainya. "*Jadi minta dengan Mahfuz*". Jadi, orang kampung sudah naik berang.

Akhirnya sekarang, mereka *stop* tidak beri lori pemuju jalan tersebut untuk masuk bawa batu. Depa kata, "*Kalau hendak masuk, hendak hantar batu ke sebelah sana, bayar RM3 ribu di kampung ini*". Orang tanya, "*Hendak buat apa RM3 ribu?*". "*Kami hendak buat jalan tar untuk 700 meter*." Sebab depa sudah *deal* dengan satu syarikat, dia kata RM3 ribu boleh, selesai untuk buat jalan tar.

Jadi, timbul pertelagahan dalam kampung kerana ada sentimen-sentimen politik daripada JKKK. Jadi, saya rasa sepatutnya pihak kerajaan harus merubah mekanisme ini untuk mengurangkan ketegangan. Kalau kita lihat, Tuan Pengerusi, yang disiarkan oleh NTV7 – Edisi Siasat yang berlaku bagaimana JKKK ada sentimen politik sehingga mengabaikan Program Pembasmian Kemiskinan, rumah PPRT kepada masyarakat miskin. Hanya kerana ada kepentingan-kepentingan politik.

Ini telah didedahkan secara umum oleh NTV7 – Edisi Siasat, tetapi sebaliknya sekarang ini orang hendak siasat pula Edisi Siasat. Jadi, ini suatu yang tidak sepatutnya berlaku dalam negara kita. Oleh sebab itu, saya minta supaya kalau boleh pihak kerajaan ubah mekanisme ini, ataupun orientasi semula pemikiran, kepala otak JKKK supaya jangan timbul ketegangan, sebab sentimen-sentimen politik ini boleh menimbulkan ketegangan yang kita pun tidak setuju, tidak suka dengan ketegangan-ketegangan di kalangan masyarakat di dalam sesebuah kampung.

Jadi, sebab itu perkara ini sudah lama berlaku, saya minta Tuan Pengerusi sebagai pihak kerajaan untuk memberikan perhatian sama ada mengubah mekanisme ini, tidak lagi menggunakan syarat, *recommendation*, kelulusan daripada JKKK. Kadang-kadang JKKK dia hendak ambil peluang untuk beri kepada kontraktor, kroni. Itu terpulung, itu mungkin sedikit-sedikit dia pun hendak cari makan tetapi soalnya, yang penting ialah pembangunan kepada masyarakat kampung itu sendiri. Itu yang saya hendak sebut.

Kemudian, satu perkara lagi yang berkaitan dengan Butiran 06000 – Pihak Berkuasa Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Ada satu kampung di Perlis, di Kubang Pron, Cuping, dalam kawasan Padang Besar, kawasan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ha.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tadi saya telefon, ada peserta-peserta yang menjalani kursus yang dibuat oleh RISDA, iaitu Kursus Usahawan Bumiputera Luar Bandar, sudah setahun, dalam kursus tersebut RISDA menjanjikan untuk hendak beri lembu kepada

peserta-peserta dengan nilai lebih kurang RM10,000, syaratnya, balik buat kandang. Balik buat kandang lembu.

Jadi, depa ini sudah buat kandang, siap sudah kandang, semua cukup. Yalah kandang untuk kandang lembu, bukan kandang orang. Siap sudah, tetapi sampai setahun, hari ini lembu tidak masuk lagi. Yang masuk, keluar, tuan kandang itu sendirilah, tengok kalau-kalau lembu orang sudah hantar. Jadi, ini pun ada kaitan dengan masalah sentimen politik yang dilakukan oleh JKKK kerana memerlukan *recommendation* daripada JKKK. Oleh kerana, mungkin kerana ada orang kampung itu orang kuat PAS dan sebagainya. Jadi, dia pun tidak hendak beri sedangkan janji di hadapan 100 orang peserta daripada pelbagai kampung telah pun dibuat bahawa memang RISDA hendak beri lembu.

Bila mereka tanya RISDA, mereka kata RISDA sudah serah kepada pejabat haiwan. Tanya pejabat haiwan, pejabat haiwan kata, RISDA tidak hantar lagi. Jadi, ini timbul masalah. Ini berlaku dalam kawasan Menteri sendiri. Jadi, Kerajaan Negeri Perlis pun tidak ambil tahu dalam kawasan ini sebab Menteri Besar dengan Menteri ini tidak berapa hendak '*ngam*', dok '*accident air*', tidak berlaga angin. [*Ketawa*] Jadi masalah Kerajaan Negeri pun tidak ambil tahu.

Jadi, Kerajaan Negeri ini pula, Menteri Besar ini dia tengah syok hendak cipta rekod dunia, *world-class* punya negeri Perlis. Negeri sebesar '*kelemuh*' sahaja. Jadi, hendak beri orang tahu, dia kata, dia cipta rekod sebab hendak masuk dalam *Malaysian Book of Record* hendak buat asam pedas terbesar di dunia. Dua tan ikan air tawar. Tuan Pengerusi, memang Cina tidak makan asam pedas. Negeri China bukan ada asam pedas. [*Ketawa*] Negara Arab pun tidak makan asam pedas. Jadi, kalau Perlis buat asam pedas, memang bolehlah, sedangkan masalah masyarakat kampung tidak diambil peduli dalam masalah-masalah yang berlaku ini.

Kemudian tentang soal yang saya sebut dalam Kementerian Perusahaan Utama sebelum ini, masalah kegagalan, kelemahan daripada pekebun-pekebun kecil tidak boleh menghasilkan minyak kelapa sawit sebanyak 5 tan seperti mana yang dihasilkan oleh sistem perladangan. Kalau kita lihat kenyataan yang dibuat oleh Menteri Perusahaan Utama sendiri, yang disiarkan di dalam akhbar, dia mengkritik kegagalan RISDA, khususnya bertanggungjawab terhadap pekebun kecil.

Dia kata, agensi-agensi seperti RISDA ini tidak memberikan tunjuk ajar dari sudut teknologi baru, klon baru, amalan agronomi dan kaedah menuai buah kelapa sawit kepada pekebun kecil, sehingga kata dia, mereka tidak dapat mencapai tahap pengeluaran yang tinggi seperti mana yang terdapat dalam sistem perladangan. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan, khususnya daripada pihak RISDA sendiri, apa sebenarnya yang telah mereka lakukan dalam memberikan pendidikan kepada pekebun-pekebun kecil.

Akhir sekali yang saya hendak dapat penjelasan daripada pihak kerajaan, khususnya daripada pihak kementerian melalui RISDA ini, ialah berkaitan dengan dakwaan yang telah dibuat tentang kerugian RISDA sebanyak RM319 juta di dalam PRB. Ini satu lagi kes yang agak besar setelah kita mengalami, saya tidak kata lagi, ini sebagai satu penyelewengan, tetapi sebelum ini kita telah mengalami penyelewengan dalam kes PPRT, iaitu penggunaan duit PPRT sebanyak RM40 atau RM45 juta yang membabitkan kepentingan masyarakat termiskin dalam negara kita.

Sekali lagi kita didedahkan dengan kerugian besar RM319 juta dalam RISDA melalui anak syarikatnya PRB – Permodalan Risdah Berhad dan sebagainya. Yang saya hendak timbulkan di sini, peringkat awalnya saya lihat bahawa Menteri kata tidak perlu satu siasatan luar, pada 13 Julai. Tetapi bila Pengerusi RISDA, Abdul Rahman Sulaiman membuat kenyataan bahawa jawatankuasa RISDA telah pun bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan Audit Bebas. Sedangkan Menteri sebelum itu dia kata tidak perlu sebab tidak ada penyelewengan dan sebagainya. Seolah-olah Menteri ini macam hendak mengikut macam Menteri sebelum ini juga.

Kemudian bila sudah jawatankuasa RISDA ini sendiri dipengerusikan – Abdul Rahman Sulaiman buat kenyataan bahawa RISDA bersedia untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan Audit Bebas, barulah Menteri buat semula kenyataan, pihak

kementerian tidak ada halangan untuk ditubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan Audit Bebas. Jadi, saya hendak minta penjelasan di sini apakah hasil siasatan daripada Jawatankuasa Siasatan Audit Bebas ini yang berkaitan dengan kerugian yang dialami oleh RISDA sebanyak RM319 juta.

Sebab kalau mengikut kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi RISDA ini, beliau menyatakan bahawa dia tidak menolak kemungkinan ada unsur-unsur penyelewengan yang disebabkan salah laku dan kecuaiian dalam pentadbiran. Oleh sebab itu, kita minta suatu penjelasan dan minta *report* ini didedahkan secara umum, khususnya untuk Parlimen ini, meneliti *report* tersebut dan *report* tersebut harus diberikan ruang untuk kita membahaskan.

Jadi, Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya! Bandau. Lepas itu Hulu Terengganu, selepas itu kementerian menjawab.

5.51 ptg.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada beberapa kepala butiran yang di bawah maksud pembangunan dan Bekalan 22 (B.22).

Di bawah kepala Kemajuan Masyarakat iaitu daripada Butiran 010000 hingga 060000. Kita begitu terharu melihat peningkatan peruntukan yang diberi kepada semua program untuk kemajuan masyarakat. Bermula daripada pendidikan masyarakat, gerakan masyarakat, pusat sumber masyarakat, pendidikan prasekolah, pusat kegiatan kemajuan masyarakat dan kemudahan latihan KEMAS. Saya rata-rata melihat tidak kurang daripada hampir 400 persen peningkatan.

Kita mengatakan ini adalah tepat kepada keperluan namun kita ingin supaya peruntukan semua ini Tuan Pengerusi digunakan dengan betul dan tepat kerana semua butiran-butiran ini adalah khas untuk mengubah sikap, meningkatkan kemahiran dan mengurangkan sikap pergantungan kepada kerajaan.

Jadi dalam soal ini, perlulah pihak kerajaan memastikan supaya *target* audiens dengan izin, sasaran itu adalah tepat supaya betul-betul mengeluarkan golongan masyarakat yang berpendapatan rendah untuk dibantu bagi dapat membantu diri sendiri. Saya percaya inilah tujuan program di bawah kementerian ini iaitu membantu golongan berpendapatan rendah dan yang miskin untuk mengenali potensi mereka dan membantu mereka berdiri di atas kaki sendiri dan bukan terus bergantung kepada kerajaan.

Jadi, dalam soal ini kita berharaplah pihak KEMAS dan agensi yang terlibat dalam pelaksanaan ini supaya memberi tumpuan kepada permohonan-permohonan dan suara-suara yang diberi oleh pejabat-pejabat daerah di peringkat kawasan menerusi Ahli-ahli Parlimen supaya tepat kepada keperluan. Sering kali kita melihat Tuan Pengerusi misalnya Tadika KEMAS ditubuhkan tetapi tidak jauh daripada tempat itu sudah ada Tadika KEMAS. Jadi, haruslah lebih prihatin kepada keperluan sebenar dan mengambil kira soal keseimbangan apabila melaksanakan program-program kemajuan masyarakat ini.

Saya ingin sentuh misalnya di kawasan saya soal tadika di bawah Kepala Butiran 00400 ini – Pendidikan Prasekolah. Kita berterima kasih kerana sudah ada 20 pusat KEMAS, 17 kalau saya tidak lupa namun demikian ada beberapa tempat seperti kawasan Kampung Sungai Magandai, Kampung Tadibang, Kampung Gana, Kampung Samparita, Kampung Langkap semuanya ini adalah Sekolah Rendah dan mereka perlu sokongan daripada peringkat prasekolah untuk menyediakan kanak-kanak kita maju ke peringkat sekolah rendah.

Semua kawasan luar bandar tidak satu pun yang mempunyai pusat Tadika KEMAS pada saat ini tetapi beberapa kampung ternyata pula berdekatan pusat-pusat KEMAS yang ada. Jadi mohonlah supaya permohonan-permohonan di peringkat daerah khususnya yang dibentangkan dalam Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan ditapis oleh Ahli Parlimen itu diberi perhatian.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya meninjau Butiran 00800 – Unit Pengurusan Maklumat dan saya ambil perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara ini. Saya berpendapat bahawa ini adalah perkara yang begitu penting sekali kerana peruntukan dua kali lebih banyak daripada tahun-tahun lalu dan harus ianya digunakan dengan betul untuk mendapatkan maklumat asas di peringkat kampung, di peringkat masyarakat, di peringkat sasaran seperti golongan berpendapatan rendah dan seterusnya supaya data ini tepat kepada keperluan dan dia berkualiti digunakan untuk tujuan perancangan.

Kalau kita hendak *launch* dengan izin, untuk pembangunan luar bandar jangka panjang, tanpa maklumat yang tepat dan tanpa data yang berkualiti maka terlampau rambanglah kita punya sasaran dan barang kali bukan berasaskan kepada keperluan tetapi berasas kepada ugutan politik dan seterusnya. Bukan sahaja di peringkat kerajaan tetapi di luar kerajaan kerana mereka pun mendesak lakukan itu ini bukan barangkali berasas kepada keperluan tetapi daripada sentimen politik.

Jadi pihak kerajaan saya rasa sedia maklum mahu mengelakkan keadaan-keadaan seperti begini di mana pembangunan itu adalah berteraskan kepada keperluan asas dan tujuan untuk membangunkan keadaan tersebut.

Seterusnya di bawah Kepala Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Saya juga menyampaikan rayuan yang sama bahawa pada masa-masa lampau apabila kita buat senarai untuk permohonan yang ditapis semula oleh Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan seterusnya dan kita kemukakan kepada pihak kementerian, sering kali ini tidak balik lagi senarai itu ataupun apa-apa konteks ataupun perbincangan. Hanya kemudian konsultan itu dilantik dan konsultan tidak pun berbincang dengan kita, tiba-tiba datang *wire* untuk ditarik dan dipasang.

Ini masalahnya yang saya katakan tadi bahawa sasaran itu tidak tepat. Masalahnya di kawasan kita di kawasan Bandau, baru-baru ini talian telah pun dipasang ke Kampung Merak Perak. Kampung Merak Perak ini sudah ada bekalan solar untuk selama enam tahun yang dibina melalui kerjasama UMS dan Jepun.

Dia orang tidak perlu sebenarnya talian daripada LLS ataupun Lembaga Elektrik Sabah. Ada dua tempat yang ada sekolah. Misalnya SK Kampung Mangin, satu yang ada sekolah di penghujungnya dan kita merujuk dengan Jabatan Pembangunan Sabah sampai sekarang tidak ada ditunaikan tetapi di mana ada sudah elektrik pula berdekatan, ini dibekalkan.

Jadi, inilah yang saya sentuh tadi bahawa maklumat itu adalah penting sekali supaya tepat kepada sasaran dan tolonglah ambil pandangan daripada yang dikemukakan oleh pihak Pegawai Daerah yang melalui Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan yang ditapis oleh Ahli-ahli Parlimen supaya ini tepat kepada keperluan.

Seterusnya begitu juga sentimen atau pun komen kita berkaitan dengan bekalan air luar bandar. Kita buat senarai dan kita kemukakan kepada pihak kementerian, ditapis oleh pihak Jawatankuasa Pembangunan Negeri, misalnya JPPS, JPN dan selepas itu tidak banyak perbincangan. Kalau datang, senarai yang dibuat itu adalah senarai yang tidak tepat kepada keperluan.

Sememangnya apabila kita buat senarai, katakanlah ada 30 senarai, kerajaan sekadar meluluskan 10 tetapi pihak jabatan ataupun kementerian yang sendiri membuat keputusan mana yang 10 dan sering kali yang 10 itu berdekatan dengan kampung-kampung yang lain, walhal tempat lain itu terbengkalai kerana tiada perundingan.

Saya merayu kepada pihak kementerian supaya perhatian ini diberi pada masa-masa akan datang khususnya bagi mengendalikan dan melaksanakan program dan peruntukan yang telah pun diluluskan bagi tahun 2004 ini. Seterusnya pandangan kita yang sama juga mengenai jalan-jalan luar bandar ini telah pun dibincangkan dalam dialog bersama dengan Ahli-ahli Parlimen pada masa dahulu dan kita mengatakan syabas kerana melihat di sini, tahun ini dipertingkatkan hampir-hampir RM70 juta lebih banyak daripada tahun lalu.

Kita berharap bahawa apabila ini diagih-agihkan di negeri-negeri bahawa negeri Sabah, Sarawak dan negeri-negeri yang terpencil itu diberikan perhatian. Misalnya di peringkat negeri Sabah, tahun-tahun yang lalu ini tidak banyak diperuntukkan bagi jalan. Begitu juga negeri Sarawak juga bagi jalan luar bandar (JLB) dan di kawasan saya sendiri di daerah Bandau di daerah Kota Marudu, dua jalan iaitu Jalan Pekan Tandik sudah diluluskan tiga tahun dahulu untuk dibiayai di bawah program ini walaupun jalan JKR tetapi jalan yang ini memerlukan bantuan di bawah skim ini dan satu lagi jalan ialah Jalan Ranau Laut juga diluluskan dua tahun dahulu tetapi sampai sekarang peruntukan tidak turun kerana kononnya ditarik kepada daerah-daerah lain.

Jadi, kita merayulah kepada pihak kementerian supaya apabila wang ini diturunkan kepada kerajaan negeri masing-masing, supaya pihak Jabatan Kerja Raya bagi negeri tersebut itu tidak sewenang-wenang membuat keputusan lain daripada asas kelulusan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian yang meluluskan untuk sesuatu projek yang telah pun dikemukakan, bila dia turun peruntukan itu di peringkat negeri, Menteri berkenaan di peringkat negeri ataupun *executive counselor* dengan izin, di peringkat negeri, dia tukar senarai projek itu supaya pergi ke daerah lain.

Jadi, dari segi pendapat ini tidak tepatlah kepada keperluan rakyat kita dan kita merayu supaya pengagihan itu mengikut daerah haruslah sama dan berasas seperti yang saya katakan tadi kepada kawasan prioriti iaitu kepada mereka yang lebih terdesak.

Yang terakhir, Tuan Pengerusi, iaitu di bawah Butiran 04500, Penanaman Semula di bawah Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) di mana pada tahun ini sudah meningkat 200,000 sahaja berbanding dengan tahun yang lalu. Saya ingin merayu kepada pihak kementerian supaya pada masa-masa akan datang memberi keutamaan untuk sokongan, ataupun seperti yang ada sekarang ini kepada soal penanaman getah di peringkat negeri Sabah. Kerana di negeri-negeri Semenanjung kita ada FELCRA dan seterusnya kita ada RISDA yang khas untuk ditujukan untuk mengusaha sektor ini iaitu penanaman getah walhal di peringkat negeri Sabah kita ada Lembaga Industri Getah Sabah misalnya dan begitu juga di peringkat negeri Sarawak.

Jadi RM4 juta ini tidaklah mencukupi untuk menggalakkan penanaman semula di peringkat luar khususnya, Tuan Pengerusi, getah ini amat sesuai untuk keluarga yang miskin kerana ia *neutral to scale*, dengan izin, dan ia satu hasil ataupun produk yang tahan iaitu tidak cepat rosak. Jadi bagi keluarga yang baru hendak mulakan naik taraf dari segi kedudukan ekonomi mereka, ini satu instrumen yang begitu penting untuk mengurangkan kemiskinan dan harus lebih banyak peruntukan diberi untuk penanaman semula.

Tadi Yang Berhormat dari Tuaran menyentuh di mana Lembaga-lembaga Kemajuan Tanah itu yang begitu *vivacious* dari segi membangun sesuatu tempat dan meningkatkan pendapatan, mengurangkan kemiskinan dan seterusnya dan semuanya bertapak di Semenanjung. Itu tepat kerana pada masa dahulu begitulah ia berasas kepada keperluan menubuhkan lembaga-lembaga tersebut. Sekarang ini di negeri Sabah dan khususnya negeri Sarawak, ia ada sedikit *growth centers* dan *integrated agriculture programme* tetapi di peringkat di Sabah sama sekali tidak ada.

Saya ingin cadangkan supaya pihak kementerian memikirkan penubuhan satu Lembaga Kemajuan Tanah di negeri Sabah untuk difokuskan bagi zon utara negeri Sabah iaitu zon utara di mana dengan izin, *persistent poverty*, Tuan Pengerusi, ini wujud iaitu daerah Kudat, daerah Banggi, Mentundung, Kota Marudu, Pitas, Beluran, jika enam daerah ini diberi tumpuan utama untuk mengurangkan kemiskinan melalui penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah, kita percaya bahawa kadar kemiskinan negeri Sabah khususnya kadar kemiskinan bagi sektor luar bandar boleh diperturunkan dengan hampir setengah 50% daripada kadar yang ada sekarang.

Ini bukan ertinya kawasan-kawasan lain seperti Pensiangan, Kinabatangan tidak penting tetapi *the core poverty* kemiskinan yang ada sekarang ini adalah di zon utara dan barangkali ia berasas kepada pembangunan tanah dengan Kerajaan Negeri Sabah, dengan agensi yang relevan dan pada masa yang sama juga difokuskan tenaga untuk perubahan

sikap, untuk pengeluaran produk-produk makanan, perikanan dan jenis-jenis pertanian yang lain yang sudah pun wujud di tempat tersebut.

Kita rela untuk bekerjasama untuk membuat *working paper*, kertas kerja untuk tujuan ini dan saya berharap pihak Kementerian memberi perhatian kepada cadangan ini walaupun peringkat permulaan sebagai satu langkah menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah di negeri Sabah iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Zon Utara Sabah.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong dan merayu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Hulu Terengganu. Selepas itu kementerian menjawab.

6.05 ptg.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya suka turut sama dalam membahaskan peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi Butiran 03800, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Saya suka melahirkan rasa dukacita yang amat sangat bagaimana KETENGAH cuba untuk memajukan Tasik Kenyir khususnya terutama bagi menarik pelancong-pelancong untuk datang ke Tasik Kenyir.

Mengikut statistik yang diberikan oleh pihak KETENGAH sendiri bahawa jumlah pengunjung Tasik Kenyir telah merosot sedangkan berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan sendiri, jumlah pelancong yang datang ke Terengganu meningkat, di mana pada tahun 2001 pelancong yang datang ke Terengganu 1,200,000 orang; dan tahun 2002 ia meningkat kepada 1,234,000 tapi yang peliknya yang datang ke Tasik Kenyir merosot.

Apabila kita perhatikan apa yang telah dilaksanakan oleh pihak KETENGAH, kita dapati tidak diberi keutamaan kepada perkara yang utama. Seperti yang kita semua tahu bahawa Tasik Kenyir selain destinasi pelancongan, dari segi kecantikan aslinya, tarikan utamanya ialah kepada peminat-peminat ikan air tawar di mana sebelum daripada ini Tasik Kenyir memang kaya dengan berbagai-bagai jenis ikan tetapi ia tidak dijaga oleh pihak yang bertanggungjawab iaitu KETENGAH, di mana mengikut soalan saya pada bulan Jun yang lepas, apakah jenis-jenis ikan dan berapa jumlah ikan yang dilepaskan di Tasik Kenyir.

Saya sangat dukacita bila diberitahu jumlahnya sangat berkurangan. Daripada tahun 2001; 600,000 ekor anak ikan dilepaskan di Tasik Kenyir tetapi tahun 2002, tidak sampai 600,000 ekor dilepaskan. Dengan jumlah ikan yang jauh berkurangan dari segi jenis ikan. Kalau tahun 2001, di antara ikan yang dilepaskan ialah patin, baung, jelawat, lampam jawa dan talapia tapi bagi tahun 2002 hanya ikan talapia sahaja dilepaskan dan tidak ada satu usaha untuk hendak menjamin ikan-ikan ini tidak mati kerana kita melihat kalau kita hendak tengok dari segi keluasan tasik ini sendiri di mana tasik ini mengandungi 360 buah pulau yang keluasannya sebesar Pulau Singapura.

Bayangkan adakah munasabah seluas ini kawasan tasik, kita hanya melepaskan sekitar 500,000 ekor yang setiap masa pelancong masuk untuk mengail dan sebagainya. Oleh sebab itu kita mahu supaya satu usaha yang bersungguh-sungguh, peruntukan yang diberikan ini diberi tumpuan untuk menghasilkan keluaran-keluaran tasik ini seperti ikan dan sebagainya supaya ia menarik pelancong untuk datang ke sini dan seterusnya meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

Selain daripada itu dari segi makanan ikan. Apabila dilepaskan ikan tetapi tidak dibekalkan dengan makanan yang mencukupi kerana satu kajian yang dibuat secara kasar bagaimana kawasan yang setengahnya masih mempunyai balak dalam air, mempunyai ikan yang dari segi pembiakannya lebih baik berbanding dengan kawasan yang telah ditebang balak oleh kerajaan yang lama dalam Tasik Kenyir.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Dengan lain perkataan, makanan bagi ikan ini sudah kekurangan. Tapi tidak ada satu cara yang dibuat oleh pihak KETENGAH untuk menjamin makanan ikan ini cukup bagi ikan yang ada di dalamnya. Oleh sebab itu ini mungkin satu daripada sebab kekurangan ikan di Tasik Kenyir.

Selain daripada itu masih di bawah KETENGAH juga, saya rasa pelik dengan satu projek yang dibuat di Tasik Kenyir iaitu satu jalan pesisir Tasik Kenyir yang dipanggil Jalan Pengkalan Utama Pesisir Tasik Kenyir, di mana jalan ini menelan belanja jutaan ringgit. Saya sempat pergi melihat jalan ini dan sangat mengejutkan bagaimana jalan ini telah rosak yang sangat teruk sehingga meruntuhkan seluruhnya sehingga tidak dapat dilalui lagi. Kalau boleh saya tunjukkan gambar ini bagaimana menunjukkan jalan ini melalui pesisir Tasik Kenyir (*sambil menunjukkan sekeping gambar*) di mana ia melalui satu anak sungai ataupun alur sungai. Oleh sebab kontraktor ini hendak mengambil untung yang banyak, lalu ia mengambil cara yang mudah, dia timbus sungai ini dan di atas permukaan di pasang satu lombong untuk mengalirkan air.

Saya tidak tahu sama ada cara ini dibenarkan oleh pihak yang berkuasa dari segi teknikalnya tetapi kesannya tidak sampai setahun, habis jalan ini dihanyut, dibawa lari oleh sungai kerana apabila ditutup aliran air tadi maka naik satu air yang besar menjadi satu empangan dan bila cukup besar menolak sungai ini dan jatuh habis.

Saya bertanya dalam sidang Parlimen yang lepas, bagaimana kedudukan jalan ini tetapi dukacita jawapan yang saya terima, jalan ini telah siap dan sempurna. Sedangkan sebenarnya jalan ini telah runtuh hampir 100% sehingga tidak dapat dilalui oleh kenderaan awam malah pejalan kaki pun tidak boleh melintas. Kalau diperlukan, saya sedia memberi gambar ini kepada pihak kementerian. Saya minta satu siasatan dibuat supaya ia dapat diperbaiki bagi menarik pelancong ke Tasik Kenyir.

Masih di bawah tajuk yang sama. Saya rasa terkilan apabila mulai tahun ini pihak KETENGAH telah menyediakan kemudahan pelancongan bagi bersaing dengan pengusaha-pengusaha bot tempatan yang ada di sekitar Tasik Kenyir. Untuk makluman sidang sekalian bahawa di Tasik Kenyir sekarang ini ada lebih kurang 40 buah bot yang beroperasi sama ada bot itu berbentuk *house boat* untuk bermalam di atas bot atau bot panjang yang boleh muat 12 orang penumpang atau bot laju yang digunakan untuk memancing dan sebagainya.

Jadi dalam keadaan hari ini, sudah ada 40 buah bot dengan berpuluh-puluh pengusaha bot tetapi dukacitanya, mulai tahun ini pihak KETENGAH telah menyediakan satu feri dan empat buah bot panjang yang boleh muat 12 orang bagi satu bot dan lapan buah bot laju yang secara tidak langsung memberi persaingan kepada pengusaha tempatan yang mana sebelum ini pengusaha tempatan hanyalah boleh mengutip dan boleh dapat lebih kurang tidak sampai RM1,000 sebulan itu belum lagi ditolak kos-kos *maintenance* dan sebagainya. Dengan adanya bot yang akan dijalankan oleh pihak KETENGAH ini, ia sudah tentu akan mematikan usaha-usaha atau pengusaha bot di kalangan orang-orang tempatan dan rakyat setempat di situ.

Saya minta supaya perkara ini dapat dikaji semula supaya ia tidak bersaing dengan penduduk tempatan dan kalau boleh pihak KETENGAH membantu penduduk tempatan dengan cara memberi pinjaman, dengan cara memberi bantuan dan sebagainya supaya mereka ini boleh berkembang dan boleh memberi servis yang terbaik kepada para pelancong.

Saya ingin pergi kepada Butiran 040000 - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA). Mulai tahun ini bantuan bagi menanam semula getah ke getah telah dinaikkan daripada RM6,200 kepada RM7,000. Saya ucapkan terima kasih di atas perkara ini kerana ia sekurang-kurangnya boleh membantu pekebun-pekebun kecil getah. Walau bagaimanapun saya rasa kenaikan ini masih kecil kalau hendak dibandingkan dengan kenaikan kos upah, kos baja dan sebagainya lagi malah mulai tahun ini juga pihak RISDA menggalakkan supaya tanaman getah secara integrasi di mana jumlah pokok getah masih kekal bilangannya tetapi ia diatur sedemikian rupa bagi membolehkan tanaman lain ditanam di tengah-tengah jajaran pokok-pokok getah, di mana satu ekar tanah boleh ditanam 180 batang pokok getah dan jumlah ini dimestikan supaya hasil dapat dikekalkan dan ditambah

dengan tanaman lain. Dengan lain perkataan, kita terpaksa membeli anak-anak benih pokok-pokok lain sama ada pokok buah durian, duku, rambutan dan sebagainya dan juga kos-kos lain yang berkaitan seperti racun, baja dan sebagainya.

Dengan lain perkataan, kos bagi hendak menghidupkan tanah ini akan menjadi lebih tinggi. Sebab itu pada saya kenaikan daripada RM6,200 menjadi RM7,000...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Saya buat kesimpulan, saya gulung.

Selain daripada itu berkenaan dengan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan yang telah dilancarkan oleh pihak RISDA sendiri di mana hak maksimum bantuan sebanyak RM20,000. Jadi ada petani-petani atau pekebun-pekebun sudah bersiap sedia membersihkan tanah mereka untuk ternakan ikan dalam kolam bagi tanah-tanah yang telah dikenal pasti tetapi sehingga sekarang tidak ada apa-apa bunyi pun daripada program ini. Petani dan pekebun telah sediakan tempat tetapi tidak ada bantuan yang dijanjikan.

Begitu juga berkenaan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Sedikit sahaja Datuk, sudah hendak habis, kesimpulan pula...*[Ketawa]* Bagi kebun getah yang hendak ditukar kepada tanaman lain selain daripada getah dan kelapa sawit, bagi getah tukar kepada kelapa sawit dapat bantuan RM1,800 per hektar. Dari getah kepada getah sekarang dapat RM7,000 per hektar tetapi dari getah ke tanaman lain seperti pokok buah durian, duku, dokong dan buah-buahan, tidak mendapat sebarang bantuan sedangkan getah yang ditanam dahulu dipotong sesnya setiap tahun dan wang ini sepatutnya diberi kepada pekebun kecil getah bila hendak tanam semula sama ada dia hendak tanam getah balik, hendak tanam kelapa sawit atau dia hendak tanam pokok buah-buahan tetapi hingga hari ini, bantuan kepada buah-buahan ini dibekukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi, walaupun ada lagi yang hendak disebut.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi ada bangunkah? Panjangkah?

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tidak panjang Datuk, sedikit sahaja.

6.16 ptg.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tidak mengambil masa yang panjang. Saya ingin membahaskan sedikit sebanyak berkenaan dengan Bekalan B.22 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Pertama berkenaan dengan Butiran 020000, Jabatan Kemajuan Malaysia (KEMAS). Tuan Pengerusi, di Sarawak sebenarnya KEMAS yang menubuhkan Tabika KEMAS. Jadi kebanyakan sekolah-sekolah Tadika KEMAS itu duduk menumpang iaitu sama ada balai raya dan ia tidak ada premis sendiri. Jadi kalau boleh, saya minta peruntukan banyak sedikit diberikan kepada KEMAS supaya mereka mempunyai premis tadika sendiri. Itu yang pertama.

Yang kedua, di kawasan saya Selangau, apabila kakitangan KEMAS berjalan, mereka tidak ada kenderaan sendiri Tuan Pengerusi. Tidak ada motobot, tidak ada kenderaan seperti *Land Cruiser* dan sebagainya jadi mereka menumpang. Pegawai KEMAS selalu tumpang saya. Kadang-kadang tidak ada *transport* pun atau tidak ada orang yang hendak ditumpangi, kadang-kadang pegawai tidak jadi pergi. Ini masalahnya. Sekurang-kurangnya satu Bahagian KEMAS misalnya di Sibu, ada satu *Land Cruiser* dan juga bot supaya mereka dapat pergi jauh ke tempat di kawasan pedalaman.

Yang seterusnya, Butiran 030000, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Di Sarawak Tuan Pengerusi, ada *minority group* dari suku Kaum Penan, macam Orang Asli di Semenanjung juga. Jadi di Semenanjung ini, di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dia ada peruntukan, bagi Sarawak ada juga tetapi kecil. Datuk Setiausaha Parlimen pun tahu, minta kalau boleh Kerajaan Pusat untuk memberi peruntukan khas kepada Orang Asli Sarawak seperti macam suku Kaum Penan, Peketan, Badang dan sebagainya yang ada... saya lupa nama mereka dan di kawasan saya ramai. Mereka ini masih tinggal di dalam hutan. Jadi wang *туру* yang dikatakan di Sarawak, untuk Orang Asli Sarawak, suku Penan, tidak cukup! Jadi mereka membuat kompelin kepada saya. Jadi saya diminta menyampaikan perkara ini kepada Kerajaan Pusat.

Yang ketiga berkenaan dengan Butiran 01702 - Bekalan Elektrik Luar Bandar - Sarawak. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, oleh kerana di negeri Sarawak pun terdapat kurang lebih 5,000 atau 6,000 buah kampung dan rumah panjang yang bertaburan di mana-mana tempat. Setakat ini berapa peratuskah bekalan elektrik luar bandar telah dibekalkan kepada rumah panjang dan kampung-kampung lebih-lebih lagi sekolah-sekolah dan klinik-klinik luar bandar?

Berkenaan dengan Butiran 02002 - Bekalan Air Luar Bandar - Sarawak. Saya ingin bertanya juga, setakat ini berapa banyak kampung dan rumah panjang yang dibekalkan dengan air seperti dermaga air yang bukan *grid* itu kerana kalau *gravity feeds* saya tahu tetapi menggunakan air terjun atau sebagainya, Yang Berhormat lebih tahu, ia tidak ada klorin. Musim kemarau kita tidak tahulah, *cholera or what ever* datang, jadi air ini tidak selamat. Mereka di rumah panjang kadang-kadang tidak masak air itu. Jadi maklumlah kuman ini. Jadi mereka *take for granted water* ini sebab mereka fikir ia nampak bersih, *so it's clean from everything*. Ok!

Yang akhir sekali, sebab masa singkat, berkenaan dengan Butiran 04800 – Penanaman Getah Semula. Di kawasan saya ada sebuah kampung – Kampung Sebentik, Tuan Pengerusi, di Batu 21, Jalan Oya. Dahulu ada penanaman getah yang telah dilaksanakan oleh SLDB, kalau saya tidak salah. Ini sudah berapa tahun saya tidak tahu – tahun 1950-an, getah ini pun sudah tua tetapi tidak diganti, tidak ditanam semula.

Saya diberitahu bahawa penduduk Kampung Sebentik itu berjumlah seramai lebih daripada 600 orang. Bagaimana mereka sekarang, mereka tidak ada mata pencarian sebab bergantung kepada getah yang sudah tua ini. Saya minta kalau boleh, penanaman semula getah dijalankan di kawasan itu, atau kalau getah ini sudah tidak bermutu lagi, dapat diganti dengan tanaman kelapa sawit atau apa-apa projek ekonomi supaya kehidupan masyarakat di kampung ini dapat diteruskan dan mereka tidak berpindah ke tempat lain.

Dengan kata-kata yang demikian, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh jawab.

6.22 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan beberapa perkara atau program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih terhadap keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat, di mana bukan sahaja telah menyoal dari segi beberapa penjelasan tetapi juga telah memberi cadangan-cadangan yang saya rasa begitu baik supaya ia akan kami teliti secara terperinci, supaya insya-Allah kita juga akan menggunakan segala cadangan-cadangan yang baik itu untuk kita memantapkan lagi program-program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya terus masuk kepada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan. Mungkin ia tidak betul dari segi susunan tetapi saya cuba menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat bagi Serdang telah bertanya dari segi kampung orang Asli di Sungai Rasau, Puchong, di mana Yang Berhormat bertanyakan kenapakah kampung ini telah dipinggirkan atau tidak disampaikan bantuan kepada segolongan mereka ini. Kampung Sungai Rasau adalah kampung yang terletak dalam tanah kerajaan negeri yang belum diwartakan.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi pembangunan semua kampung Orang Asli dalam negeri Selangor. Terdapat perancangan dalam tahun 2003 dan 2004 bagi Jabatan Orang Asli untuk membina kawasan perumahan PPRT, bekalan air bersih dan sebagainya di kampung tersebut. Kedua, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor akan sentiasa membangunkan kampung tersebut dalam tahun 2003, iaitu tahun ini dan juga tahun hadapan dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada.

Saya berharap Yang Berhormat juga memantaulah dan kalau dirasakan belum ada pembangunan, Yang Berhormat sila memaklumkan kepada pihak kementerian.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tetapi apa yang kini dihadapi oleh penduduk Sungai Rasau itu ialah tanah tersebut telah diserahkan kepada syarikat pemaju perumahan untuk dibangunkan semula. Apa yang dikhuatiri oleh penduduk Orang Asli ini ialah bagaimana untuk mendapatkan semula hak mereka. Sehingga kini mereka masih belum mengetahui kedudukan sebenar mengenai perancangan pihak pemaju dalam pembangunan semula kampung tersebut. Itu yang penting sekarang ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan, dari segi jawapan itu kita akan semak dengan terperinci. Yang Berhormat tadi memberitahu bahawa tanah ini telah diberikan atau diwartakan kepada pemaju perumahan, jadi kami akan semak perkara ini, supaya kerisauan dan kegelisahan mereka ini dapat terjawab. Saya berharap pegawai yang ada di sini akan memberikan jawapan yang terperinci atau boleh berbincang dengan Yang Berhormat selepas ini.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sama mengenai pelaksanaan projek-projek untuk kampung di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, tadi Yang Berhormat telah menyebutkan nama beberapa kampung di sini, iaitu Sri Puchong, Sri Andalas, Sri Andalan dan Kampung Sri Aman, kenapa kampung-kampung ini tidak ada kemajuan atau pembangunan daripada kementerian ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan ini sebenarnya adalah terletak di luar kawasan operasi atau di luar bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebab kampung-kampung ini terletak di dalam kawasan PBT, iaitu Pihak Berkuasa Tempatan.

Walau bagaimanapun, kami berharap pegawai telah mengambil maklum agar perkara ini dapat diteliti di mana yang kementerian dapat membantu, sebab Yang Berhormat menyebutkan yang kampung ini adalah sebuah kampung tradisional. Jadi, di situlah pegawai-pegawai saya akan cuba mencari jalan, Yang Berhormat, untuk kita sama-sama membantu.

Saya sampai kepada persoalan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, di mana beliau ada bertanya mengenai Koperasi Kijang Mas di Kelantan, iaitu sama ada ada dalang-dalang tertentu di dalam Koperasi ini dan wang yang banyak itu di manakah ia dimanfaatkan? *[Memerhati ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Rantau Panjang]* Yang Berhormatnya tidak ada di sini, ya. Tidak ada dalang yang terlibat. Semua Koperasi Kijang Mas, terutamanya di Kelantan adalah diuruskan oleh Orang Asli, di mana nama Pengerusi Koperasinya ada disebut di sini, iaitu Encik Awın bin Pendek, Pengurus Besarnya ialah Encik Israr dan jawatankuasanya semua melibatkan Orang Asli belaka.

Yang mendapat manfaat adalah melalui Tabung Amanah hasil daripada pembalakan sebanyak RM7 juta, di mana antara projek yang dijalankan adalah pembinaan rumah PPRT Orang Asli, pendawaian rumah Orang Asli dan pemasangan bekalan elektrik. Bermakna semuanya ada dimanfaatkan.

Mengenai Kampung Loging, Gua Musang, Kelantan iaitu budaya tidak sihat telah menular ke kampung Orang Asli ini akibat pembekalan kemudahan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di sini adalah tidak adil bila kita memberi kemudahan maka

dikatakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pula yang menyebabkan keruntuhan moral dan sebagainya.

Saya rasa dalam hal ini semua pihak mesti bertanggungjawab, iaitu bukan hanya Kementerian Pembangunan Luar Bandar sahaja yang bertanggungjawab. Kementerian Pembangunan Luar Bandar cuba membawa segala kemudahan dan bantuan tetapi bila sudah ada, janganlah serahkan kepada kementerian sahaja untuk memastikan bahawa bila budaya-budaya semacam ini menular, janganlah mengatakan, "Ah, Kementerian Pembangunan Luar Bandarlah yang tidak betul".

Jadi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Jabatan Orang Asli, memang memberi segala kemudahan kepada Orang Asli, termasuklah mengadakan kemudahan, dan bila masuk TV, VCD dan sebagainya, janganlah dikatakan bahawa ini adalah akibat daripada kementerian atau Jabatan Orang Asli. Jadi, pada masa ini Jabatan Orang Asli tiada maklumat dan mungkin kes ini adalah terpencil, tetapi memandangkan Yang Berhormat telah membawa hal ini ke dalam Dewan, jadi insya-Allah kita akan cuba menyasat. Jadi, apa-apa juga yang berlaku di mana masalah ini memanglah susah dipantau ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara itu dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, jadi teguran Yang Berhormat itu pun tidak dapat disampaikan kepada beliau.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Dia tidak ada. Okay, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak ada.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Janganlah mengatakan bahawa bila kami membawa kemajuan, kami juga dipersalahkan. Jadi mesti ada keseimbangan.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun.

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat bagi Tanah Merah, okay.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat silap catat tadi itu. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang kata tadi, saya ada mendengar ucapan dia tadi. Dia nyatakan bahawa Orang Asli pada hari ini, di kawasan Orang-orang Asli, dia minta pihak kementerian supaya menangani masalah yang dihadapi oleh Orang-orang Asli hari ini dengan adanya kemudahan-kemudahan elektrik dan sebagainya menyebabkan perkara-perkara yang tidak baik telah disalurkan dan dibawa masuk kepada Orang-orang Asli termasuklah oleh tauke-tauke balak dan sebagainya. Bukan dia kata kementerian yang membuat perkara itu. Tetapi dia minta kementerian yang memantau supaya program Orang Asli ini dapat dijaga dan "keaslian" Orang Asli ini tetap terjaga.

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah yang saya katakan, tetapi cara-cara yang dia katakan tadi termasuklah apabila sudah ada solar, sudah dibekalkan TV dan sebagainya, ada jugalah Yang Berhormat, dikaitkan sedikit, jadi saya hendak memperbetulkan jugalah. Biasalah Yang Berhormat. Jadi, terima kasih. Saya berharap pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan mengambil maklum apa yang telah disebutkan tadi.

Mengenai Jalan Kesban, Bukit Bunga ke Tumpat, Jalan Kesban ke Tumpat akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan untuk makluman Yang Berhormat, surat niat telah dikeluarkan kepada kontraktor berkaitan dan kontraktor memang dalam membuat reka bentuk, rundingan akan diadakan dengan kontraktor setelah reka bentuk itu disiapkan. Ini yang disebutkan tadi sebab dia katakan belum siap, belum lengkap.

Lampu jalan dipasang di depan rumah orang UMNO dan JKKK, di mana saya ingin memperbetulkan di sini Yang Berhormat, bahawa dasar kementerian memang tidaklah kita

memasang seperti yang telah dikatakan, di mana memang kita hendak memasang di tempat-tempat orang awam, orang ramai dan kami memang mengalu-alukan segala-galanya supaya semua pihak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa lampu-lampu ini dipasang di tempat-tempat yang strategik di kampung.

Saya ingin memaklumkan di sini juga memang ini adalah satu dasar bahawa lampu jalan ini dipasang pada tiang-tiang yang sedia ada. Jadi, kadang-kadang tiang-tiang ini kebetulan berada di tempat-tempat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, itulah yang terjadi macam itu, sebab kita mempunyai dasar untuk projek lampu jalan kampung, untuk memasang di tiang-tiang yang sedia ada.

Yang Berhormat bagi Saratok telah memohon agar bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik disegerakan di mana memang sudah ada jalan utama dan selalunya dia mengatakan bila ada jalan, bermakna bekalan elektrik akan juga masuk ke tempat-tempat demikian. Memang seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat bagi Saratok, memang kita maklum dan besar kemungkinan kampung yang disebut oleh Yang Berhormat tadi memang sudah ada dalam senarai, tetapi hanya menunggu pelaksanaan dan pelantikan kontraktor. Jadi, ini akan diusahakan, insya-Allah dalam tahun ini dan juga tahun 2004.

Yang Berhormat bagi Batang Sadong memohon penjelasan dari segi jumlah... Saya tidak membaca mengikut susunan Yang Berhormat ya. Yang mana jawapan ada di sini, jadi saya harap Yang Berhormat faham. Yang Berhormat minta penjelasan mengenai jumlah besar bagi Konvensyen GDW dan Pertandingan Desa Cemerlang, adakah betul angka yang disebut tadi seperti dibaca? Jadi, angka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai bilangan konvensyen dan lain-lain, ini merupakan bilangan peserta. Mungkin cara ia ditulis ini. Maaflah Yang Berhormat, kami ambil maklum. Sebab cara dia sebut itu, mungkin kita kena letak "orang" dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat ya.

Satu lagi yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Batang Sadong ialah berapa banyakkah agaknya jalan-jalan kampung di kawasan Batang Sadong. Saya tidak pasti inikah yang ditanya oleh Yang Berhormat, tetapi saya tengok dari segi jawapan, ya Yang Berhormat.

Kementerian sedar peratusan jalan kampung di Sabah dan Sarawak masih rendah berbanding dengan Semenanjung. Kementerian telah memberi perhatian dan peruntukan yang terbanyak kepada Sabah dan Sarawak berbanding negeri-negeri lain pada tahun 2003. Kementerian juga akan memberi perhatian kepada negeri Sarawak, termasuk kawasan Yang Berhormat bergantung kepada keupayaan kewangan atau bajet yang telah diberikan di mana di sini kami memang akui perkara itu. Terima kasih Yang Berhormat di atas ucapan terima kasih daripada Yang Berhormat. Memang kami akan sentiasa memberi perhatian kepada keperluan-keperluan daripada wakil-wakil rakyat iaitu mengenai jalan.

Mengenai lampu jalan kampung, dasar kementerian memanglah maksimum sebanyak 10 unit lampu dan ini juga mengikut bajet yang diberikan, tetapi kami mengakui juga bahawa ada kampung yang besar. Mungkin kampung yang besar ini, keperluannya adalah lebih daripada 10. Oleh yang demikian, memang telah ada dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa apa-apa keraguan macam ini harus dimaklumkan semula supaya nanti kita akan menilai semula dari segi projek lampu jalan kampung ini.

Satu daripadanya saya dimaklumkan ialah bahawa menggunakan tiang yang sedia ada. Ada masa dan ketikanya, tiang ini memang terletak di tempat yang tidak begitu strategik. Ini juga berlaku termasuk kawasan saya. Jadi, ini juga akan diberi penilaian di mana kementerian ini mengalu-alukan maklum balas daripada Yang Berhormat untuk memaklumkan dan membantu kami supaya kami dapat membuat penilaian semula dari segi projek ini.

Projek ini memanglah baik kita rasa. Hasratnya memang baik iaitu untuk mencerahkan kawasan-kawasan kampung, tetapi pada masa yang sama mungkin pelaksanaannya harus kita teliti bersama.

Lagi Yang Berhormat bertanya mengenai bilangan tabika untuk tahun 2004, iaitu ingin dimaklumkan di sini Yang Berhormat, bilangan kelas Tabika Kemas tahun 2003 ialah

8,275 buah dan anggaran bilangan kelas Tabika Kemas bagi tahun 2004, ia menurun kepada 8,000 buah kerana pembukaan kelas prasekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau disebut sebagai *Annex*, terutama kanak-kanak yang berumur enam tahun. Untuk pengetahuan kepada semua, kanak-kanak berumur empat ke lima tahun diambil oleh Tabika Kemas. Yang selainnya oleh Kementerian Pendidikan.

Bagi bangunan tabika baru di Batang Sadong, bagi tahun 2004, insya-Allah, kami akan semak dengan terperinci dan akan memaklumkan kepada Yang Berhormat. Bagi bangunan tabika baru di Sarawak bagi tahun 2004 ada 19 buah dan bagi bangunan tabika baik pulih di Sarawak bagi tahun 2004 ada 63 buah.

Cadangan tabika untuk dibina di satu kompleks, dipusatkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat di mana disebutkan di Kampung Gedung, pihak Kemas akan menyemak senarai dan kalau ianya bersesuaian, kita akan membinanya pada tahun hadapan dan akan memaklumkan kepada Yang Berhormat di mana saya memang tahu kes yang Yang Berhormat sebutkan ini. Insya-Allah, saya berharap cadangan Yang Berhormat ini akan dapat kita laksanakan pada tahun hadapan.

Yang Berhormat bagi Tampin bangkit mengenai isu tanam semula getah dan kelapa sawit. Tugas utama RISDA ialah untuk menanam semula getah kepada getah, terutamanya dalam kawasan zon getah yang digazetkan oleh Lembaga Getah Malaysia. Walau bagaimanapun, di kawasan luar zon getah dan kawasan tanah kurang daripada 2.5 hektar, pekebun kecil dibenarkan untuk menanam kelapa sawit.

Bagi masalah kekurangan benih getah, kekurangan benih ini timbul kerana peningkatan matlamat tanam semula dari tahun 2001 dan 2002 iaitu peningkatan dua lagi ganda. Jadi, oleh yang demikian, benih pun tidak mencukupi.

RISDA sedang mengatasi masalah ini dengan mendapatkan sumber-sumber luar yang telah mendapat pengesahan daripada pihak Lembaga Getah Malaysia. Ini adalah untuk memastikan benih tersebut bermutu tinggi dan mengeluarkan hasil seperti yang disebut tadi. RISDA tidak pernah membenarkan pekebun kecil mencari benih sendiri. Ini satu yang serius disebut tadi jadi elok jugalah kalau dapat Pegawai RISDA di kawasan tersebut menyemak. Walau mereka ada sumber benih mereka perlu melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh RISDA.

Sebab kita hendak mendapatkan benih yang betul-betul bermutu tinggi. Mengenai persaingan pembeli kayu getah, anak syarikat RISDA bertindak sebagai pengawal harga kayu getah. Kalau pekebun kecil dapat menjual dengan harga tinggi mereka boleh berbuat demikian. Tidak ada paksaan dari RISDA. Jadi bermakna kalau ada orang yang boleh mengambil dengan harga lebih tinggi dipersilakan. Namun perlu dilaporkan bahawa anak syarikat RISDA yang membeli kayu di Negeri Sembilan adalah milik bersama RISDA dan KPK Negeri Sembilan di mana keuntungan syarikat ini akan dimanfaatkan kepada Koperasi Pekebun Kecil Negeri Sembilan. Bermakna bukan RISDA sahaja.

Ini mengenai syarikat insurans yang dikatakan PROTAC. Syarikat ini menguruskan insurans untuk kakitangan dan juga urus niaga luar RISDA. Syarikat ini adalah *self supporting* yang tidak melibatkan peruntukan daripada RISDA. Ini adalah untuk makluman.

Yang Berhormat bagi Sepang telah bertanya mengenai program keagamaan, masalah kesihatan dan perubatan Orang Asli. Sehingga kini terdapat sejumlah empat kes pesakit Orang Asli di negeri Johor yang dikenal pasti dijangkiti HIV AIDS. Jumlah ini amat kecil peratusannya berbanding dengan jumlah penduduk Orang Asli iaitu seramai 132,000 orang di seluruh Malaysia. Namun kita akan mengambil perhatian, sebab takut yang empat ini menular menjadi lebih ramai.

Mengenai kes pelacuran dan dadah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak memiliki maklumat terperinci oleh kerana ia adalah kes terpencil. Bermakna kementerian tidak ada menerima laporan. Walau bagaimanapun, jabatan sentiasa memantau perkara ini melalui program-program kesihatan seperti program kesihatan di setiap negeri yang berterusan dijalankan di mana ada 18 Kem Kesihatan setahun yang dilaksanakan. Selepas itu diadakan perkhidmatan doktor udara ke kampung-kampung Orang Asli yang jauh di

pedalaman iaitu sebanyak 48 kali setahun dan juga diadakan Ceramah Pendidikan Kesihatan dan Penjagaan Kanak-Kanak melalui siaran Radio Orang Asli iaitu radio RTM7 dengan kekerapannya sekali seminggu.

Selepas itu disebut juga meminta supaya pemasangan lampu jalan diperluas ke hujung-hujung kampung bagi menghindari gejala sosial. Memang penentuan lokasi lampu diputuskan oleh JKKK dengan panduan di depan bangunan-bangunan awam serta di simpang-simpang jalan. Oleh kerana bilangan yang dibenarkan hanya 10 unit sahaja, jabatan memberi keutamaan biasanya ditumpukan di lokasi yang mana penduduknya ramai terutama di hujung-hujung kampung dan tidak kepada..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Datuk atau Datin Paduka Setiausaha Parlimen. Hebatlah, dia punya Menteri, Timbalan tidak tahu ke mana. *[Ketawa]* Perempuan sahaja nampaknya. Kita hendak bertanya lebih-lebih perempuan, selepas itu sebelah petang pula Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya. Soalan akan sampai Tuan Pengerusi. Saya ini jenis orang hormat wanita Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi pun menghormati wanita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kementerian untuk wanita ada jawatan kosong lagi...*[Ketawa]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ok! *[Ketawa]* Projek lampu kampung ini antara projek yang paling saya suka, ini di Kementerian Luar Bandar. Kita amat menyokong dan amat berbahagia dengan projek ini. Cuma masalah pelaksanaan. Ini tidak salah Menteri, tidak salah Timbalan Menteri, lebih-lebih lagi tidak salah Setiausaha Parlimen. Ini pelaksanaan. Boleh atau tidak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan jaminan di Dewan yang mulia ini, ini sudah bulan Syaaban, 12 Syaaban, boleh atau tidak menjelang bulan Ramadan, bulan Ramadan ini Tuan Pengerusi, orang Islam dia berjaga malam, hendak pergi sembahyang tarawih, hendak berbuka puasa dan sebagainya.

Masjid-masjid, surau-surau amat mengalu-alukan ini dan saya tahu antara jalan-jalan yang diatur untuk lampu jalan ini ialah tempat-tempat persimpangan jalan, masjid-masjid, surau-surau. Jadi boleh atau tidak dalam masa dua minggu ini...

Seorang Ahli: Heh! Tiang pun tidak ada.

Seorang Ahli: Dua minggu mana boleh.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: .. dua minggu..

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Lampu colok bolehlah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak tahulah kalau kontraktor ini dimonopoli oleh seorang untuk seluruh negara, memang tidak boleh tetapi agaknya kalau dibahagi-bahagikan, saya ingat perkara ini boleh selesai. Jadi, boleh tidak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jaminan di Dewan ini bahawa lampu jalan kampung ini yang telah pun lulus peruntukannya akan menyala menjelang bulan Ramadan al-Mubarak yang akan datang ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, pegawainya ada di sini. Kita memang mengetahui bahawa projek ini memang berjalan iaitu kita memastikan bahawa setiap kampung ada 10 lampu jalan dan kita berharap juga dengan apa yang banyak kita bincang bahawa sama-samalah bertanggungjawab untuk memastikan pemilihan. Kadang-kadang yang lambat ini Yang Berhormat sebab memang dikatakan bahawa kita menggunakan tiang yang sedia ada tetapi ada masanya juga pemilihan tempat-tempat hendak meletakkan tiang ini harus dibincangkan bersama dan program ini adalah *on-going* diteruskan dan saya rasa memang program sekarang ini memang banyak masalahnya. Kita akan meminta TNB untuk memantau segala program ini khasnya di Semenanjung.

Jadi dari segi memastikan bahawa sebelum datangnya bulan Ramadan ini adalah semua lampu jalan ini Yang Berhormat Dato', saya rasa saya tidak dapat memberikan komitmen semacam itu, sebab kadang-kadang mustahil juga tetapi akan diusahakan. Yang itu lagi cantik, kita menyebut macam itu Yang Berhormat.

Jadi, sebelum tadi, saya masuk balik kepada Yang Berhormat bagi Sepang, saya teringat ada satu yang dikomen oleh Yang Berhormat bagi Tampin mengenai ekonomi mengadakan perusahaan iaitu satu produk atau satu daerah satu industri dan terima kasih di atas pandangan dan keprihatinan Yang Berhormat bagi Tampin.

Memang kami akui dan untuk makluman, bukanlah kami mengatakan hanya lima produk itu yang akan menjadi keutamaan tetapi lima produk itu dikenal pasti untuk kita memastikan bahawa ianya sampai sehingga ke luar negara tetapi pada masa yang sama, mana-mana produk yang ada di kampung, yang hendak diketengahkan akan diteruskan dengan bantuan-bantuan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya datang daripada Bahagian Ekonomi Desa di mana diberikan latihan dan sebagainya.

Mengenai *outlet* di KLCC satu ianya bukan dibayar oleh pengusaha, ia dibayar oleh kementerian dan itulah satu tempat kita hendak mempromosikan barang-barang tersebut. Sebab bagaimana kita hendak memasarkan kalau kita tidak ada promosi. Jadi, digunakan *outlet* itu untuk mempromosikan barang-barang ini dan untuk makluman walaupun kita berikan contoh seperti labu sayung tetapi tidak semestinya labu sayung *per se* tetapi ianya akan dibuatkan *market research*, penyelidikan pasaran dan sebagainya, di mana ianya boleh dibawa balik oleh pelancong-pelancong. Mungkin ianya tidak sebesar labu sayung yang sebenar tetapi ianya akan dikurangkan saiz supaya ini adalah contoh-contoh, hasil-hasil kerja kita di luar bandar khususnya di Malaysia. Sebab kita tidak kisah dari segi itu adalah satu barang yang lama dan sebagainya tetapi itu adalah satu daripada budaya kita, kraftangan di Malaysia supaya ia menjadi – ini contoh, tengok sahaja labu sayung, okay ini Malaysia dan sebagainya. Sebab tadi saya ada tulis, takut Yang Berhormat Tampin mengatakan di manakah jawapan itu.

Bersambung kepada Yang Berhormat bagi Sepang iaitu untuk mengadakan program keagamaan Orang Asli iaitu mohon kementerian melalui Jabatan Orang Asli untuk memantau pendidikan agama Islam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau bangun. Yang Berhormat itu pun letihlah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okay, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bolehkah minta Setiausaha Parlimen menjimatkan masa ini, mana-mana Ahli Yang Berhormat yang tidak ada dalam Dewan ini tak payah jawablah. Jawab secara bertulis. Bolehkah? [*Ketawa*] Jadi, senanglah, kalau tidak Yang Berhormat bercerita seorang, yang menyoal tidak ada. Jadi, Yang Berhormat jawab tetapi secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh diberi pertimbangan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh pertimbangan. Saya ingat Yang Berhormat pun singkat masa, mungkinlah kita dapat rehat sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpulang kepada Yang Berhormatlah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau ada lagi kira tiada Yang Berhormat jawab, saya ingat ada lebih kurang 10 kawasan lagi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang diperlukan cadangan sedemikianlah.

Sebelum Tebrau, ini Yang Berhormat bagi Tanjong. Dia katakan tadi bahawa kementerian ini tidak memberi perhatian kepada kaum India. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini bukan sahaja satu kaum tetapi semua kaum kami jaga. Ada

juga Yang Berhormat termasuk mungkin kawasan itu tidak dapat diberi kemudahan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti estet-estet sebab estet itu akan diambil oleh pihak-pihak estet itu sendiri untuk membantu. Tetapi walau bagaimanapun, Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat dan saya memang tahu Timbalan Menteri juga memang bekerja keras untuk memastikan bahawa bermacam-macam program itu termasuk kepada kaum India, tetapi terima kasih kepada Yang Berhormat atas saranan yang disebutkan dan memang ada banyak juga peruntukan telah diluluskan di mana Yang Berhormat tadi menyebutkan berapakah orang miskin daripada kaum India menerima bantuan daripada Amanah Ikhtiar. Jadi, di sini ada maklumat sedikit, Yang Berhormat.

Bagi tempoh tahun 2001 sehingga April 2003 seramai 689 orang daripada kalangan kaum India telah diberikan bantuan pinjaman oleh Amanah Ikhtiar iaitu Skim Pembiayaan Ikhtiar 486 orang dan Skim Pembiayaan Ibu Tunggal 203 orang. Sebenarnya ada juga bantuan-bantuan lain yang kita berikan khusus untuk memberi pendapatan atau meningkatkan pendapatan kepada kaum India. Jadi, terima kasihlah kepada keprihatinan Yang Berhormat dan kita akan sampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Yang Berhormat begitu prihatin ke atas mereka ini.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Penjelasan. Saya ingin tahu mengapa tidak ada peruntukan untuk Amanah Ikhtiar Malaysia bagi tahun hadapan, dan adakah orang-orang yang sudah pun menerima bantuan di bawah Amanah Ikhtiar ini oleh kerana tidak ada peruntukan pada tahun hadapan, adakah ini bererti mereka yang menerima bantuan dalam tahun hadapan tidak lagi akan menerima bantuan menerusi Amanah Ikhtiar Malaysia ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Ingin saya maklumkan bahawa Amanah Ikhtiar ini bukannya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tetapi kami juga menyalurkan bantuan-bantuan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia. Untuk makluman, saya ada rakan di sini yang maklumkan bahawa Amanah Ikhtiar Malaysia ada diberi *allocation* sebanyak RM200 juta di bawah mikro kredit untuk digunakan tetapi ia tidak *appear* di dalam peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebab itu bukan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Yang Berhormat bagi Tebrau...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau ini perlu berikan jawapan yang panjang sedikit sebab dia minat, dia tunggu sampai sekarang. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat bagi Tebrau telah menyebut mengenai kalau dapat kita menubuhkan Tabika KEMAS khusus untuk pengajian Al-Quran dan Muqaddam. Untuk makluman Yang Berhormat, Tabika KEMAS memang menggunakan kurikulum prasekolah kebangsaan sebab kita diharus menggunakan kurikulum prasekolah kebangsaan di mana peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran bagi pengajaran Pendidikan Islam diadakan di dalam kurikulum tersebut sekurang-kurangnya dua jam seminggu. Memang sudah ada.

Kelas pengajaran Pendidikan Islam dikendalikan oleh pemaju masyarakat tabika. Hanya segelintir kelas-kelas dibantu oleh pemaju masyarakat Bina Insan untuk pengajaran Pendidikan Islam. Tetapi cadangan Yang Berhormat untuk tadika khusus pengajian Al-Quran akan dikaji, bermakna sukatan itu sudah ada, tetapi cadangan Yang Berhormat untuk mengkhususkan itu mungkin bolehlah dikaji tetapi kita ada satu bahagian di dalam KEMAS dinamakan Bina Insan juga boleh meneliti cadangan Yang Berhormat ini.

Yang Berhormat juga memohon bajet untuk lampu jalan kampung. Saya sudah sebutkan tadi Yang Berhormat, tetapi memandangkan ada maklumat di sini, program lampu jalan kampung merupakan *One-Off* program. Ianya *One-Off*, habis yang ini habislah. Sebab itu disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, *it's One-Off*. Bajet yang diluluskan bagi tahun-tahun iaitu daripada tahun 1992 – RM38 juta, 1993 – RM14 juta, dan 1994 – RM30.6 juta. Ini bagi tahun 2000, 2001, 2002, 2003. Jadi, sejumlah RM72.6 juta telah diberikan dan ianya adalah *One-Off*. Bila sudah habis semua kampung kita berikan projek ini bermakna tidak ada lagi.

Untuk makluman, program ini ada orang memikirkan bahawa bil-bilnya tidak termasuk. Sebenarnya segalanya dimasukkan. Bila Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengadakan ini ia termasuk dengan pembiayaan bil-bil elektrik di mana kementerian akan mengambil bil-bil elektrik ini dikumpul tiga bulan untuk dibayar sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit sahaja.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Pengerusi, okay, bil termasuk. Katakanlah bekalan kampung, kita ambil peruntukan Ahli Parlimen ataupun kita cari sebarang peruntukan tidak melalui Pembangunan Luar Bandar. Bila masuk nanti dia tanya kita bil api siapa hendak bayar. Kita boleh masukkan, pasang tiang 10, tarik ke jalan kampung yang gelap tetapi LLN akan tanya siapa hendak bayar bil api, air itu. Kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar masuk mungkin dia kira semua. Tetapi katalah kita sekarang hendak masukkan 10 tiang duit peruntukan saya. Selepas itu siapa hendak bayar bil api air kepada TNB itu. Macam mana itu?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Itulah Yang Berhormat, kalau yang itu mungkin Yang Berhormat juga yang terpaksa membiayai, [*Ketawa*] kecuali pihak kerajaan tempatan dan sebagainya boleh memikirkan sebab kita telah masukkan lampu itu. Tetapi yang saya katakan ini projek lampu jalan kampung. Yang itu saya berharap pihak-pihak yang lain akan mengambil kiralah. Bermakna wakil rakyat masukkan lampu tetapi pembiayaan ini siapa yang akan bayar. Ini soalan Yang Berhormat. Jadi, saya mungkin minta pegawai yang menjaga projek lampu jalan ini memikirkan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Mengangguk kepala*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Itu angguk-angguk mereka kata bermakna positiflah, [*Ketawa*] di mana kita bincangkan bersama sebab itu cadangan yang bagus, Yang Berhormat. Bermakna wakil-wakil rakyat masuk lampu tetapi sekarang ini hendak tahu siapa membiayai. Kita boleh membincangkan sebab tidak lama lagi Yang Berhormat Menteri sekarang ini sedang mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai kegagalan, kebaikan projek lampu jalan kampung, dia pun pening kepala sebab banyak masalah. Kami tahu lampu itu ada tetapi tidak menyala pun ada. Ada yang menyala siang hari, malam hari tidak menyala, macam-macam.

Jadi, pada masa sekarang ini Yang Berhormat Menteri sedang mengumpulkan segala maklumat, jadi saya berharap pegawai di sini ambil kira apa Yang Berhormat cadangan, sebab mungkin itu cadangan yang baik. Bermakna pembiayaannya mungkin pihak-pihak tertentu, manalah Kementerian Pembangunan Luar Bandar boleh – jadi itu dimasukkan juga di dalam cadangan untuk kita mempertingkatkan projek lampu jalan kampung.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mas, tidak ada di sini.

Beberapa Ahli: Tidak ada.

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Hah, tidak ada di sini ya, jalan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tanah Merah ada di sini. Ya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah, dia memberitahu di sini bantuan kewangan yang diberi kepada pengusaha luar bandar tidak sesuai atau tidak dapat berjalan seperti dahulu, bantuan kewangan diberi kepada pengusaha-pengusaha luar bandar.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan kewangan secara pinjaman yang dikeluarkan melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) memang ada syarat-syarat dari segi permohonan-permohonan, yang ini Yang Berhormat kata untuk kita melonggarkan syarat dan sebagainya, itu cadangan Yang Berhormat tadikan?

Tetapi itu memang terpaksa Yang Berhormat, ada syarat-syaratnya, sebab kadang-kadang permohonan-permohonan ini bermacam-macam dan kita memastikan sebab ia dinamakan pinjaman. Jadi, bermakna ia harus dibayar balik, jadi itulah mesti diadakan syarat-syarat untuk memastikan bahawa permohonan-permohonan ini adalah permohonan yang boleh menghasilkan pendapatan termasuk untuk membayar balik pinjaman, jadi memang ada syarat-syarat di mana Yang Berhormat di sini menyatakan hanya enam kampung disenaraikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan kami mengatakan enam kampung, kami mengatakan telah mengenal pasti enam produk, seperti satu daripada yang dikenal pasti adalah kraftangan daripada daun getah, saya rasa yang itu Yang Berhormat Kelantan yang banyak.

Jadi, bermakna kita mengenalpastikan produk, tetapi kami tidak pernah mengatakan kami ada sekatan dari segi hanya enam negeri, kami memberi contoh, ada enam produk telah dikenal pasti dahulu, sebab kita sebenarnya terlampau banyak produk, fikirkan Yang Berhormat ya, satu kampung satu produk, bermakna kalau kita ada 6,000 – 6,000 produklah katakan. Oleh yang demikian, kita mengenal pasti dahulu jenis produk yang mungkin datang daripada pelbagai tempat di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa dahulunya memang sudah dilaksanakan oleh LKW dan memang kita juga tahu dan Yang Berhormat Menteri pun pernah memberitahu bahawa memanglah terdapat adalah kegagalan dan oleh yang demikian, kita telah melantik FELCRA untuk menjadi *marketing arm* atau ejen pemasaran bagi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya untuk memasarkan dan juga membuat penyelidikan pasaran dan kualiti produk supaya kita ada satu ejen sedemikian untuk memastikan bahawa produk ini daripada peringkat pengeluaran sehinggalah kepada pemasaran.

Yang Berhormat telah bertanya mengenai bantuan kewangan SPED dan sebagainya, di mana peranan JKKK dan JKRR hanya mengesahkan projek di mana Yang Berhormat telah memberi banyak contoh dari segi kegagalan dan bermacam-macam lagi, kalau ia tidak diambil kira dari segi pasaran dan sebagainya, memang Yang Berhormat, kita memang juga telah mengambil kira apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dan terima kasih jugalah sebab Yang Berhormat sebagai bekas pegawai yang bersama-sama kami memang Yang Berhormat mengetahuilah masalah-masalah yang dihadapinya dahulu dan sekarang ini kita telah cuba mengenal pasti masalah dahulu supaya tidak berulang lagi.

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, cadangan saya tadi ialah apabila kerajaan mengatakan bahawa untuk memastikan program ini dilaksanakan secara teratur dan berkesan, kredit ini akan disalurkan kepada JKRR mengikut kumpulan untuk membiayai mana-mana program satu kampung satu produk.

Yang saya nyatakan ialah mengapa JKRR dipilih sebagai badan untuk menyalurkan peruntukan ini, kerana kita lebih tahu umpamanya, saya ambil contoh tadi, projek-projek sebelum ini yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai kerajaan sendiri pun mengalami masalah dan ada banyak yang rugi yang terpaksa ditutup, jadi sudahlah dahulu bermasalah, sekarang kita hendak serahkan pula kepada JKRR yang tidak mempunyai pengalaman, yang tidak mempunyai tanggungjawab yang tinggi.

Jadi, saya cadangkan supaya dialihkan orang yang bertanggungjawab di peringkat ini, kepada pegawai-pegawai kerajaan, kita ada di peringkat jajahan umpamanya ada ketua jajahan, ada penolong ketua jajahan, ada pegawai pembangunan daerah dan sebagainya, mengapa mereka ini tidak diberi tanggungjawab, itu satu.

Yang kedua, untuk mengelakkan daripada dipolitikkan, apabila diserahkan kepada JKRR mungkin timbul tidak puas hati di kalangan masyarakat kampung, kerana JKRR biasanya akan menggunakan kesempatan ini sebagai platform untuk mendampingi rakyat. Saya minta itu sebagai penjelasan daripada kementerian.

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, khasnya mengenai pinjaman atau pembiayaan skim ekonomi desa, sebenarnya Yang Berhormat pengusaha ini sendiri yang membuat permohonan.

Jadi, berkemungkinan JKKK ini hanya digunakan untuk mengesahkan orang ini dan juga mengesahkan projek itu yang dijalankan di kawasan itu, tetapi sebenarnya yang membuat permohonan dari segi pinjaman pembiayaan ini adalah pengusaha itu sendiri.

Jadi, tidak ada Yang Berhormat duit ini diturunkan melalui JKKK, itu tidak betul. Ia diberi *direct* kepada pengusaha yang telah diluluskan oleh bank-bank yang memberi kerjasama dengan kami iaitu Bank Rakyat dan juga Bank Pembangunan. Jadi, tugas JKKK adalah untuk mengesahkan orang itu dari kawasan tersebut dan sebagainya.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan yang betul kerana saya baca dan saya quotekan di dalam ini dikatakan bahawa untuk memastikan program ini dilaksanakan secara teratur dan berkesan, kredit ini akan disalurkan mengikut kumpulan melalui jawatankuasa kemajuan kampung ataupun JKKK kepada kampung-kampung yang mempunyai program satu produk satu kampung.

Jadi, saya apabila terbaca itu, makna dia mengatakan bahawa kredit ini akan disalurkan melalui JKK, itulah, jadi saya minta pembedaan, betul atau tidak, kerana ini kenyataan yang dibuat oleh pihak kementerian sendiri. Jadi, kalau betul saya tidak bersetuju dengan penyaluran itu kepada JKK.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm, cukuplah Yang Berhormat. Jawablah betul tidak Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jawablah sahaja betul tidak.

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Seperti saya katakan kalau pembiayaan ekonomi desa - tidak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hmm, dah!

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak! Dia *direct* kepada pengusaha, tidak melalui JKKK, tetapi ini mungkin ada program-program lain untuk peningkatan ekonomi desa - berkemungkinan. Tetapi kalau Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) sebab itu adalah pinjaman, bila pinjaman kita tidak salurkan kepada JKK, tetapi JKK tugasnya adalah untuk mengesahkan projek ini, itu yang saya tahu, itu dinamakan SPED - Skim Pembiayaan Ekonomi Desa.

Tetapi yang mikro kredit mungkin bantuan-bantuan yang lain, mungkin itu agihan, mungkin dari segi program-program yang lain Yang Berhormat. Jadi, yang itu nanti, mungkin pegawai akan mengambil maklum dan mungkin dapat memaklumkan dengan lebih terperinci kepada Yang Berhormat.

Kepada Gelang Patah. Gelang Patah, dia meminta jalan dari Gelang Patah ke Kampung Melayu. Jadi, pihak kami telah menyemak permohonan untuk pembinaan jalan ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah projek tahun 2003 adalah 7,568 jalan PJK ini, oleh itu saya akan menyemak jika tidak di dalam senarai 2003, pihak negeri akan dimaklumkan supaya meneliti cadangan jalan ini dalam tahun 2004. Sebab ia ada banyak Yang Berhormat, mungkin ada termasuk ...

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga mengatakan perlu ada latihan kesihatan ... *[Ketawa]*

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Ini penting. Ini jalan kampung dari Pekan Gelang Patah ke Kampung Sungai Melayu. Setahu saya, pegawai dari Jabatan Pembangunan Negeri Johor pernah memberitahu memang ada dalam perancangan. Oleh kerana jalan ini sangat penting, saya harap boleh dipercepat, kalau boleh sebelum pilihan raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hm! Jawab boleh atau tidak boleh, Yang Berhormat. Tidak usah panjang-panjang.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Satu, bila pilihan raya? *[Ketawa]* Sebab saya katakan dalam tahun 2004. Jadi kita pun tidak tahu bila pilihan raya dalam tahun 2004. Saya sudah katakan yang pegawai telah menyemak, kalau tidak ada dalam senarai tahun 2003, akan kita angkatkan untuk tahun 2004. *[Ketawa]*

Yang Berhormat juga bertanya, perlu ada latihan kesihatan dan pendidikan masyarakat Orang Asli di kawasan Yang Berhormat. Jadi sehingga kini, Jabatan Orang Asli mempunyai tiga pusat latihan kemahiran untuk Orang Asli iaitu satu, Pusat Latihan di Bukit Lanjan di Selangor, latihan kemahiran membaiki dan mengecat kereta motor dengan kerjasama Pusat Giat MARA, latihan kemahiran binaan dan kerja tanah dengan kerjasama CIDB, Pusat Latihan Paya 'Bingor' di Maran, Pahang di mana ianya adalah latihan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Paya Bungor, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Oh, salah. Paya Bungor. *[Ketawa]* Minta maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab itu Maran, saya tahu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Paya Bungor. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab itu tengok-tengok sedikit, Yang Berhormat ya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebab ini Tuan Pengerusi, ejaan kan, tulis hendak cepatkan!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak apa, tidak apa.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Paya Bungor, Maran, Pahang di mana ianya adalah latihan kemahiran menjahit, memasak dan program ekonomi rumah tangga, di mana pusat latihan ini adalah khas untuk wanita sahaja.

Kedua, adalah kursus yang dijalankan dengan kerjasama MLVK. Selepas itu diadakan juga pusat latihan di Kluang, Johor di mana pusat latihan ini khusus untuk program-program minda – membukakan minda Orang Asli di mana pelatih di ketiga-tiga pusat ini diambil daripada semua kampung Orang Asli termasuk di kampung dalam kawasan Gelang Patah.

Dari segi kesihatan, Kementerian Kesihatan seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat, memang telah dan sedang melaksanakan bersama dengan Jabatan Orang Asli secara berperingkat-peringkat dan berterusan dari masa ke semasa.

Mengenai pendidikan, sebanyak RM14 juta diperuntukkan dalam tahun 2003 untuk kepentingan pendidikan Orang Asli di seluruh Malaysia. Ini termasuk bantuan-bantuan seperti berikut iaitu :-

- alat-alat tulis dan buku sekolah;
- pakaian sekolah;
- yuran sekolah termasuk ke IPT;
- pengangkutan dan tambang ke sekolah; dan
- catuan makanan bagi sekolah-sekolah di pedalaman.

Jadi memang ada diberikan.

Mengenai SPED tadi, ini samalah Yang Berhormat seperti yang saya terangkan tadi iaitu memang kementerian telah memutuskan supaya pengusaha-pengusaha ternakan di Gelang Patah memohon pinjaman daripada Bank Pertanian Malaysia di mana projek tersebut adalah lebih sesuai dipertimbangkan di situ - di Kementerian Pertanian kerana Bank Pertanian dan Kementerian Pertanian mempunyai lebih kepakaran dalam bidang ternakan dan pemohon adalah terdiri daripada ahli-ahli PPK kawasan Johor Bahru Selatan. Perkara ini telah dirujuk kepada Bank Pertanian dan mereka bersetuju dengan keputusan tersebut.

Yang Berhormat bagi Tuaran... Tuaran tidak ada? [*Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Tuaran*] Tidak ada. Selangau ada. Ya, Pokok Sena. Yang Berhormat bagi Pokok Sena meminta supaya dibina jalan tar ke bendang di mana perlu dikaji termasuk mekanisme pelaksanaan orang-orang miskin.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak benar kerana banyak jalan kampung telah dibina di kawasan pembangkang, bermakna tidak tinggal Yang Berhormat, termasuk juga di negeri Kelantan dan Terengganu yang ditadbirkan oleh pembangkang. Jika jalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tidak disenaraikan pada tahun 2003, permohonan bolehlah dibuat untuk dipertimbangkan dalam tahun 2004. Ini mengenai jalan.

Untuk program pembasmian kemiskinan – mekanisme iaitu dapat mengubahkan mekanisme. Mekanisme pemilihan peserta projek yang telah diamalkan adalah berdasarkan kepada kriteria berikut:-

- ketua isi rumah adalah perlu berdaftar dengan pejabat daerah berkaitan;
- ketua isi rumah tidak mempunyai pekerjaan tetap;
- berpendapatan bulanan di bawah RM255 sebulan;
- mempunyai tanggungan sekurang-kurangnya empat orang ke atas;
- keadaan rumah yang uzur;
- tidak mempunyai tanah sendiri;
- ibu tunggal yang mempunyai ramai tanggungan; dan
- ketua isi rumah yang cacat dan uzur.

Peserta-peserta projek ini dipilih, diputuskan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan PPRT. Pemilihan... *something* – Daerah berdasarkan senarai di mana daftar permohonan yang disahkan oleh pejabat daerah sendiri. Bermakna, senarai ini Yang Berhormat, mesti dilaporkan, didaftarkan di pejabat daerah untuk mengenal pasti mereka yang betul-betul yang harus dibantu seperti kriteria yang telah disebut tadi...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang menjawab. Memang itu saya akui. Itu dia punya prosedur dan peraturan, termasuklah soal jalan tar tadi tetapi realitinya, apa yang berlaku di tempat pembangkang yang dibuat juga, itu saya ucapkan terima kasih. Akan tetapi realiti yang berlaku di sebahagian tempat lagi masih wujud sentimen politik ini yang menyebabkan berlaku seperti mana yang saya katakan tadi.

Sebab saya katakan logiknya, kalau Yang Berhormat kata tidak disenaraikan dalam tahun ini, mungkin tahun hadapan, logiknya buat apa pergi buat jalan di tengah-tengah bendang sedangkan jalan kampung tidak buat? Hendak bawa batu, hendak bawa tar itu menggunakan jalan kampung, sedangkan sepatutnya buatlah jalan kampung dahulu baharulah buat jalan di tengah-tengah kawasan bendang, di tengah kawasan sawah. Jadi

ini kita tengok bahawa berlaku sentimen politik yang saya katakan perlu ada orientasi semula terhadap peranan JKK itu sendiri.

Yang keduanya, macam rumah PPRT yang disebut tadi, berlaku laporan audit setahun ataupun dua tahun sudah yang mendedahkan bagaimana ada orang yang sudah punya rumah, sudah punya kemewahan, kereta besar dan sebagainya tetapi mendapat bantuan PPRT. Jadi maknanya, prosedurnya memang begitu seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tetapi realiti pelaksanaannya tidak sebenarnya seperti mana yang ditentukan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini masalahnya, berlaku kerana orientasinya ialah orientasi politik. Sentimen politik itu menebal, mengatasi kepentingan kehidupan rakyat di kampung.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat kadang-kadang sama kerana Yang Berhormat pun macam itu jugalah, tetapi tidak mengapa, saya minta Yang Berhormat dari segi daftar ini bolehkah Yang Berhormat berikan nama-nama yang Yang Berhormat sebutkan tadi sebab kami pun merasa kecewa juga kalau orang-orang macam ini masuk dalam daftar kemiskinan, sebab tidak sepatutnya, sebab itu sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat, memanglah kita dalam proses mengemas kini semua daftar kemiskinan di seluruh negara. Jadi beri masa sedikitlah Yang Berhormat dan kita perlu maklum balas macam inilah, kalau betul dikatakan orang ini memang tidak berkelayakan untuk masuk dalam daftar kemiskinan, sila cepat-cepat beritahu. Tulis kepada kami supaya ianya dapat dikeluarkan daripada daftar. Memang kami pun kecewa Yang Berhormat, kalau ada perkara begini terjadi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, nak bagi lagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kita pun baca laporan audit, kita tidak tahu siapa yang tidak sepatutnya dapat, tetapi soalnya orang yang patut dapat tetapi tidak dapat, itu masalahnya yang berlaku di kampung, tetapi bila kita minta daripada pihak kerajaan – ini masalah mekanisme dalam kerajaan itu sendiri yang hendak *recommendation* daripada JKKK. Contoh tahun sudah saya sebut, macam mana bantuan RISDA, saya tidak ingat bantuan apa, ada seorang orang PAS kawasan saya, Setiausaha PAS cawangan dia pergi ke pejabat RISDA, tanya macam mana nama dia, “Nama siapa?”, “Che Mat”, “Che Mat daripada mana?”, “Saya setiausaha PAS cawangan Jabi”. “Minta maaf, PAS semua cancel”. Ketua UMNO Bahagian, Mat Sudin, cancel. Saya lihat daripada pegawai RISDA sendiri tunjuk dan kata, “Yang Berhormat, semua nama ini dibatalkan oleh Ketua Bahagian”.

Jadi, macam mana, sentimen politik menebal mengatasi kepentingan kehidupan rakyat, keperluan rakyat itu tidak diutamakan. Jadi, ini yang saya hendak minta diperbetulkan. Sepatutnya orang dapat tetapi tidak dapat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu saya tadi memberitahu, satu langkah yang diambil oleh kementerian buat masa ini, kita hendak mengemaskinikan daftar kemiskinan sebab daftar itu tahun 1995, 1996. Jadi, kita tahu dengan peredaran masa, mungkin orang itu tidak layak lagi. Itu satu, Yang Berhormat, yang kita hendak buat sekarang. Kita amalkan pendaftaran terbuka.

Jadi, kalau ada lagi orang miskin yang dirasakan begitu betul-betul memerlukan, hantarkan nama melalui Pejabat Daerah sebab sekarang ini Pejabat Daerah yang mengumpulkan segala nama. Untuk makluman Yang Berhormat, JKKK ini di bawah

Pejabat Daerah, jadi kita memerlukan mana-manalah, Yang Berhormat boleh hantar, JKKK boleh hantar, semua boleh hantar. Kalau kita tahu ada orang yang begitu daif yang kita kenal, yang kita tahu tidak masuk di dalam daftar, kita hantar supaya nama mereka ini yang kita hendak bantu.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, panjang lagi, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sedikit, Tuan Pengerusi, tetapi saya mesti hendak beritahu mengenai daftar ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi, kita memang hendak daftar ini supaya ia dibersihkan kerana Bahagian Kemiskinan sekarang ini memang dalam proses mengemaskinikan daftar.

Yang Berhormat, mengenai bekalan lembu kepada pekebun kecil. Isu ini adalah berkaitan dengan Skim Pelbagai Pertanian Luar Bandar di bawah Kementerian Pertanian. Jadi, isu utama skim ini adalah kekurangan baka lembu ternakan untuk diedarkan, yang dihadapi oleh Jabatan Haiwan. Jadi, RISDA hanya menjadi penghubung di antara pekebun kecil dengan Jabatan Haiwan. RISDA membantu, Yang Berhormat.

Mengenai Khidmat Nasihat Tanam Sawit. Menurut Akta RISDA

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya! Pokok Sena berdiri lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ini *last*.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih. Kalau sudah menjadi penghubung sepatutnya bila dalam kursus itu, kena beritahu, jangan buat kandang lagi. Daripada belanja itu, ada yang buat kandang sampai RM1000, ada kandang sampai RM700. Jadi, teruklah orang kampung tunggu sampai setahun, buat kandang pun RM700, kayu biasa sahaja, memang reput setahun. Lembu tidak masuk lagi, tuan lembu sahaja yang keluar masuk, lembu tidak tahu ke mana.

Jadi, ini masalahnya. Janji dalam kursus yang dianjurkan oleh RISDA, ini masalah yang berlaku. Sepatutnya RISDA, kalau sudah tahu begitu, kena buatlah perhubungan dengan Jabatan Haiwan secara yang lebih *detail*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Hasrat RISDA memang macam itu, Yang Berhormat, tetapi tidak tahu pula baka itu tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Itu kadang-kadang..

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Cakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sudahlah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baka tidak menjadi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Hendak buat macam mana, Setiausaha Parlimen.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apalah itu. Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ini mengenai sawit, Tuan Pengerusi. Menurut Akta RISDA, fungsi RISDA ialah mengambil alih tanggungjawab memberi khidmat pengembangan kepada pekebun kecil getah dari Institut Penyelidikan

Getah, oleh itu Khidmat Nasihat Menanam Getah Sawit tidak jadi kewajipannya. Bagaimanapun, RISDA telah menubuhkan Jawatankuasa Pemindahan Teknologi supaya teknologi sawit dapat disalurkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia kepada pekebun kecil yang memerlukan.

Kerugian RISDA RM319 juta. Sejak PRB ditubuhkan dalam tahun 1995 sehingga Julai 2003, keuntungan terkumpul diperolehi oleh RISDA ialah RM154.2 juta, bukannya rugi. Jika, kementerian mendapati ada unsur penyelewengan, kementerian tidak teragak-agak membuat siasatan ke atas PRB yang disebutkan tadi, Yang Berhormat mengatakan ada penyelewengan atau kerugian. Jadi, oleh yang demikian, saya berharap bahawa tidak ada apa yang telah disangkakan dan kalau ada memang kementerian juga tidak teragak-agak untuk memastikan bahawa ia akan disiasat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habis, Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya kata, sudah tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. dia tidak beri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sudahlah, tidak beri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sebab dia diakui bahawa kemungkinan berlaku kerana penglibatan PRB ini di dalam pelaburan berisiko tinggi. So, kita hendak tahu. Apakah ini juga berlaku seperti mana ada unsur-unsur yang berlaku seperti mana dalam Tabung Haji, apabila terlibat dalam pasaran hadapan mata wang yang menyebabkan kita melibatkan diri dalam membuat keputusan yang tidak sewajarnya, kita buat keputusan begitu. Mungkin ini ada unsur-unsur penyelewengan di sini. Jadi, sebab itu saya minta penjelasan bahawa kalau ada siasatan seharusnya dikemukakan pada Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi, tidak ada kerugian tetapi ada untung, iaitu keuntungan berjumlah RM154.2 juta. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, pelaburan saham oleh PRB ini adalah untuk jangka masa yang panjang dan tidak bersifat spekulatif. Setiap pelaburan dipantau oleh Lembaga Pengarah RISDA dan PRB.

Aktiviti pelaburan saham oleh PRB dilaksanakan setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Pihak pengurusan syarikat terdiri daripada anggota-anggota profesional dan pakar di dalam bidang berkenaan.

Tetapi terima kasih Yang Berhormat untuk mengingatkan supaya jangan terjadi apa yang Yang Berhormat ingatkan ada penyelewengan dan sebagainya. Jadi, memang, seperti disebutkan di sini ada badan dan lembaga yang memastikan bahawa tidak ada berlaku apa-apa penyelewengan dan kalau dapat ia akan meraih keuntungan untuk mereka yang ada kepentingan di dalam PRB tersebut.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat bagi Bandau tidak ada sini. Saya jawab yang ada di sini. Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu tidak ada. Yang Berhormat bagi Selangau – mana jawapan Selangau? Yang Berhormat bagi Selangau tadi menyatakan bahawa Tabika banyak menumpang di balai raya dan sebagainya dan minta banyak peruntukan.

Memang, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat melihat kepada bajet kali ini, memang didapati bahawa ada peningkatan peruntukan kepada KEMAS. Satu daripadanya adalah untuk kita mengadakan bangunan Tabika sendiri. Jadi, terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Namun demikian, dari segi kenderaan dan sebagainya itu terpulang kepada pentadbiran di dalam KEMAS untuk memastikan bahawa bagaimana mengatasi masalah-masalah pergerakan.

Sebab saya memang maklum, khasnya kita di Sarawak dan Sabah, memang memerlukan kenderaan termasuk bot-bot untuk mengangkut pegawai. Di Sarawak memang tidak ada Jabatan Orang Asli sebab kita tidak ada bezanya iaitu kumpulan-kumpulan ini – di mana di Sarawak kita diselaraskan sekali semua bumiputera ataupun kumpulan minoriti.

Oleh yang demikian, di mana di sini Jabatan Orang Asli memberitahu bahawa mereka hanya diberi kuasa untuk mentadbir hal ehwal Orang Asli Semenanjung di dalam *terms of reference* mereka iaitu tahun

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Selangau berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sebab di Sarawak itu ada Tabung Penan. Tabung Penan, minoriti di anggap macam Orang Asli di Semenanjung juga. Adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk memberi bantuan kepada Tabung Penan Sarawak? Itu sahaja soalan saya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih. Mungkin yang itu kita harus memohon melalui Kementerian Kewangan sebab itu adalah Tabung Penan, tetapi *jurisdiction* Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli memang hanya di Semenanjung sahaja.

Mengenai bekalan elektrik dan juga bekalan air luar bandar. Yang Berhormat, memang setakat ini peratusan bekalan elektrik di Sarawak adalah 82% dan bekalan air luar bandar dalam 80%. Bermakna belum lagi menjangkau. Jadi, memang ada lagi kampung-kampung yang tertinggal.

Mengenai penanaman getah, Yang Berhormat mencadangkan supaya penanaman getah ini diberi lebih peruntukan? Tanam semula? Sebab memang kita dari segi peruntukan untuk penanaman getah ini memang dilakukan di bawah Jabatan Pertanian, kita tidak ada lembaga khas untuk penanaman getah, tetapi kita memberikan peruntukan kepada Jabatan Pertanian Sarawak.

Jadi, dengan kata-kata demikian, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, yang telah memohon penjelasan dan saya ingin mohon maaf jika ada penjelasan tidak begitu memuaskan hati. Tetapi dengan adanya pegawai-pegawai yang bersama di sini, mereka akan mengambil maklum khasnya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tidak ada di dalam Dewan, memang kita telah membuat segala catatan untuk memastikan bahawa mereka akan diberi jawapan-jawapan, mungkin secara bertulis.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, telah lebih masa, saya gunakan Peraturan 12(3)

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM573,150,600 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM573,150,600 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,215,221,020 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,215,221,020 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 10.00 besok hari.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.